

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KEWARTAWANAN SOLO DARI PERSPEKTIF EDITOR
MALAYSIA**

NOR HAFISYA FITRI BINTI MOZLI



UUM
Universiti Utara Malaysia

**MASTER OF SCIENCE (MEDIA MANAGEMENT)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2017**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

NOR HAFISYA FITRI MOZLI

calon untuk Ijazah

(candidate for the degree of)

MASTER OF SCIENCE (MEDIA MANAGEMENT)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:

(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

"KEWARTAWANAN SOLO DARI PERSPEKTIF EDITOR MALAYSIA"

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.

(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada: **20 Jun, 2017.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:

June 20, 2017.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Arsaythamby a/l Veloo

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Dr. Rizalawati Ismail

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Dr. Syarizan Dalib

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Awan Ismail

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Mot Madon

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:

(Date) **June 20, 2017**

Kebenaran Mengguna

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Media di Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa pihak Perpustakaan Universiti boleh menjadikan tesis ini sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan dalam apa-apa cara, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau diperoleh daripada Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sains. Sebarang penyalinan, pengambilan, penerbitan atau penggunaan tesis ini secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya untuk tujuan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Adalah difahamkan bahawa pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia untuk sebarang penggunaan ilmiah yang boleh dibuat daripada mana-mana bahan lain di dalam tesis ini.

Permintaan kebenaran untuk menyalin atau menggunakan bahan-bahan lain di dalam tesis ini secara keseluruhan atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Abstrak

Pendidikan kewartawanan perlu bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan graduan kewartawanan. Isu semasa menunjukkan bahawa industri memerlukan wartawan solo yang mempunyai pakej lengkap dalam kemahiran dan profesionalisme. Wartawan solo ialah seorang wartawan yang dilengkapi dengan peralatan berteknologi dan berperanan sebagai penulis, jurugambar, dan juruvideo untuk menyampaikan berita di seluruh pelosok dunia. Kemunculan wartawan warga yang semakin aktif dalam era digital menyebabkan wartawan profesional perlu bersaing untuk menyampaikan berita dengan cepat kepada masyarakat, di samping menjaga kredibiliti profesional kewartawanan. Namun, kelemahan wartawan yang tidak arif dalam mengambil gambar menimbulkan kesukaran untuk menandingi wartawan warga. Permasalahan tersebut menyebabkan kajian ini tertumpu kepada aspek kemahiran dan profesionalisme bagi mengatasi kelompangan kajian lepas yang hanya membincangkan beberapa kemahiran sahaja tetapi tidak menghuraikan secara terperinci jenis kemahiran yang diperlukan itu. Walaupun ada, ia tidak menyeluruh dan tidak membincangkan tentang profesionalisme serta kewartawanan solo. Bidang pengajian dalam bidang kewartawanan adalah penting bagi menyediakan para graduan yang komprehensif dan efisien. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka kemahiran dan profesionalisme yang diperlukan oleh industri bagi melahirkan wartawan solo. Matlamat akhir kajian ini adalah untuk menghasilkan informasi tentang aspek kemahiran dan profesionalisme bagi membantu meningkatkan kualiti pendidikan kewartawanan di Malaysia. Temu bual separa berstruktur dijalankan terhadap tujuh editor akhbar di Malaysia. Data temu bual tentang kemahiran dan profesionalisme dianalisis menggunakan analisis tematik. Editor berita di Malaysia mempunyai pemahaman yang sama dengan perspektif Barat yang menekankan kemahiran menulis sebagai kemahiran asas. Namun keperluan penggunaan peranti seperti telefon bimbit menunjukkan terdapat perbezaan kemahiran yang diperlukan. Berdasarkan maklum balas, informan menyatakan bahawa wartawan solo memerlukan kemahiran menulis, kemahiran multimedia, kemahiran berkomunikasi, dan kemahiran dwibahasa, manakala aspek profesionalisme yang diperlukan adalah autonomi, komitmen, dan kejujuran. Berdasarkan jawapan informan, dan Teori Akauntabiliti Media, wartawan solo perlu mematuhi Etika Kewartawanan Malaysia dan perlu lengkap dengan pelbagai kemahiran agar dilabelkan sebagai wartawan solo. Model Kurikulum Kewartawanan boleh dijadikan panduan bagi penambahbaikan silibus pendidikan kewartawanan supaya bersesuaian dengan jangkaan industri.

Kata Kunci: Pendidikan kewartawanan, Wartawan solo, Kemahiran, Profesionalisme, Teori akauntabiliti media.

Abstract

Journalism education is necessary to improve the skills and knowledge of journalism graduates. The current issue suggests that the industry needs solo journalists who have the complete package of skill and professionalism. A solo journalist is a journalist who is equipped with technological equipment and serves as a writer, photographer, and videographer to deliver news across the globe. The emergence of citizen journalists increasingly active in the digital age causes professional journalists to compete to deliver news quickly to the public while maintaining the credibility of journalistic professionals. However, the weakness of journalists who are not wise in taking pictures creates the difficulty in comparing citizen journalists. These problems caused this study to focus on aspects of skills and professionalism to overcome the gap in previous studies that only discuss some skills, but do not describe in detail the types of skills required. Even if there are, they are not comprehensive and do not discuss professionalism and solo journalism. Studies in the field of journalism are important to produce comprehensive and efficient graduates. The objective of this study was to explore the skills and professionalism required by the industry to produce solo journalists. The final goal of this study was to produce information in terms of skills and professionalism to help improve the quality of journalism education in Malaysia. Semi -structured interviews were carried out on seven Malaysian newspaper editors. The interview data about skills and professionalism were analyzed using thematic analysis. News editors in Malaysia have a similar understanding with Western perspectives that emphasize writing skills as basic skills. But the need for the use of devices such as mobile phones shows that there is little difference in the skills required. Based on the responses of the informants, the skills required of solo journalists are writing skills, multimedia skills, communication skills and bilingual skills, while professionalism required autonomy, commitment and honesty. Based on the informants' responses and the Media Accountability Theory, solo journalists must comply with the Malaysian Journalism Ethics and need to be equipped with various skills to be labelled as solo journalists. The Journalism Curriculum Model could serve as a guideline for improving the syllabus of journalism education to suit the expectations of the industry.

Keywords: Journalism education, solo journalism, skill, professionalism, media accountability theory.

Penghargaan

Terlebih dahulu saya bersyukur kepada Allah SWT, dengan rahmat dan kurniaanNya, tesis ini telah dapat diselesaikan dengan jayanya. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang dalam menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua penyelia saya Dr. Awan Ismail dan En. Mot Madon, di atas segala bimbingan, cadangan, dan kritikan untuk membantu mencapai matlamat saya. Tanpa sokongan berharga juga keprihatinan beliau, tesis ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Segala komen dan bantuan mereka yang berkongsi maklumat serta kepakaran, juga mudah dihubungi sepanjang sesi penyeliaan mereka dalam pengajian ini amat dihargai dalam membantu kepada kejayaan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Encik Nasrol Hadi Ahmad Shukeri, kerana bertungkus lumus, dan prihatin dalam menyempurnakan proses suntingan tesis ini.

Setinggi tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Dr. Rizalawati Ismail, yang merupakan Pemeriksa Luar, dan Pemeriksa Dalam Dr. Syarizan Dalib, kerana berkongsi pendapat dan memberi komen untuk penambahbaikan tesis ini, ketika sesi viva saya yang dijalankan pada 20/06/2017. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Mama saya Norlita Mohamad Saie dan Ayah saya, Mozli Kadir, kasih sayang, sokongan, galakan dan dorongan mereka memberi semangat kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Matlamat saya tidak akan tercapai tanpa mereka. Tesis ini saya dedikasikan kepada ibu bapa, adik-beradik saya Norhartini, Nur Anirah, Muhammad Shukrie, dan Nur Suraya, dan tunang saya Mohamed Irfan Azim Mohamed Zaidi.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan saya di Universiti Utara Malaysia (UUM) iaitu Nurul Husna Mohamad dan Hanani Ismail, di atas galakan dan sentiasa menemani saya, menghulurkan bantuan, motivasi serta berjuang bersama-sama saya untuk untuk mengharungi cabaran-cabaran sepanjang pengajian ini.

Isi Kandungan

Kebenaran Mengguna	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual.....	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Singkatan.....	xi
Senarai Lampiran	xii
BAB SATU PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.1.1 Pendidikan Kewartawanan	1
1.1.2 Kebangkitan Teknologi dalam Industri Kewartawanan	7
1.1.3 Wartawan Solo.....	9
1.1.4 Kepentingan Kewartawanan Solo.....	11
1.1.5 Profesionalisme.....	13
1.2 Andaian Kajian	17
1.3 Permasalahan Kajian	18
1.3.1 Profesionalisme dan Tanggungjawab	24
1.4 Persoalan Kajian	30
1.5 Objektif Kajian	30
1.6 Kepentingan Kajian	31
1.7 Definisi Konsep dan Operasional	32
1.7.1 Pendidikan Kewartawanan	32
1.7.2 Kemahiran Wartawan Solo.....	33
1.7.3 Kemahiran Menulis Wartawan Solo.....	34
1.7.4 Kemahiran Multimedia Wartawan Solo	34
1.7.5 Profesionalisme Wartawan Solo.....	36
1.7.6 Autonomi Wartawan Solo	36
1.7.7 Komitmen (Iltizam) Wartawan Solo	38
1.8 Rumusan Bab.....	38

BAB DUA SOROTAN LITERATUR	40
2.1 Pengenalan.....	40
2.2 Kewartawanan Solo	40
2.3 Pendidikan Kewartawanan	43
2.4 Kepentingan Kemahiran	45
2.5 Kemahiran Asas Wartawan Solo.....	47
2.6 Kepelbagaian Kemahiran Wartawan Solo.....	51
2.7 Profesionalisme Wartawan Solo.....	60
2.8 Teori Akauntabiliti Media	65
2.8.1 Profesionalisme dalam Teori Akauntabiliti Media.....	65
2.8.2 Kemahiran dalam Teori Akauntabiliti Media.....	68
2.9 Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007, UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu	70
2.10 Model Holistik Pendidikan Kewartawanan Malaysia (HMJEM)	73
2.11 Kerangka Konseptual	73
2.12 Rumusan Bab.....	76
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN	79
3.1 Pengenalan	79
3.2 Reka Bentuk Kajian	79
3.3 Pemilihan Informan.....	81
3.4 Profil Informan.....	82
3.5 Temu bual Semi Berstruktur	83
3.6 Proses Temu bual	84
3.7 Perincian Temu bual Setiap Informan.....	87
3.8 Proses Transkripsi	92
3.9 Analisis Tematik	92
3.10 Sumber Data.....	96
3.11 Kesahan	97
3.12 Kebolehpercayaan.....	98
3.13 Rumusan Bab	100
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN	101
4.1 Pengenalan	101
4.2 Hasil Analisis Data Temu bual Semi Struktur	101

4.3 Kemahiran Asas Wartawan Solo	101
4.3.1 Kemahiran Menulis	101
4.4 Kemahiran Lain Wartawan Solo	103
4.4.1 Kemahiran Multimedia	103
4.4.2 Kemahiran Berkomunikasi	107
4.4.3 Kemahiran Dwibahasa	108
4.5 Kriteria Profesionalisme Wartawan Solo	113
4.5.1 Autonomi Wartawan Solo	114
4.5.2 Komitmen Wartawan Solo	116
4.5.3 Kejujuran Wartawan Solo	117
4.6 Rumusan Bab	119
BAB LIMA PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	120
5.1 Pengenalan	120
5.2 Perbincangan Hasil Kajian	120
5.3 Rumusan	127
5.4 Implikasi/ Sumbangan Kajian	135
5.5 Batasan Kajian	137
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	138
5.7 Penutup	138
RUJUKAN	141
LAMPIRAN	151

Senarai Jadual

Jadual 1.1 Senarai Universiti Awam yang Menawarkan Bidang Kewartawanan (Komunikasi dan Media) di Malaysia.....	3
Jadual 1.2 Senarai Universiti Swasta yang Menawarkan Bidang Kewartawanan (Komunikasi dan Media) di Malaysia.....	4
Jadual 3.1 Profil Informan.....	82
Jadual 5.1 Tema Kemahiran yang Diperlukan Industri.	122
Jadual 5.2 Kemahiran yang Diperlukan dan Tema	122
Jadual 5.3 Tema Profesionalisme untuk Membantu Mengukuhkan Profesionalisme Wartawan Solo.....	124
Jadual 5.4 Kriteria Profesionalisme untuk Membantu Mengukuhkan Profesionalisme Wartawan Solo.....	124
Jadual 5.5 Tema dan Penjelasan Kemahiran yang Diperlukan Sebagai Wartawan Solo.....	128
Jadual 5.6 Tema dan Penjelasan Kriteria Profesionalisme yang Diperlukan Sebagai Wartawan Solo.....	132



UUM

Universiti Utara Malaysia

Senarai Rajah

Rajah 2.1: Kerangka Konseptual Kewartawanan Solo	75
Rajah 5.1: Kewartawanan Solo	126



Senarai Singkatan

BERNAMA	Berita Nasional Malaysia
COHECS	Ahli-ahli Majlis Ketua-Ketua Pengajian Komunikasi
HMJEM	<i>Holistic Model of Journalism Education Malaysia</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
UA	Universiti Awam
US	Universiti Swasta
MNPA	Persatuan Penerbit Akhbar Malaysia
MoU	Memorandum Persefahaman
MPI	<i>Malaysian Press Institute</i>
NUJ	<i>National Union of Journalist</i>
OUM	<i>Open University Malaysia</i>
PCC	<i>Press Complaint Commission</i>
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
UTAR	Universiti Tunku Abdul Rahman
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNISEL	Universiti Selangor
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
UNESCO	Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu
WJEC-1	Kongres Pendidikan Kewartawanan Dunia pertama

Senarai Lampiran

Lampiran A Contoh Surat Kebenaran Temu bual	151
Lampiran B Protokol Temu bual.....	152
Lampiran C Contoh Transkrip Temu bual	155
Lampiran D Aplikasi Pengekoden Terbuka, Pengekoden Aksial, dan Pengekoden Terpilih	173



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai perkembangan pendidikan kewartawanan yang memperlihatkan sejarah pendidikan kewartawanan di Universiti Awam dan Swasta di Malaysia. Selain itu, bab ini memperjelaskan mengenai perkembangan teknologi dalam industri kewartawanan disebabkan oleh evolusi teknologi dan media baharu yang semakin canggih. Ini menyebabkan perlunya wartawan yang mempunyai kepelbagaian kemahiran dari aspek kewartawanan agar profesionalisme wartawan akan terus kukuh seiring dengan arah aliran atau trend era teknologi kini. Bab ini turut membincangkan permasalahan kajian dalam bidang kewartawanan. terutamanya tentang kewartawanan solo. Selain itu, bab ini juga membincangkan tentang persoalan kajian, objektif kajian, andaian kajian, kepentingan kajian, dan definisi konsep dan operasional.

1.1.1 Pendidikan Kewartawanan

Pendidikan kewartawanan di Malaysia telah bermula sejak tahun 1970 dan sentiasa mengalami perubahan serta penstrukturan dari aspek kurikulum sehinggalah kini. Pendidikan kewartawanan merupakan cabang ilmu yang diwujudkan untuk melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran. Matlamat utama universiti ini adalah untuk menyediakan kemahiran dan pengetahuan kepada wartawan. Sebahagian besar aktiviti yang dijalankan adalah berkaitan dengan pendidikan dan latihan kepada pelajar kewartawanan. Bidang komunikasi di Malaysia berkembang dengan pesat serta berperingkat-peringkat. Perkembangan tersebut dipengaruhi oleh faktor keperluan komunikasi negara dan industri media.

Universiti Sains Malaysia (USM) telah menawarkan program Pengajian Komunikasi sejak tahun 1970. Pada peringkat awalnya Pengajian Komunikasi ditawarkan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan para graduannya dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera. Program komunikasi adalah program bidang komunikasi yang pertama telah diperkenalkan di di Universiti Teknologi Mara (UITM) pada tahun 1972 di sekolah komunikasi Massa. Jabatan Komunikasi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1975 dan Program Pengajian Media di Universiti Malaya (UM) pada tahun 1976 dan Jabatan Pembangunan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1979. Seterusnya Program Komunikasi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) pada tahun 1990, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 1993, Universiti Malaysia Sabah (UMS), dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah diperkenalkan pada tahun 1994 dan 1999. Secara keseluruhannya, melalui carian di setiap laman web Universiti Awam dan Swasta, dapat dijelaskan bahawa daripada 21 buah universiti awam di Malaysia, hanya sembilan buah universiti sahaja yang menawarkan bidang kewartawanan.

Manakala, daripada 21 buah Universiti Swasta (US) di Malaysia, hanya enam buah universiti sahaja yang menawarkan bidang kewartawanan. Antaranya adalah Universiti teknologi kreatif Limkokwing, Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Universiti UCSI, Universiti Tunku Abdul Rahman, Universiti Antarabangsa (INTI), dan Universiti Industri Selangor (UNISEL). Menerusi perkembangan pengajian bidang tersebut, bidang kewartawanan menjadi semakin penting dalam komuniti masyarakat di Malaysia. Inisiatif awal dalam memantapkan bidang tersebut adalah melalui penubuhan program pengajian komunikasi di Universiti Awam (UA). Jadual

1.1 merupakan senarai UA yang menawarkan program pengajian komunikasi dan media kewartawanan.

Jadual 1.1

Senarai Universiti Awam yang Menawarkan Bidang Kewartawanan (Komunikasi dan Media) di Malaysia

No	Nama Universiti	Program	Tahun Tawaran
1	Universiti Sains Malaysia (USM)	• Sarjana Muda Komunikasi	1970
2	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	• <i>Diploma in Communication and Media</i> • <i>Bach. of Mass Communication. (Hons) Journalism</i>	1972
3	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	• <i>Bachelor of Social Sciences (Media & Communication)</i>	1975
4	Universiti Malaya (UM)	• <i>Bachelor of Arts (Media Studies)</i>	1976
5	Universiti Putra Malaysia (UPM)	• <i>Bachelor of Communication</i>	1979
6	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)	• <i>Bachelor of Human Sciences in Communication</i>	1990
7	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	• <i>Bachelor of Social Science (Hons) Communication Studies</i>	1993
8	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	• <i>Bachelor of Social Sciences With Honours (Communication) - (Ha02)</i>	1994
9	Universiti Utara Malaysia (UUM)	• <i>Bachelor of Media Technology (Hons.)</i>	1999

Namun, dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia, Universiti Swasta juga memainkan peranan penting dalam pendidikan tinggi. Ini agar bidang yang diwujudkan tersebut setaraf di peringkat antarabangsa. Jadual 1.2 menunjukkan beberapa Universiti Swasta yang menawarkan program pengajian komunikasi dan media kewartawanan.

Jadual 1.2

Senarai Universiti Swasta yang Menawarkan Bidang Kewartawanan (Komunikasi dan Media) di Malaysia

Bil	Nama Universiti	Program
1	Universiti Teknologi Kreatif Lim Kok Wing	• <i>Bachelor of Arts (Hons) In Broadcasting & Journalism</i>
2	Open University Malaysia (OUM)	• <i>Bachelor of Communication With Honours</i>
3	UCSI UNIVERSITY	• <i>BA (Hons) Mass Communication</i>
4	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	• <i>Bachelor of Communication (Hons) Journalism</i> • <i>Bachelor of Arts (Hons) Journalism In Chinese Media</i>
5	Universiti Antarabangsa INTI (Nama Lama : Kolej Universiti INTI Negeri Sembilan)	• <i>Bachelor of Mass Communication (Hons)</i>
6	Universiti Selangor (UNISEL)	• <i>Bachelor of Information Technology (Hons)</i>

Jadual di atas menunjukkan antara IPTS yang turut menawarkan bidang pengajian komunikasi di Malaysia iaitu UNITAR, UNISEL, LIM KOK WING, OUM, INTI, dan UCSI. Menerusi perkembangan pengajian bidang tersebut, bidang kewartawanan menjadi semakin penting dalam komuniti masyarakat di Malaysia. Pengamal dalam bidang kewartawanan memikul satu tanggungjawab yang mencabar serta berbeza dengan pelbagai bidang yang lain. Dalam aspek pembangunan negara, pendidikan kewartawanan berperanan dalam membawa perubahan minda masyarakat ke arah kemajuan dan pembangunan negara. Malaysia kini merupakan sebuah negara yang menawarkan bidang pengajian media dan komunikasi. Universiti, sama ada awam atau swasta banyak menawarkan pelbagai bidang pengajian media dan komunikasi bermula pada peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda sehinggalah ke peringkat Doktor Falsafah.

Menurut de Beer (2009), di Amerika Syarikat pada tahun 1971 hingga 2002, wartawan yang terdiri daripada graduan bidang kewartawanan meningkat daripada 58 peratus kepada 89 peratus. Sementara itu, di Jerman pula seramai 80.5 peratus wartawan memegang ijazah universiti, namun hanya 13 peratus graduan mempunyai pengkhususan dalam bidang kewartawanan dan 17 peratus graduan berjaya menamatkan pengajian dalam bidang komunikasi serta pengajian media. Gambaran tersebut jelas menunjukkan bahawa industri media membuka peluang kepada graduan agar mampu menggunakan kebolehan yang diperolehi dalam pendidikan kewartawanan untuk meningkatkan tahap industri wartawan dalam pendidikan global. Ini seterusnya mengukuhkan kedudukan profesionalisme wartawan.

Pendidikan kewartawanan dilihat berfungsi untuk menyediakan para graduan dari segi kemahiran dan pengetahuan dalam bidang kewartawanan. Keperluan untuk menjadikan pengajian ini relevan kepada pasaran kerja adalah amat penting. Ini terutamanya dalam melahirkan wartawan yang memiliki kemahiran dan profesionalisme seperti yang dikehendaki oleh industri masa kini. Laporan dalam buku yang bertajuk Hala Tuju Pengajian Komunikasi dan Media di Malaysia, yang disediakan oleh Majlis Ketua-Ketua Pengajian Komunikasi (COHECS) terbitan tahun 2010, jelas menunjukkan bahawa para majikan dalam bidang media dan komunikasi berpendapat bidang tersebut adalah kritikal serta penting untuk pembangunan negara. Oleh itu, para majikan merasakan para graduan dalam bidang tersebut perlu mempertingkatkan lagi kemahiran mereka di tempat kerja. Maklumat tersebut diperoleh berdasarkan kesimpulan daripada temu bual terhadap 60 orang majikan organisasi media dan bukan media di seluruh negara.

Sejak kebelakangan ini, terdapat beberapa majikan dalam industri yang memberi penekanan kepada pengisian bidang ilmu kewartawanan (COHECS, 2010). Wartawan akan diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas seperti membuat liputan peristiwa atau menemu ramah individu-individu tertentu. Setelah selesai, wartawan akan kembali ke bilik berita untuk mengarang tugas yang diberikan. Setelah itu, berita yang telah dihasilkan akan disunting oleh editor sebelum dicetak atau disiarkan di pelbagai saluran media. Perkembangan pesat industri media cetak serta elektronik akibat perkembangan ekonomi negara telah membuka peluang kerjaya dalam bidang kewartawanan khususnya di sektor swasta.

Oleh itu, banyak elemen yang perlu diterapkan dalam pendidikan kewartawanan di Malaysia.

Kemahiran adalah elemen penting yang perlu ada pada seorang wartawan. Menurut Finberg (2012), kemahiran dan nilai profesionalisme perlu diterapkan dalam diri seorang wartawan sejak peringkat mahasiswa lagi. Elemen kemahiran banyak diterapkan dalam kebanyakan subjek jurusan media dan kewartawanan yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Oleh itu, kajian ini mengkaji tentang kemahiran dan profesionalisme dalam pengurusan kewartawanan. Menurut Faridah Ibrahim (2003), dalam kerjaya media, profesionalisme wartawan dinilai berdasarkan tanggungjawab sosialnya, mutu perkhidmatan, serta tingkah laku yang beretika. Oleh itu, seorang wartawan perlu sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran demi memperbaiki diri sendiri agar dapat menyampaikan khidmat yang terbaik.

1.1.2 Kebangkitan Teknologi dalam Industri Kewartawanan

Industri kewartawanan di Malaysia dan negara lain melalui perubahan yang agak signifikan dan akan terus berhadapan dengan cabaran dunia teknologi masa kini. Menurut Chamil Wariya (2012), penggunaan internet yang berleluasa membuatkan industri perlu berdaya saing dan bertindak lebih pantas berbanding media sosial lain yang juga menyebarkan berita. Buktinya, wartawan harus mahir dalam penggunaan pelbagai teknologi dan kekal mengikuti perubahan teknologi serta berita media, (Awan Ismail, Rizalawati Ismail, Norizah Aripin, & Norhafezah Yusof, 2015, hal. 1). Kemunculan media baharu iaitu media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, Blog dalam pelbagai bentuk video, gambar dan sebagainya menyebabkan

masyarakat lebih memilih sumber tersebut untuk mendapatkan maklumat. Situasi ini menyebabkan pelbagai maklumat boleh diakses secara langsung dengan menggunakan pelbagai teknologi seperti komputer riba, tablet, telefon bimbit dan sebagainya.

Melalui ledakan perkembangan teknologi komunikasi maklumat, kemunculan akhbar-akhbar dalam talian yang menggunakan saluran media sosial akan menjadikan penyebaran berita lebih pantas. Bagi menghadapi cabaran ini, akhbar-akhbar terpaksa mengemas kini berita mereka hampir setiap minit. Namun, adakalanya penyebaran maklumat yang terlalu pantas ini dilakukan tanpa mengambil kira kesahihan maklumat tersebut (*Utusan Online*, 2014).

Evolusi era teknologi digital kini mendorong para wartawan agar mempunyai banyak kemahiran iaitu bukan sahaja dalam aspek teori kewartawanan, malahan juga ilmu dalam teknologi. Ini jelas dapat dibuktikan melalui laporan dalam Hala Tuju Pengajian Komunikasi dan Media di Malaysia (2010) iaitu pelajar kewartawanan perlu disediakan dengan saluran pengajaran yang menerapkan pengetahuan teknologi di dalam menghadapi arus pemodenan media. Di samping itu, perlu juga memfokuskan kepada keperluan media masa depan dengan mengadaptasi instrumen teknologi dalam pengurusan komunikasi dan media. Inovasi teknologi seperti kamera video, komputer riba, *Wi-Fi*, dan telefon bimbit yang boleh menghantar video digital, menjadi faktor perlunya kewartawanan solo. Oleh itu, wartawan kini perlu mempunyai kemahiran yang pelbagai dan pantas dalam menghadapi cabaran teknologi.

1.1.3 Wartawan Solo

Perkembangan teknologi juga menyebabkan wujudnya kewartawanan solo dalam industri kewartawanan. Sejak berabad yang lalu, kebanyakan wartawan menggunakan bantuan teknologi bagi mendapatkan maklumat dan mencetak akhbar untuk disampaikan ke khalayak ramai. Sejak kurun ke-16 lagi, ketika penemuan mesin pencetak Guttenberg, industri kewartawanan dunia telah berkembang dan terus berkembang sehingga kini. Dalam era teknologi kini, pelbagai ciptaan baharu telah dihasilkan bagi membantu wartawan dalam proses penulisan, pengumpulan, dan penyebaran berita. Faktor perkembangan teknologi menyebabkan wujudnya dan perlunya wartawan solo dalam industri kewartawanan.

Wartawan solo ialah seorang wartawan tunggal yang dilengkapi dengan peralatan berteknologi tinggi untuk melaporkan berita dari seluruh pelosok dunia dalam pelbagai jenis media. Industri mengatakan bahawa wartawan solo merupakan seorang wartawan berperanan sebagai penyelidik, jurugambar, juruvideo, penyunting, dan penerbit untuk melaporkan berita dengan menggunakan peralatan elektronik mudah alih, perisian mengedit, telefon bimbit untuk mengambil gambar, merakam individu, tempat, dan peristiwa yang mempunyai nilai berita (Plater, 2015).

Wartawan solo perlu mempunyai beberapa kemahiran tertentu terutamanya aspek kemahiran teknikal dalam menggunakan kamera. Hal ini kerana gambar merupakan aspek penting untuk mengukuhkan sebuah berita (Gentile, 2010). Selain itu, kemahiran fizikal juga diperlukan. Menurut Gentile (2014), wartawan solo kadangkala perlu bekerja sehingga 14 sehingga 15 jam sehari, dan juga perlu mempunyai keberanian. Oleh itu, sejajar dengan tuntutan industri, wartawan ataupun

graduan kewartawanan perlu mempunyai pelbagai kemahiran yang boleh dilabelkan sebagai wartawan solo.

Wartawan solo perlu mengambil beberapa peranan wartawan termasuk sebagai pengendali kamera dan editor. Hal ini dilihat sebagai perkara yang positif kerana wartawan yang mampu menjadi seorang wartawan solo mampu melaksanakan kesemua tugas tersebut kerana mempunyai pelbagai kemahiran wartawan. Wartawan solo merupakan seorang individu yang menggunakan kamera digital untuk menyampaikan berita tanpa bantuan orang lain. Menurut Gentile (2014), wartawan solo melakukan semua tugas seorang diri dengan berperanan sebagai jurukamera, juruaudio, wartawan, penulis, penyampai, dan juga editor.

Konsep wartawan solo bermula dengan seorang lelaki bernama Kevin Site (Boswell, 2008). Idea wartawan solo ini telah diterima oleh wartawan veteran dan bermulalah satu trend baharu dalam dunia kewartawanan. Secara jelasnya, wartawan solo adalah seorang wartawan tunggal yang dilengkapi dengan pejabat mudah alih berteknologi tinggi dan dapat melaporkan berita daripada pelbagai pelosok tempat. Contohnya, Kevin Hot Site melaporkan pelbagai isu berkenaan konflik antarabangsa. Penggunaan teknologi membantu Kevin Sites sebagai penulis. Beliau mampu untuk melaporkan secara mendalam tentang isu-isu seperti peperangan di Iraq dan Afghanistan serta isu krisis kemanusiaan di Darfur secara eksklusif. Penggunaan terminologi baharu wartawan solo menyebabkan Kevin mampu melaporkan isu tersebut secara langsung dari tempat kejadian dengan menggunakan pelbagai peralatan canggih yang dibawa menggunakan beg galasnya. Antara peralatan canggih yang digunakannya ialah Sony HDR-HC1 (Kamcoder Digital Berdefinisi

Tinggi) Hughes R-BGAN (Modem Satelit) Palm Treo 650 GSM Mobile “*Smart Phone*” dan lain-lain lagi. Kesemua peralatan ini diletakkan di dalam beg galasnya dan dibawa sepanjang tugasannya dalam mendapatkan gambaran yang lebih luas dan jelas mengenai permasalahan yang timbul.

Contoh kewartawanan solo di Malaysia pula, adalah melalui sebuah ekspedisi pengembaraan oleh Zahariz Khuzaimah dengan menggunakan sebuah basikal. Rakaman ekspedisi solo “Dengan Basikal Aku Menjelajah” tersebut dirakamkan sendiri oleh beliau tanpa bantuan krew produksi. “Dengan Basikal Aku Menjelajah” merupakan sebuah program dokumentari. Zahariz berjaya merentasi sempadan di Zamyn Uud untuk memasuki negara Cina dari Mongolia.

Zan Azlee Zainal Abidin merupakan seorang lagi individu yang mempunyai kemahiran di dalam kewartawanan solo. Beliau juga merupakan seorang wartawan, pembikin filem dokumentari, penulis dan juga ahli akademik. Beliau bertugas sebagai Penyunting/Eksekutif Produser bagi Rancangan Majalah, ASTRO Awani, penulis ruangan dalam *The Malaysian Insider* dan juga sebagai seorang pensyarah di beberapa buah universiti di Kuala Lumpur. Beliau juga telah membuat dokumentari di kawasan konflik seperti di Afghanistan, Lebanon, Syria dan Selatan Thailand, serta pakar dalam kewartawanan solo.

1.1.4 Kepentingan Kewartawanan Solo

Dahulu, wartawan diambil oleh industri media berdasarkan kemahiran menulis laporan, namun zaman teknologi kini menyebabkan industri media bukan sahaja memerlukan kemahiran dalam peloporan berita, kemahiran mengambil gambar,

mengedit berita juga dititikberatkan. Jadi pelajar kewartawanan harus memperluas kemahiran tersebut. Hal ini kerana kewartawanan solo ini memberi kelebihan kepada industri media, contohnya dari sudut kewangan, kos untuk menghantar seorang wartawan solo adalah lebih rendah daripada menghantar wartawan dan krew-krew lain, yang terdiri daripada jurugambar, serta jurukamera.

Dalam aspek pengurusan, wartawan solo memberi kepentingan juga kelebihan kepada industri ataupun organisasi kewartawanan untuk mempercepatkan proses penyampaian berita. Ini terutamanya di saluran laman sosial mahupun portal berita atas talian. Di samping itu, wartawan solo membantu dalam persaingan penyampaian berita dengan organisasi lain agar tidak ketinggalan dalam arus teknologi yang sentiasa berubah. Selain itu, bukan sahaja berkaitan dengan aspek perkembangan teknologi, malah kejatuhan ekonomi dunia juga menyebabkan wartawan solo menjadi satu keperluan kepada industri. Oleh itu, pelbagai set kemahiran amat diperlukan untuk diterima industri sebagai seorang wartawan. Walaupun kemahiran merupakan aspek penting bagi seseorang wartawan, namun profesionalisme kewartawanan tidak boleh diabaikan. Ini kerana industri menuntut tahap profesionalisme yang tinggi terhadap wartawan (Faridah Ibrahim, 2003).

Kewartawanan solo ini juga penting dalam pendidikan kewartawanan, hal ini demikian kerana, industri media lebih memerlukan golongan wartawan muda yang terdiri daripada graduan kewartawanan yang mahir menggunakan teknologi, berbanding wartawan lama. Justeru itu, ia memudahkan graduan untuk diterima dalam industri jika kemahiran penting dalam wartawan solo diajar sejak di peringkat universiti lagi. Menurut Blankeship (2015), (yang dipetik dalam Blankeship, 2016)

peningkatan dalam kewartawanan solo bermakna industri media harus mengambil wartawan muda, kerana wartawan tua tidak mempunyai kemahiran teknologi yang diperlukan.

Namun, walaupun kemahiran adalah aspek penting seorang wartawan, profesionalisme kewartawanan tidak boleh diabaikan, kerana industri menuntut tahap profesionalisme yang tinggi terhadap wartawan (Faridah Ibrahim, 2003). Contohnya, aspek autonomi dilihat kurang dalam sikap wartawan solo dan kewartawanan solo perlu diberikan lebih autonomi ke atas setiap aspek pengeluaran berita (Bock, 2011; Dickinson & Bigi, 2009; Martyn, 2009, yang dipetik dalam Blankship, 2016). Menurut Schuson (1978) dan Persatuan Wartawan Profesional (2014), (yang dipetik dalam Blankeship, 2016), autonomi merupakan ciri profesionalisme dalam kewartawanan. Justeru itu, dalam meningkatkan kemahiran kewartawanan solo, aspek profesionalisme perlu diambil berat selain kemahiran.

1.1.5 Profesionalisme

Kajian Faridah Ibrahim (2003) membuktikan bahawa tuntutan profesionalisme wartawan di Malaysia amatlah penting. Walaupun tuntutan industri mengutamakan keuntungan, namun tuntutan profesionalisme sentiasa menandingi tuntutan industri. Dalam kajiannya, profesionalisme wartawan dapat ditingkatkan dengan menitikberatkan aspek etika kewartawanan. Profesionalisme kerjaya kewartawanan dinilai berdasarkan tanggungjawab sosial, tingkah laku yang beretika, dan mutu perkhidmatan (Faridah Ibrahim, 2003, hal. 181). Justeru, wartawan perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi menyampaikan khidmat yang terbaik. Kajian ini mengkaji tentang pengukuhan profesionalisme dalam kalangan

wartawan solo. Bukan sahaja aspek profesionalisme perlu diutamakan, malah kemahiran kewartawanan di Malaysia juga perlu dititikberatkan dalam industri kewartawanan.

Selain di Malaysia, pendidikan kewartawanan dilihat mendapat tempat yang tinggi di Hong Kong. Ini apabila separuh daripada universiti di Hong Kong menawarkan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang lebih tinggi dalam program kewartawanan. Situasi tersebut jelas menunjukkan bahawa industri kewartawanan bukan sahaja dikenali di Malaysia, namun juga terkenal di luar negara. Sementara itu, di Hong Kong, kemahiran profesional dalam kewartawanan dipupuk dengan cara melatih pelajar agar mahir dalam membuat laporan berita dan membangunkan kemahiran laporan berita. Ini bukan sahaja dilakukan ketika kuliah, malah pelajar boleh belajar cara untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan, membuat draf dan melakukan penyuntingan terakhir dengan menggunakan web. Di samping itu, mereka juga boleh merumuskan soalan untuk temu bual dan memahirkan diri dalam amalan temu bual melalui teknik lakon peranan dalam tutorial.

Isu mengenai kemahiran menulis dalam kewartawanan merupakan satu aspek penting yang sangat diperlukan dalam profesion sebagai wartawan. Isu ini menjadi tumpuan dalam industri kewartawanan di Amerika. Kebanyakan majikan menuntut penulis yang mahir hasil daripada program yang ditawarkan di universiti. Selain itu, wujud juga isu profesionalisme dalam kewartawanan. Contohnya, menurut Josephi (2002), jelas menunjukkan bahawa bagi meningkatkan tahap profesionalisme, pemahaman etika perlu diterapkan sejak di peringkat universiti lagi. Ini juga boleh diterapkan semasa wartawan baharu sahaja menyertai industri. Kajian tersebut

menekankan bahawa profesionalisme dalam aspek etika perlu diterapkan dalam pendidikan kewartawanan sebagai salah satu aspek kemahiran profesional. Contohnya, menurut De Beer (2009), situasi di Scotland menunjukkan bahawa bidang kewartawanan bukanlah suatu kerjaya yang mudah untuk mendapatkan pendapatan. Hal ini kerana terdapat sebilangan besar wartawan yang memasuki pasaran kerja pada masa kini akan menggunakan kemahiran mereka sebagai penulis yang profesional dan kemahiran profesionalisme itu diperoleh melalui pendidikan kewartawanan.

Melalui isu-isu kewartawanan di Malaysia dan luar negara, jelas membuktikan bahawa pendidikan kewartawanan merupakan cabang utama dalam menentukan dan melahirkan wartawan berkemahiran serta mempunyai profesionalisme yang diperlukan dalam industri kewartawanan. Menurut Faridah Ibrahim (2003), hasil daripada beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa antara beberapa kriteria profesionalisme ialah autonomi, iltizam, kepakaran, dan tanggungjawab. Selain itu, kelayakan dan pendidikan serta dapat melakukan kerja berpanduan garis panduan etika, juga merupakan faktor yang dituntut dalam profesionalisme, (Faridah Ibrahim, 2003, hal. 59).

Oleh itu, jelaslah bahawa kriteria tersebut membantu wartawan dalam mengukuhkan profesionalisme. Menurut Faridah Ibrahim (2003), profesionalisme dilihat sebagai kriteria penting yang menonjolkan mutu, keunikan, serta identiti seorang wartawan. Justeru, dalam mengkaji kemahiran kewartawanan yang diperlukan kajian ini turut menitikberatkan soal profesionalisme yang merupakan aspek penting bagi wartawan dalam menjalankan tugas.

Jadi, dalam mengkaji kemahiran kewartawanan solo yang diperlukan, kajian ini turut menitikberatkan soal profesionalisme yang merupakan aspek penting bagi wartawan dalam menjalankan tugas. Dalam hal ini, pendidik dalam bidang kewartawanan memainkan peranan penting untuk memberi penekanan dari aspek kemahiran serta etika kepada pelajar kursus kewartawanan, agar dapat melahirkan wartawan solo yang mempunyai kredibiliti sebagai seorang pengamal media. Kini, kredibiliti media merupakan cabaran wartawan, hal ini kerana, masyarakat semakin celik dalam mendapatkan maklumat, bukan hanya merujuk kepada satu sumber sahaja.

Penularan teknologi menyebabkan maklumat boleh diperoleh melalui pelbagai sumber, seperti akhbar, televisyen dan saluran media baru lain yang mendapat perhatian masyarakat. Disebabkan hal itu, mereka semakin prihatin terhadap sumber berita yang dirujuk, jadi setiap berita yang disampaikan haruslah tepat, ringkas, dan padat, serta mempunyai kredibiliti dan boleh dipercayai. Jelas bahawa, dalam melahirkan wartawan solo, bukan sahaja kemahiran perlu dipertingkatkan dan diperluas, malah aspek profesionalisme juga berkait dengan kewartawanan solo, untuk menjaga kredibiliti wartawan, contohnya dari aspek etika yang merupakan peraturan dan panduan untuk menjalankan tugas harian dengan disiplin dan bertanggungjawab.

Industri media perlu beroperasi berlandaskan etika dan undang-undang media, bagi mengelakkan wartawan terpesong dari landasan profesionalisme (Faridah Ibrahim, 2003, hal. 77). Menurut Hoo dan Ying (2010), (yang dipetik dalam Motlagh, Md Salleh Bin Hj Hassan, Jusang Bin Balong, dan Mohd Nizam Bin Osman, 2013). Wartawan memainkan peranan penting dalam melaporkan berita kepada orang ramai untuk pemahaman yang lebih baik mengenai isu-isu terkini, dan bertanggungjawab

mengumpul maklumat serta melaporkan berita yang tepat dan betul kepada orang ramai dengan beretika dan profesional. Oleh itu, dalam konteks pendidikan kewartawanan, aspek profesionalisme perlu dititikberatkan, buktinya menurut Elliot (1988) (yang dipetik dalam Motlagh, Md Salleh Bin Hj Hassan, Jusang Bin Balong, dan Mohd Nizam Bin Osman, 2013) pembelajaran dan pendidikan tentang profesionalisme kewartawanan menjadi faktor dalam membentuk nilai profesional wartawan.

1.2 Andaian Kajian

Dalam bahagian ini, penyelidik akan menjelaskan perkaitan antara persoalan kajian dan objektif kajian. Penjelasan andaian kajian dalam kajian ini berfungsi sebagai panduan untuk menjalankan kajian. Andaian kajian ini adalah hasil daripada pembacaan yang dibuat ke atas kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan objektif kajian penyelidikan ini. Andaian kajian merupakan perkara-perkara di luar kawalan penyelidik. Menurut Leedy dan Ormrod (2010) (yang dipetik dalam Simon, 2011), andaian kajian merupakan satu asas, tanpa andaian kajian masalah kajian tidak dapat dikenal pasti. Andaian kajian bukannya satu hipotesis kerana kajian kualitatif tidak ada hipotesis yang dibentuk berbanding kajian kuantitatif, (Othman Lebar, 2014). Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan melalui kajian lepas dan isu-isu semasa dalam permasalahan kajian, kajian ini mengandaikan bahawa kemahiran menulis, dan kemahiran multimedia serta digital merupakan antara kemahiran yang diperlukan oleh industri.

Selain itu, kajian ini juga mengandaikan bahawa aspek autonomi, dan iltizam atau komitmen adalah aspek yang diperlukan bagi mengukuhkan profesionalisme

wartawan. Selain daripada tiga kemahiran tersebut, kajian ini turut mengandaikan pelbagai kemahiran lain yang diperlukan. Hal ini kerana industri menuntut pelbagai kemahiran wartawan sehingga boleh menjadi wartawan solo. Andaian kajian ini relevan untuk kajian kualitatif, dari segi membantu perjalanan kajian dan memberi kesan kepada kesimpulan kajian ini, (Simon & Goes, 2013).

Andaian kajian ini dapat dikenal pasti berdasarkan kajian-kajian lepas dan juga isuewartawanan yang berlaku di Malaysia. Elemen kemahiran dan profesionalisme dipilih sebagai fokus kajian ini kerana elemen ini merupakan antara tuntutan yang dikehendaki oleh pihak industri. Ini berdasarkan pembacaan dan penelitian yang dilakukan ke atas bahan bacaan seperti akhbar dan kajian-kajian lepas. Andaian kajian ini diperlukan sebagai panduan proses kajian ini agar sentiasa berada di dalam skop kajian. Hasil kajian ini akhirnya akan membantu pihak universiti untuk memperluaskan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bidang kewartawanan dan sekaligus dapat melahirkan graduan seperti yang dikehendaki oleh pihak industri.

1.3 Permasalahan Kajian

Kebangkitan teknologi menyebabkan pelbagai peralatan teknologi canggih dicipta, jadi penggunaannya memerlukan kemahiran khusus bagi si pengguna, dalam konteks kajian ini, sebagai wartawan, peralatan canggih memerlukan wartawan mempunyai kemahiran untuk mengaplikasikan alat yang digunakan, contohnya kamera. Melihat kepada inovasi teknologi, wartawan solo, amat diperlukan dalam menelusuri era yang serba canggih ini. Lebih-lebih lagi apabila sering berlaku masalah wartawan yang lewat tiba di tempat tugas, akibat daripada menunggu jurugambar, dan

terdapat juga wartawan yang terpaksa mengambil gambar menggunakan telefon bimbit, tanpa mempunyai kemahiran mengambil gambar yang bernilai sebagai bahan berita. Di samping itu, wartawan terpaksa menunggu terlalu lama bagi mendapatkan gambar yang diedit oleh jurugambar, untuk dihantar bersama berita yang dihasilkan kepada editor. Jadi berdasarkan kepada masalah tersebut, wartawan solo adalah wartawan yang diperlukan, agar wartawan tidak lagi bergantung kepada jurugambar, dan disebabkan itu, kajian ini akan mengkaji kemahiran yang diperlukan sebagai wartawan solo, hal ini kerana isu ini belum lagi diterokai oleh kajian-kajian lepas.

Selain itu, kebanyakan industri meletakkan pelbagai syarat untuk para siswazah mengisi kekosongan jawatan di pelbagai saluran pekerjaan, terutamanya dalam bidang kewartawanan yang memerlukan siswazah yang mempunyai pelbagai pengetahuan dari segi kemahiran kewartawanan. Sejak kebelakangan ini, terdapat beberapa majikan dalam industri yang memberi penekanan kepada pengisian bidang ilmu kewartawanan (COHECS, 2010). Terdapat banyak lagi individu atau pihak yang membuat kenyataan yang sama. Tetapi tidak ramai yang mampu menghuraikan secara terperinci apakah bentuk kemahiran yang diperlukan itu, walaupun ada, ianya tidak menyeluruh dan juga tidak membincangkan tentang kewartawanan solo. Contohnya, kajian oleh Cullen (2014), dalam penyelidikannya, terdapat editor yang mengatakan bahawa mereka memerlukan graduan yang berkemahiran dalam setiap kerja yang dilakukan. Kelompangan serta permasalahan dalam kajian ini wujud apabila, isu-isu semasa dan kajian-kajian lepas membuktikan bahawa elemen kemahiran perlu diperkukuh dan dipertingkatkan serta menjadi aspek penting dalam industri, terutamanya kini peningkatan teknologi mendesak wartawan agar memiliki

kepelbagaian kemahiran. Jadi kajian ini, mengkaji kepelbagaian kemahiran yang diperlukan wartawan untuk dilabel sebagai wartawan solo.

Laporan dalam Hala Tuju Pengajian Komunikasi dan Media di Malaysia (2010), juga membuktikan bahawa graduan kewartawanan kini berdepan dengan dilema untuk merebut peluang pekerjaan dalam industri media. Hal ini demikian kerana, kecenderungan industri media dalam memilih graduan jurusan lain menyebabkan graduan kewartawanan risau tentang masa depan kerjaya mereka. Situasi ini dilihat sebagai cabaran dan masalah kepada universiti untuk memperkasa diri graduan kewartawanan. Justeru graduan perlu meningkatkan nilai tambah diri yang relevan dengan industri masa kini. Penguasaan pelbagai kemahiran merupakan suatu nilai yang dituntut industri media. Ini sejajar dengan konsep wartawan solo yang mempunyai pakej lengkap sebagai wartawan.

Selain itu, menurut *The United States Department of Labor's Bureau of Labor Statistics* (2011) (yang dipetik dalam Broaddus, 2012), pasaran kerja masa kini memerlukan kemahiran, contohnya kemahiran grafik komputer dan kemahiran desktop dalam penerbitan, kemahiran sistem pengurusan kandungan, dan kemahiran dalam semua bentuk multimedia. Pihak universiti dan graduan perlu menganggap perkara ini sebagai cabaran persaingan dalam menempatkan graduan kewartawanan dalam industri. Jadi, berdasarkan masalah tersebut, kajian ini mengkaji kemahiran yang diperlukan oleh industri, dengan melihat pada aspek kewartawanan solo, supaya seiring dengan peningkatan teknologi kini. Menurut Ng Miew Luan dan Lim Lai Hoon (2008), sistem pendidikan kewartawanan di Malaysia berfungsi menyediakan pelajar kewartawanan untuk industri media.

Graduan dalam bidang media perlu memperkasakan lagi kemahiran teras kewartawanan profesionalisme bagi menandingi lambakan wartawan warga (Berita Wilayah, 2015). Hal ini kerana, kemahiran dan profesionalisme yang ada pada wartawan solo bakal membezakan wartawan solo profesional dengan wartawan warga. Menurut Rani Ann Balaraman dan Faridah Ibrahim (2016), wartawan warga merupakan wartawan yang terdiri daripada sesiapa sahaja, contohnya orang biasa yang cuba menyampaikan berita yang tidak diberikan perhatian oleh media tradisional dan penulisan tentang isu komuniti. Berbeza dengan wartawan solo dalam konteks kajian ini, di mana wartawan solo perlu mempunyai kemahiran dan etika yang dikehendaki oleh editor di Malaysia. Wartawan warga juga merupakan golongan yang bebas menulis tanpa sebarang sekatan dari mana-mana pihak. Senario ini dipraktikkan di negara Asia dan Barat. Dari segi autonomi, wartawan warga menikmati kebebasan dari undang-undang dan menerbitkan berita tanpa melalui proses editorial. Namun, berita-berita yang dihasilkan oleh wartawan warga di Malaysia harus melalui proses editorial. Hal ini kerana wartawan warga memastikan penulisan mereka menggunakan bahasa mudah difahami pembaca.

Namun dalam konteks kajian ini, wartawan solo yang bakal menjadi tumpuan utama pada masa hadapan, adalah wartawan yang menjalankan tugas dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan industri kewartawanan, dan sentiasa berpandukan kepada etika, dalam menjaga kualiti profesionalisme wartawan. Contohnya dari segi autonomi, walaupun wartawan diberikan kebebasan menulis, namun isu sensitif seperti perkauman, politik, dan agama perlu dititikberatkan, agar tidak melanggar batas kebebasan menulis yang diberikan. Berbanding dengan wartawan warga yang boleh menulis isu-isu agama termasuk agama Kristian, Buddha dan Hindu. Ini

menunjukkan bahawa, wartawan solo itu lebih berkredibiliti dalam penulisannya yang penuh etika berbanding wartawan warga. Jadi, ini menunjukkan betapa pentingnya kemahiran dan profesionalisme sebagai wartawan solo.

Kebanyakan industri meletakkan pelbagai syarat untuk para siswazah mengisi kekosongan jawatan di pelbagai saluran pekerjaan. Ini terutamanya dalam bidang kewartawanan yang memerlukan siswazah mempunyai pelbagai pengetahuan dari segi kemahiran dan juga profesionalisme kewartawanan. Buktinya, Yang Dipertuan Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang dalam akhbar *Sinar Online* (2014), menyatakan bahawa wartawan perlu melengkapi diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang bagi menghadapi tuntutan cabaran media di masa hadapan.

Selain itu, terdapat ramai lagi individu atau pihak yang membuat kenyataan yang sama. Namun, tidak ramai yang mampu menghuraikan secara terperinci bentuk kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan itu. Walaupun ada, namun tidak secara menyeluruh dan juga tidak membincangkan tentang profesionalisme. Contohnya, kajian Callaghan dan Mcmanus (2010), hanya memberi tumpuan kepada elemen kemahiran sahaja. Oleh itu, kajian ini akan menambah elemen lain iaitu elemen profesionalisme yang memberi tumpuan kepada autonomi iaitu kebebasan dalam penulisan, dan tanggungjawab iaitu tanggungjawab wartawan dalam melaporkan perkara yang benar, dan menghormati hak orang ramai untuk mendapatkan maklumat yang benar, sebagai wartawan solo, yang merupakan salah satu kelompangan dalam kajian Callaghan dan Mcmanus (2010). Hasil daripada kajian ini, didapati bahawa kemahiran menulis merupakan antara kemahiran tradisional

yang diperlukan. Namun, dalam kajian Stigbrand dan Nygren (2013), menyatakan bahawa pendidikan dianggap sebagai sebahagian perkara penting dalam profesionalisme untuk sesuatu profesion. Jadi, kemahiran dan profesionalisme perlu seiring sebagai wartawan solo.

Selain daripada isu-isu kemahiran dan profesionalisme yang dijelaskan, terdapat juga kajian-kajian lepas yang menegaskan tentang kepentingan kemahiran dan profesionalisme. Antaranya ialah kajian tentang jenis kemahiran melalui penyelidikan yang dilakukan oleh Cullen (2014). Dalam penyelidikannya, terdapat editor yang mengatakan bahawa kelulusan ijazah dalam bidang kewartawanan sememangnya merupakan salah satu kelebihan untuk menjadi seorang wartawan. Namun, sebagai majikan mereka juga memerlukan graduan yang berkemahiran dalam setiap tugas untuk mendapatkan maklumat dan juga penulisan berita bagi menghasilkan berita. Ini besesuaian dengan konsep wartawan solo, iaitu wartawan solo perlu mempunyai semua kemahiran dalam menghasilkan setiap berita, tanpa bantuan daripada orang lain, contohnya jurukamera. Jadi, dapat dilihat bahawa kajian tersebut turut menegaskan kemahiran adalah aspek penting dalam profesion kewartawanan.

Di samping itu, terdapat juga isu kewartawanan yang berkaitan dengan profesionalisme iaitu wartawan tidak menggunakan hak kebebasan berkarya dengan bertanggungjawab. Menurut Ahmad Zahid dalam akhbar *Utusan Online* (2015), pengamal media arus perdana harus diingatkan agar tidak menggunakan hak kebebasan berkarya sehingga boleh memusnahkan negara. Perbuatan tersebut adalah perbuatan yang tidak sepatutnya berlaku dan kurang beretika. Isu tersebut bukanlah

bertujuan untuk menyekat kebebasan wartawan, namun sebagai renungan tentang kepentingan berkarya dan mengendalikan organisasi media dengan penuh rasa tanggungjawab terhadap negara dan kepentingan rakyat ke arah melahirkan sebuah bangsa bersatu padu (*Utusan Online*, 2015). Melalui kenyataan tersebut, jelaslah bahawa walaupun wartawan diberikan autonomi untuk berkarya, namun kebebasan tersebut harus berdasarkan tanggungjawab sosial sebagai wartawan. Kajian Faridah Ibrahim (2003), menjelaskan bahawa autonomi merupakan salah satu kriteria dalam profesionalisme wartawan. Ini membuktikan bahawa, aspek kemahiran dan profesionalisme adalah aspek utama yang perlu menjadi pegangan kepada wartawan solo. Ini adalah isu kewartawanan yang diaplikasikan dalam wartawan solo, kerana menurut (Blankeship, 2016), wartawan solo juga perlu menggunakan kebebasan berkarya dengan bertanggungjawab.

Kemahiran dan profesionalisme dalam kewartawanan merupakan elemen penting dalam profesion sebagai seorang wartawan untuk menyampaikan maklumat. Ini merupakan panduan kepada wartawan untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang wartawan solo. Seseorang wartawan solo yang mempunyai kemahiran secukupnya dalam menyampaikan berita kepada masyarakat akan meningkatkan lagi kedudukan industri kewartawanan masa kini. Kemahiran dan profesionalisme tersebut boleh dipupuk melalui pendidikan kewartawanan.

1.3.1 Profesionalisme dan Tanggungjawab

Selain itu, terdapat juga isu lain mengenai profesionalisme dari segi tanggungjawab. Profesionalisme dilihat amat penting dalam industri kewartawanan. Ini terbukti sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang ingin melihat

satu kerjasama erat wujud di antara media dan kerajaan terutamanya dalam menghasilkan berita yang bermutu, tepat, dan kreatif. Ini seterusnya dapat membantu menuju ke arah mengukuhkan profesionalisme wartawan yang dianggap satu kerjaya yang suci dan jujur (Majlis Malam Penyampaian Hadiah Kewartawanan Malaysia Mpi, 2011).

Terdapat juga isu lain mengenai profesionalisme dari segi tanggungjawab. Ini terbukti apabila institusi pendidikan dan agensi berkaitan seperti penerbit diminta berganding bahu dalam menghasilkan penulis yang baik dan bertanggungjawab. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim, *Sinar Online* (2015), menegaskan pelbagai pihak dan agensi termasuk penerbit, universiti atau institusi lain harus mengambil tanggungjawab mendidik anak-anak muda menjadi penulis berkualiti. Selain itu, beliau mengatakan bahawa terdapat banyak tulisan ilmiah dalam internet, namun kesahihan penulisan itu kadang-kadang meragukan. Malahan terdapat banyak contoh (penulisan) yang memang faktanya salah atau sengaja disalahkan terutamanya oleh individu yang berkepentingan. Oleh itu, penulis yang baik juga harus menanamkan semangat kebertanggungjawaban dan amanah dalam setiap penulisan mereka dalam memberi inspirasi dan maklumat kepada orang lain. Melalui isu tersebut, dapat dilihat bahawa tanggungjawab seorang wartawan sangat penting terutamanya dalam menghasilkan penulisan yang baik. Kajian Faridah Ibrahim (2003), menegaskan bahawa tanggungjawab merupakan antara kriteria profesionalisme wartawan.

Di samping itu, terdapat juga isu lain yang menyentuh tentang profesionalisme kewartawanan. Menurut A Murad Merican (2013), kewartawanan tidak boleh diukur

setanding dengan profesion tersebut. Kriteria profesionalisme yang digunakan bagi mengukur profesion tersebut tidak dapat digunakan dengan sempurna kepada dunia kewartawanan (*Utusan Online*, 2013). Salah satu sebabnya ialah sesiapa saja boleh menjadi wartawan dan digelar sebagai wartawan. Menurut A Murad Merican (2013), antara kriteria bagi mengukur dan mengenal pasti ciri-ciri sesuatu profesion ialah kelayakan akademik, akreditasi, perlesenan, autonomi, badan kawalan, dan pengiktirafan.

Kelompangan serta permasalahan dalam kajian ini wujud apabila isu-isu semasa dan kajian-kajian lepas membuktikan bahawa elemen kemahiran dan profesionalisme perlu diperkukuhkan dan dipertingkatkan serta menjadi aspek penting dalam industri kewartawanan. Namun, pihak terbabit masih belum menubuhkan satu badan kawalan yang mengawal profesionalisme sehingga ke hari ini. Buktinya, menurut Prof Dr Mohd Safar Hasim, dalam *Sinar Online* (2014), idea penubuhan badan pengawas telah tercetus sejak zaman Tun Abdul Razak Tun Hussein. Namun, sehingga kini idea tersebut masih tidak dilaksanakan. Cadangan tersebut dibangkitkan ketika Konvensyen Komunikasi pada tahun 1983. Namun, tiada pergerakan ke arah penubuhan Majlis Media Malaysia yang dicadangkan sebagai badan pengawas kewartawanan.

Datuk Seri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, dalam Majlis Malam Penyampaian Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI - Petronas 2011, menjelaskan bahawa industri berita di Malaysia telah mengambil inisiatif menubuhkan Majlis Media Malaysia yang berfungsi serta bertindak sebagai badan pengawas untuk mengukuhkan tahap profesionalisme kewartawanan seperti yang

terdapat di negara-negara maju yang lain. Contohnya, di Republik Indonesia, Dewan Pers merupakan badan kawalan yang ditubuhkan dan dibiayai oleh pemerintah dan pihak industri serta berfungsi ke atas kewartawanan cetak, elektronik dan alam maya. Selain itu, *Press Complaint Commission (PCC)* atau Suruhanjaya Aduan Akhbar merupakan badan kawalan yang terdapat di England yang juga dikendalikan secara kawalan sendiri oleh pihak industri. Oleh itu, jelaslah bahawa badan pengawas kawalan sendiri telah ditubuhkan di negara lain, tetapi belum ditubuhkan di Malaysia. Dalam persepakatan penubuhan Majlis Media Malaysia, para editor juga bersetuju untuk menyediakan satu kod etika mengenai prinsip kewartawanan. Kod etika ini akan dijadikan sebagai panduan utama dalam tugas-tugas pengumpulan dan penerbitan maklumat untuk dijadikan sebagai hasil kewartawanan.

Selain itu, Datuk Ahmad A. Talib dalam *Utusan Online* (2015) mencadangkan agar penubuhan Majlis Media Malaysia harus dipercepatkan untuk melindungi dan menaik taraf profesion kewartawanan media arus perdana di Malaysia. Beberapa persatuan media seperti Persatuan Penerbit Akhbar Malaysia (MNPA), Institut Akhbar Malaysia (MPI) dan semua pihak disarankan duduk semeja untuk menubuhkan Majlis Media Malaysia dengan segera. Di samping itu, Ketua Dewan Penasihat Persatuan Wartawan Indonesia, Tarman Azam turut bersetuju dengan cadangan beberapa pihak di Malaysia bagi menubuhkan Majlis Media Malaysia. Malaysia sepatutnya mengambil pengalaman Indonesia dalam memperjuangkan kemerdekaan media yang bertanggungjawab dan profesional.

Berdasarkan kenyataan dalam akhbar-akhbar tersebut, dapat dilihat bahawa, profesionalisme memainkan peranan penting bagi seorang wartawan. Namun, Majlis

Media Malaysia yang belum ditubuhkan bagi mengawal profesionalisme wartawan, menimbulkan persoalan tentang kriteria yang diperlukan bagi mengukuhkan dan meningkatkan profesionalisme wartawan, jika badan kawalan tersebut masih belum ditubuhkan sehingga kini. Jadi kajian ini apakah kriteria profesionalisme yang diperlukan oleh seorang wartawan, jika Majlis Media Malaysia tidak ditubuhkan.

Melalui portal Malaysian Press Institute (MPI), Majlis Media Malaysia merupakan sebuah majlis media yang meliputi seluruh media di negara ini, iaitu media cetak, media elektronik (penyiaran) dan media internet. Secara amnya, majlis tersebut bertujuan untuk menjaga kepentingan akhbar dan media serta kepentingan negara. Badan pengawas ini ditubuhkan bertujuan bagi memastikan kebebasan akhbar serta media dipertahankan dan tidak berat sebelah, menjaga saluran media dengan orang ramai, berfungsi sebagai badan rujukan berkaitan akhbar, media, dan kewartawanan.

Di samping itu, badan ini akan memantau dari semasa ke semasa undang- undang atau akta berkaitan dengan media dan menerima aduan orang ramai berhubung tindakan media. Tugas Majlis Media Malaysia adalah untuk memberi pandangan kepada kerajaan berhubung undang- undang dan peraturan berkaitan media sama ada untuk dipinda, dimansuhkan dan sebagainya. Ini supaya bersesuaian dengan keadaan semasa, memberi pendidikan dan pemahaman mengenai media dan persuratkhabaran kepada orang awam menerusi bengkel, seminar dan sebagainya. Selain itu, badan ini bertindak sebagai tribunal bagi menyiasat aduan- aduan berhubung media. Majlis Media Malaysia boleh memanggil wartawan atau pertubuhan media yang diwakili bagi meneliti sesuatu aduan, serta mencadangkan tindakan yang perlu dilakukan.

Oleh itu, jelaslah bahawa profesionalisme wartawan solo boleh diperkukuh melalui penubuhan Majlis Media Malaysia. Melalui profesionalisme yang kukuh, kemahiran kewartawanan juga dapat dipertingkatkan. Ini kerana kemahiran wartawan diperoleh melalui kriteria profesionalisme wartawan. Menurut Schmidt dan Posner (1982) (yang dipetik dalam Faridah Ibrahim, 2000), pengetahuan tentang etika mempunyai kecenderungan untuk menggalakkan dan menentukan perbuatan yang betul dan bersesuaian. Namun, badan pengawas tersebut masih belum ditubuhkan. Berdasarkan masalah, isu, serta kajian lepas, penyelidik mendapati bahawa kemahiran dan profesionalisme merupakan elemen penting dalam kewartawanan. Oleh itu, penyelidik akan mengkaji kriteria kemahiran yang diperlukan dalam aspek kemahiran menulis, dan kemahiran dalam multimedia dan digital, serta elemen profesionalisme yang diperlukan dalam kewartawanan. Ini kerana Majlis Media Malaysia yang merupakan badan pengawas belum ditubuhkan untuk dijadikan panduan. Penyelidik juga mengkaji pelbagai aspek kemahiran lain disebabkan kepelbagaian kemahiran (*multitasking*) diperlukan dalam industri kewartawanan. Wartawan yang mempunyai pelbagai kemahiran bagi menghasilkan sebuah berita, dilabel sebagai wartawan solo.

Kajian ini memfokuskan aspek yang dinyatakan kerana kajian mengenai kemahiran dan profesionalisme telah dikaji di luar negara. Namun, kajian mengenai jenis kemahiran dan profesionalisme wartawan solo belum dikaji di luar negara dan Malaysia. Kajian ini penting untuk dikaji kerana kemahiran dan profesionalisme yang tinggi yang dimiliki oleh seorang wartawan adalah aspek yang amat diperlukan dalam dunia kewartawanan masa kini. Ini terutamanya kepada para siswazah yang

ingin mengisi kekosongan jawatan sebagai seorang wartawan. Aspek tersebut amat dititikberatkan dan merupakan aset untuk diterima menjadi seorang wartawan.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan, maka kajian ini mempunyai tiga persoalan iaitu:

- i. Apakah kemahiran asas yang diperlukan oleh wartawan solo dari sudut pandangan editor?
- ii. Apakah kepelbagaian kemahiran lain yang diperlukan oleh wartawan solo dalam industri kewartawanan daripada sudut pandangan editor?
- iii. Apakah kriteria profesionalisme yang perlu dimiliki oleh wartawan solo untuk membantu mengukuhkan profesionalisme wartawan?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tentang keperluan kemahiran dalam industri kewartawanan. Antara objektif kajiannya adalah seperti berikut:

- i. Meneroka kemahiran asas yang diperlukan oleh wartawan solo dari sudut pandangan editor.
- ii. Meneroka kepelbagaian kemahiran lain yang diperlukan oleh wartawan solo dalam industri kewartawanan daripada sudut pandangan editor.
- iii. Meneroka kriteria profesionalisme yang perlu dimiliki oleh wartawan solo untuk membantu mengukuhkan profesionalisme wartawan.

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini penting khususnya dalam Teori Akauntabiliti Media. Hal ini kerana, aspek kemahiran dan profesionalisme yang diperoleh dalam kajian ini membantu wartawan solo untuk mengaplikasikan Teori Akauntabiliti Media sebagai panduan dalam memenuhi kehendak industri. Dari segi penggunaan Teori Akauntabiliti Media pula, kajian ini turut dilihat penting kerana mampu memberi penambahan aspek kemahiran serta profesionalisme yang dapat membantu penambahbaikan silibus bidang pendidikan kewartawanan, kerana kajian ini menyarankan pelbagai langkah dan memberi maklumat yang secukupnya untuk bekalan para siswazah bagi menempuh alam pekerjaan kelak, khususnya sebagai wartawan solo.

Di samping itu, kajian ini juga dapat mengukuhkan kemahiran dan profesionalisme kewartawanan selaras dengan kehendak industri. Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan panduan kepada institusi pendidikan untuk menyediakan langkah-langkah dan mengenal pasti arah aliran atau trend industri kewartawanan bagi memantapkan lagi tahap serta kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan kewartawanan di Malaysia, dengan mengaplikasikan kajian ini, Teori Akauntabiliti Media, Model Kurikulum Kewartawanan 2007, dan Model Holistik Pendidikan Kewartawanan 2015. Oleh itu, harapan industri media untuk mempunyai wartawan yang serba boleh mampu dicapai melalui sumbangan daripada kajian ini.

Kajian ini juga memberi kepentingan kepada wartawan sedia ada, untuk memantapkan kemahiran yang ada supaya layak digelar dan menjalankan tanggungjawab sebagai wartawan solo, jika kemahiran dan profesionalisme yang diperoleh melalui kajian ini, diaplikasikan dalam profesion kewartawanan. Justeru,

kajian ini boleh dimanfaatkan oleh semua pihak. Ini terutamanya untuk meningkatkan lagi kualiti industri kewartawanan di Malaysia. Kemahiran dan profesionalisme yang tinggi yang dimiliki oleh seorang wartawan merupakan aspek yang dititikberatkan dalam dunia kewartawanan masa kini. Ini terutamanya kepada para siswazah yang ingin mengisi kekosongan jawatan sebagai seorang wartawan. Aspek tersebut amat diperlukan dan merupakan aset untuk diterima menjadi seorang wartawan solo, kerana wartawan solo adalah wartawan yang bakal menjadi tumpuan industri kewartawanan pada masa hadapan.

Profesionalisme yang dimaksudkan adalah cara seseorang wartawan itu menjalankan tugasnya dengan mengikut profesionalisme kewartawanan yang ditetapkan. Ini seperti autonomi dalam berkarya, dan komitmen dalam menjalankan tugas. Manakala kemahiran dalam kewartawanan pula adalah kemahiran yang diperlukan sebagai seorang wartawan. Contohnya kemahiran menulis, dan kemahiran multimedia. Oleh itu, untuk memudahkan para siswazah memiliki aspek tersebut, penyelidikan ini mengkaji kemahiran yang diperlukan bagi memperkukuhkan profesionalisme wartawan solo.

1.7 Definisi Konsep Dan Operasional

1.7.1 Pendidikan Kewartawanan

Menurut Stuart (1996) (yang dipetik dalam Callaghan, 2011), pendidikan kewartawanan ditakrifkan sebagai program-program yang ditawarkan oleh institusi pengajian, yang direka untuk memberikan pengetahuan yang akan membantu perkembangan dalam amalan kewartawanan. Contohnya, dalam persembahan berita.

Menurut Folkerts (2014), pendidikan kewartawanan merupakan saluran untuk melatih wartawan supaya beretika.

Pendidikan kewartawanan dari segi operasional adalah ilmu tentang kewartawanan yang merupakan satu pendidikan khusus untuk bidang kewartawanan sahaja. Dalam pendidikan tersebut banyak aspek yang diberikan kepada pelajar kewartawanan untuk digunakan ketika menjadi wartawan. Ini selaras dengan kehendak industri. Kajian ini hanya akan menumpukan aspek kemahiran dan profesionalisme sahaja.

1.7.2 Kemahiran Wartawan Solo

Menurut Lankard (1990) (yang dipetik dalam Yahya Buntat, 2006), kemahiran meliputi gambaran personal, kemahiran interpersonal dan juga sikap dan tingkah laku yang baik. "*The Conference Board of Canada*" (1996), dalam satu artikel yang bertajuk, "*Yukon Work Futures: Skills for Today's Workplace*", dalam Yahya Buntat (2006), telah mendefinisikan kemahiran sebagai kualiti seseorang individu yang dikehendaki oleh para majikan terhadap pekerja baharu apabila mereka mula bekerja.

Kemahiran dari segi operasional merujuk kepada kemahiran seorang wartawan solo dalam mengendalikan tugas yang diberikan. Kemahiran ini memfokuskan kepada pemantapan dalam kemahiran bidang kewartawanan. Ini selaras dengan pembelajaran teori yang relevan dan pendidikan profesional. Antara kemahiran yang dikaji ialah kemahiran asas dan kepelbagaian kemahiran yang lain.

1.7.3 Kemahiran Menulis Wartawan Solo

Menurut Cullen (2014), kebanyakan majikan menggambarkan bahawa kemahiran menulis dan membuat laporan adalah lebih penting berbanding kemahiran menggunakan komputer. Kenyataan tersebut adalah berdasarkan hasil penemuan awal kajiannya di Amerika Syarikat dan United Kingdom. Kemahiran menulis merupakan kemahiran meletakkan perkataan demi perkataan. Ini agar mesej yang disampaikan dapat difahami dan menarik perhatian pembaca, (Hicks, Adams, Gilbert, & Holmes, 2008). Kajian yang dibuat oleh Lingwall dan Kuehn (2013), menunjukkan bahawa kemahiran menulis sentiasa menjadi keperluan utama dalam profesion wartawan. Penulisan berita merupakan satu subjek yang mempunyai pelbagai teknik penulisan berita. Melalui subjek tersebut, mahasiswa akan mengetahui pelbagai cara penggunaan gaya bahasa, penulisan yang lebih tepat dan bersesuaian agar mereka akan dapat memperbaiki kesilapan.

Kemahiran menulis dari sudut operasional merupakan kemahiran menulis berita mengikut etika yang diberikan. Ini agar berita yang ditulis mudah difahami dan menarik perhatian pembaca. Kajian ini menggunakan kemahiran menulis sebagai salah satu kemahiran yang diperlukan dalam kewartawanan solo. Ini bagi mengetahui apakah kriteria kemahiran menulis yang diperlukan.

1.7.4 Kemahiran Multimedia Wartawan Solo

Kemahiran multimedia dalam kewartawanan merupakan kemahiran seorang wartawan dalam mengumpul maklumat, menulis berita, membuat siaran serta menggunakan media sosial untuk memaklumkan maklumat kepada orang ramai mengenai hal ehwal semasa dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dunia.

Kemahiran multimedia dalam kewartawanan menggunakan proses menggabungkan teks, imej, video dan grafik (Deuze, 2004).

Kemahiran multimedia dari segi operasional adalah kemahiran yang diperlukan oleh wartawan solo dalam semua saluran maklumat seperti akhbar, radio, televisyen, dan media sosial. Ini supaya maklumat lebih cepat disampaikan kepada pembaca. Justeru itu, kemahiran multimedia ini juga penting dan merupakan kemahiran yang diperlukan dalam bidang kewartawanan. Pada masa kini, pengetahuan dalam bidang media adalah sangat penting sebagai seorang pekerja agar dapat memenuhi permintaan industri. Menurut Pintak (yang dipetik dalam Hofer, 2013), organisasi media cetak dan penyiaran telah memberitahu bahawa mereka tidak akan mengambil graduan yang tidak mempunyai kemahiran untuk bekerja. Menurut Hofer (2013), dengan peluang pekerjaan yang terhad para graduan perlu berdaya saing untuk kelihatan lebih menonjol berbanding graduan lain. Oleh itu, sistem pendidikan kewartawanan seharusnya mempunyai perubahan dengan memberi tumpuan kepada kemahiran multimedia untuk membina satu generasi yang berkemahiran teknikal dalam kewartawanan.

Bidang kewartawanan perlu maju setanding dengan kemajuan teknologi masa kini. Menurut Hofer (2013), kemerosotan kewartawanan cetak merupakan salah satu tanda bahawa wartawan solo harus menyediakan berita digital setanding dengan perubahan masa. Oleh itu, jelaslah bahawa kemahiran dari segi multimedia atau teknikal amat diperlukan untuk memajukan industri kewartawanan supaya setaraf dengan kemajuan teknologi masa kini. Kajian ini mengkaji kemahiran multimedia yang diperlukan bersesuaian dengan kemajuan teknologi masa kini.

1.7.5 Profesionalisme Wartawan Solo

Menurut Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman dan Mohd Izani Mohd Zain (2009), tahap keprofesionalan yang tinggi merupakan kemahiran yang perlu dimiliki oleh individu dalam melaksanakan tugasnya. Keprofesionalan mempunyai ciri tertentu sehingga boleh dinamakan sebagai profesionalisme. Perkataan profesionalisme berasal daripada perkataan profesion yang bermaksud pekerjaan yang memerlukan latihan khas dan kemahiran yang tinggi. Manakala profesionalisme bermaksud sifat-sifat kemampuan, kemahiran dan cara pelaksanaan sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang yang profesional. Profesional merujuk kepada profesion individu sebagai satu pekerjaan yang tetap dan menghasilkan pendapatan utama. Profesionalisme adalah satu landasan moral daripada sudut etika untuk wartawan atau pengamal media bagi menilai antara yang baik dengan yang buruk (Faridah Ibrahim, 2003).

Secara operasionalnya, profesionalisme adalah seorang wartawan solo profesional yang diukur dari segi autonomi, kelayakan akademik, dan tanggungjawab. Profesionalisme merupakan ciri penting dalam menggerakkan sesebuah pengurusan perkhidmatan awam atau swasta. Oleh itu, jelaslah bahawa profesionalisme adalah tahap kecekapan, akauntabiliti, dan tanggungjawab yang seharusnya dilakukan oleh profesional tersebut dan juga saling berkaitan dengan tingkah laku yang positif serta komitmen yang baik.

1.7.6 Autonomi Wartawan Solo

Dalam kajian Faridah Ibrahim (2003), menunjukkan bahawa autonomi ialah apabila wartawan diberikan kebebasan untuk menghasilkan apa yang diperolehi. Namun,

berita yang membabitkan soal dasar serta isu sensitif perlu diteliti agar apa yang disampaikan adalah tepat serta menepati dasar editorial surat khabar masing-masing. Menurut Faridah Ibrahim (2003), walaupun kebebasan wartawan agak terbatas, namun mereka masih diberi peluang untuk berkarya dengan kreatif dan menarik.

Walaupun mempunyai autonomi iaitu kuasa memberi arahan kerja dan memilih berita yang akan disiarkan, namun ini masih terletak di tangan pengurus dan penerbit berita yang berperanan sebagai pengampang (*gatekeeper*). Menurut Chan Teck Peng (2002), ketika membuat keputusan tentang maklumat yang harus disiarkan dan ruangan mana yang harus disiarkan contohnya (penting atau biasa), penapis-penapis maklumat (*gatekeepers*) dalam sesebuah organisasi media akan sentiasa memikirkan soal “nilai berita” (*newsworthiness*). Kriteria yang diambil kira untuk menentukan sama ada sesuatu peristiwa itu mempunyai “nilai berita” atau tidak ialah *prominence* watak berita iaitu kedudukan seseorang dalam sumber berita. Jika seseorang itu lebih berautoriti atau berkuasa, kenyataan atau komen yang dikeluarkan oleh pihak tersebut akan diterbitkan dengan ruangan yang lebih besar dan mudah dilihat. Menurut Jorgensen dan Thomas (2009), proses *gatekeeper* adalah proses memilih, penulisan, penyuntingan, kedudukan dan penjadualan untuk menjadikan sebuah berita.

Dalam aspek operasional, autonomi merupakan seseorang wartawan solo profesional yang mempunyai autonomi atau kebebasan untuk berkarya, menggunakan daya imaginasi dan kreativitinya untuk menyampaikan yang terbaik kepada masyarakat. Oleh itu, penyelidikan ini mengkaji cara kuasa autonomi dalam kewartawanan itu dalam mengukuhkan profesionalisme kewartawanan.

1.7.7 Komitmen (Iltizam) Wartawan Solo

Komitmen adalah memberikan tumpuan sepenuhnya kepada sesuatu bidang tugas, tanpa mengira faktor wang, masa, dan penat lelah, (Faridah Ibrahim, 2003, hal. 60). Menurut Allahyarham A Samad Ismail seorang tokoh kewartawanan negara, beliau mengatakan bahawa komitmen dalam kewartawanan akan mendorong seseorang penulis untuk menambahkan ilmu, meningkatkan kepandaian dan keterampilan dalam berkarya. Komitmen atau iltizam yang diamalkan dalam profesionalisme kewartawanan akan membantu wartawan dalam memberi tumpuan sepenuhnya dalam profesion tanpa mengambil kira faktor kewangan, waktu, serta penat lelah.

Secara operasionalnya, komitmen ataupun iltizam merupakan kesediaan wartawan solo dalam menyumbangkan tenaga dan kepakaran demi profesionnya tanpa mengira kepentingan diri. Komitmen juga akan melahirkan seorang wartawan solo yang bakal memartabatkan profesionnya. Komitmen dan iltizam ternyata penting dalam profesionalisme kewartawanan. Oleh itu, kajian ini mengkaji keperluan sendiri wartawan solo dari segi komitmen dalam mengukuhkan profesionalisme kewartawanan.

1.8 Rumusan Bab

Konklusinya, bab ini membincangkan mengenai pendidikan kewartawanan di Malaysia. Ini bermula dengan perkembangan industri kewartawanan yang mengalami perubahan disebabkan faktor teknologi yang menyebabkan perlunya wartawan solo. Selain itu, permasalahan kajian yang memfokuskan kepada isu-isu keperluan kemahiran dalam industri kewartawanan yang memerlukan wartawan yang

bukan sahaja memiliki ilmu teori kewartawanan, malah mempunyai kemahiran praktis.

Berdasarkan andaian kajian dan definisi konsep, adalah jelas bahawa kajian ini memberi penumpuan kepada aspek kemahiran dan profesional. Aspek tersebut diperolehi oleh siswazah daripada universiti ataupun institusi kemahiran yang tertentu. Aspek tersebut dipilih sebagai fokus kajian ini kerana ini merupakan antara tuntutan yang dikehendaki oleh pihak industri berdasarkan pembacaan dan penelitian yang dilakukan ke atas bahan bacaan seperti akhbar dan kajian-kajian lepas. Oleh itu, penyelidikan ini akan mengkaji jenis kemahiran yang diperlukan bagi mengukuhkan profesionalisme kewartawanan terhadap pengurusan kewartawanan sehingga menjadi syarat tetap untuk graduan yang ingin menceburkan diri dalam industri kewartawanan. Bab seterusnya membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang aspek pendidikan kewartawanan dan kemahiran serta profesionalisme wartawan solo.

BAB DUA

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan di antara kajian lepas dan kajian yang dijalankan tentang kemahiran dan profesionalisme dalam pendidikan kewartawanan di Malaysia. Kajian terdahulu yang khusus mengenai kemahiran dan profesionalisme untuk seorang wartawan memang banyak dilakukan. Namun, kajian lepas tidak menekankan tentang jenis kemahiran dan profesionalisme dalam industri kewartawanan dan juga tidak menghubungkaitkannya dengan wartawan solo. Di samping itu, segala isu dan penemuan dalam kajian lepas yang berkaitan akan dibincangkan dalam bab ini.

2.2 Kewartawanan Solo

Definisi wartawan solo menurut Blankeship (2016), adalah wartawan yang bekerja sendiri dengan menggunakan kamera video, menulis berita, dan mempunyai pelbagai peralatan untuk pelaporan berita. Wartawan solo merupakan seorang wartawan yang mengumpul maklumat, menulis berita, merekod video dan audio, mengambil gambar, dan mengedit berita. Menurut Blankeship (2016), amalan kewartawanan solo ini telah wujud sejak awal lagi dalam bentuk berita televisyen, dan telah berkembang terutamanya dalam industri media yang lebih besar di Amerika syarikat, dan di samping itu, pertumbuhan kewartawanan solo juga adalah satu fenomena global yang meningkat naik, contohnya dalam organisasi berita di Eropah. Walau bagaimanapun, kewartawanan solo di Malaysia turut menjadi amalan sesetengah pihak, contohnya Zahariz Khuzaimah dan Zan Azlee Zainal Abidin. Namun amalan kewartawanan solo ini belum lagi meningkat naik. Justeru itu, kajian ini bakal

menghasilkan wartawan solo yang berkualiti dari aspek kemahiran dan profesionalisme mengikut kehendak industri.

Antara sebab transformasi kemunculan wartawan solo ini adalah faktor ekonomi dan cabaran peningkatan peralatan teknologi. Jadi, industri kewartawanan bertindak mengambil wartawan solo untuk penjimatan kos. Sesetengah editor memerlukan pengambilan wartawan solo kerana industri kewartawanan hendak mengurangkan kos perbelanjaan kakitangan, (Blankeship, 2016). Di samping itu, dari segi faktor teknologi pula akan menyebabkan berita daripada pelbagai pihak, contohnya *blogger*, akan tersebar dengan lebih pantas. Jadi pihak industri harus mengatasi cabaran ini dengan melahirkan wartawan solo yang lebih berdaya maju, untuk bertindak lebih pantas berbanding saluran berita yang yang lain, dan cabaran ini juga akan menyebabkan lebih banyak pengambilan wartawan solo.

Sebagai wartawan solo, pelbagai kemahiran diperlukan, dan wartawan perlu *multitasking* dalam setiap tugas yang diberikan. Menurut Blankeship (2016), *multitasking* dalam wartawan solo bermaksud wartawan perlu menumpukan perhatian terhadap setiap aspek penulisan berita, termasuklah dari segi mengambil gambar dan video, temu bual, dan menyemak sumber, jadi ini menunjukkan, wartawan solo perlu melakukan pelbagai tugas dalam satu masa, untuk menghasilkan sesebuah berita. Namun begitu, kualiti wartawan solo agak membimbangkan, kerana, wartawan solo perlu memikul tanggungjawab menghasilkan berita seorang diri, tanpa bantuan krew lain. Kualiti wartawan solo akan terjejas, hal ini kerana wartawan solo bertanggungjawab melakukan semua tugas penghasilan berita seorang diri, (Blankeship, 2016).

Jadi, wartawan solo perlu ditekankan dengan aspek kemahiran dan profesionalisme. Hal ini kerana, walaupun wartawan solo dikhuatiri akan menjejaskan kualiti, namun jika aspek kemahiran dan profesionalisme ditekankan dari awal lagi, wartawan solo mampu menjalankan tanggungjawab dengan berkualiti berbekalkan kemahiran yang ada dan profesionalisme sebagai panduan dalam menjaga kualiti penulisan berita serta kualiti wartawan solo itu sendiri. Kajian Blankeship (2016) juga menunjukkan bahawa wartawan solo perlu menguasai pelbagai kemahiran, dan wartawan solo perlu diberi kawalan terhadap autonomi dalam pengeluaran berita.

Walau bagaimanapun, tiada lagi model kewartawanan solo yang dicipta oleh sarjana lepas. Hal ini kerana, trend kewartawanan solo adalah trend kewartawanan yang baharu dan masih belum dikuasai oleh wartawan profesional. Namun hasil daripada pembacaan yang dibuat ke atas kajian lepas mengenai kewartawanan solo, wartawan solo adalah wartawan yang menjadi trend masa kini disebabkan oleh faktor cabaran teknologi dan ekonomi. Kajian lepas juga membuktikan bahawa wartawan solo perlu mempunyai kemahiran dan profesionalisme. Namun, kajian lepas tidak menjelaskan aspek kemahiran yang diperlukan, malah juga tidak mengaitkannya dengan profesionalisme, jika ada, aspek tersebut tidak dijelaskan secara terperinci, walhal, kajian lepas menyatakan bahawa profesionalisme adalah satu aspek penting dalam menjaga dan memperkukuh kualiti wartawan solo. Jadi tiada lagi model khusus yang dapat menjelaskan tentang kemahiran dan profesionalisme wartawan solo.

Justeru kajian ini akan meneroka kemahiran dan profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo, mengikut kehendak industri, agar wartawan solo yang lahir pada masa akan datang lebih berkualiti dari segi kemahiran dan profesionalisme. Hal

ini kerana, kajian Blankeship (2016), hanya menyatakan bahawa wartawan solo memerlukan autonomi, kerana wartawan solo lemah dalam aspek autonomi, dan wartawan solo perlu diberi kawalan ke atas autonomi, namun tidak menyatakan apakah aspek autonomi yang diperlukan itu. Selain itu, kajian sarjana tersebut juga menyatakan bahawa wartawan solo memerlukan pelbagai kemahiran, namun tidak menyatakan apakah kemahiran yang diperlukan itu. Jadi ini membezakan kajian sarjana tersebut dengan kajian ini.

2.3 Pendidikan Kewartawanan

Pendidikan kewartawanan memerlukan perubahan seiring dengan arah aliran dalam industri kewartawanan pada masa kini. Kurikulum pendidikan kewartawanan telah berubah dan siswazah perlu membina kemahiran di universiti (Hodgson & Wong, 2011). Kajian Hodgson dan Wong (2011), hanya menyentuh mengenai aspek pembinaan kemahiran profesional sebagai wartawan melalui penggunaan blog. Ini berbeza dengan kajian ini yang menyentuh mengenai aspek kemahiran secara keseluruhan seiring dengan penggunaan teknologi kini, yang memerlukan wartawan solo. Menurut Filoreto (2009), perkembangan teknologi, menyebabkan konsep kewartawanan solo diperlukan, dan akan menjadi sebahagian dalam industri berita di seluruh negara.

Menurut Tanner, Donnel, Green, dan Cullen (2014), pendidikan kewartawanan gagal melahirkan sarjana yang mempunyai set kemahiran wartawan mengikut permintaan industri. Hasil daripada kajian penyelidikan tersebut, didapati bahawa para responden yang merupakan golongan wartawan senior, editor, pelatih industri dan pendidik kewartawanan bersetuju bahawa para sarjana perlu membina set kemahiran ketika di

universiti serta bukan sahaja sebagai wartawan tradisional, malah untuk pelbagai industri. Hasil daripada temu bual penyelidik dengan pihak industri dan para akademik, didapati bahawa kedua-dua pihak bersetuju agar universiti menyediakan latar belakang pendidikan dan kemahiran berasaskan latihan untuk persediaan kerjaya dalam bidang kewartawanan. Terdapat beberapa kemahiran yang diperolehi daripada jawapan responden. Antaranya ialah kemahiran menulis, tatabahasa dan bahasa Inggeris yang baik, kemahiran mengkaji dan sebagainya.

Kajian tersebut menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka dan melalui telefon dengan wartawan senior, editor, pelatih industri dan pendidik kewartawanan. Ini berbeza dengan kajian ini yang menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka dengan editor industri akhbar di Malaysia. Oleh itu, pasti akan ada jawapan yang berbeza ataupun terdapat pembaharuan. Ini kerana faktor informan yang merupakan editor akhbar. Apatah lagi, kini industri akhbar bukan sahaja menyampaikan berita melalui media cetak, namun telah menggunakan media sosial, dan sudah pastinya terdapat banyak kemahiran lain yang diperlukan untuk terus mengekalkan industri akhbar sama ada dalam bentuk akhbar tradisional mahupun digital. Pendidikan kewartawanan perlu mengikut rentak permintaan digital. Sebahagian ilmunan mengatakan bahawa perlu untuk mengintegrasikan kurikulum digital dalam program kewartawanan dengan mengikut aliran semasa industri (Bor, 2014).

Kajian terbaharu mengesahkan bahawa golongan profesional media bersetuju bahawa pendidikan kewartawanan perlu meletakkan lebih penekanan terhadap kemahiran kewartawanan dan persediaan kerjaya selain daripada teori, sejarah dan

undang-undang berkaitan kewartawanan (Callaghan & McManus 2010; Dickson & Brandon 2000; Lepre & Bleske 2005) (yang dipetik dalam Ying Roselyn Du, 2014). Hasil kajian tersebut mengesahkan bahawa kemahiran asas seperti penghakiman berita, tatabahasa, dan gaya merupakan asas kepada amalan kewartawanan serta sangat penting dalam bidang kewartawanan atas talian. Kebolehan komunikasi dan kemahiran menjadi satu kemestian dalam profesion kewartawanan pada era media baharu ini. Kajian sarjana tersebut berbeza dengan kajian ini kerana kajiannya lebih menekankan kepada keperluan kemahiran untuk kerjaya wartawan atas talian berbanding kajian ini yang mengkaji industri akhbar sama ada cetak ataupun atas talian. Justeru, hasil kajian ini adalah lebih mendalam.

2.4 Kepentingan Kemahiran

Menurut Donsbach (2013), kemahiran dalam kewartawanan merupakan kemahiran yang perlu diamalkan oleh kebanyakannya wartawan di seluruh dunia dalam melaksanakan tugas sebagai wartawan. Walaupun beberapa kemahiran telah diajar, namun berdasarkan bukti saintifik sejajar dengan perubahan teknologi dalam arus pendigitalan, wartawan juga harus belajar untuk bekerja di seluruh saluran media yang berbeza untuk menyampaikan mesej mereka kepada para penonton mahupun pembaca. Namun, jika matlamatnya adalah semata-mata untuk memberi latihan kemahiran dalam teknologi terkini, latihan tersebut mungkin tidak akan berkesan. Ini kerana teknologi media sentiasa berubah dari masa ke semasa.

Oleh itu, matlamat pengajaran harus dikukuhkan agar graduan mampu bertindak secara berkesan terhadap perubahan dalam kemahiran dan teknik di pelbagai saluran media. Berdasarkan kajian lepas, dapat dibuktikan bahawa kemahiran merupakan

aspek penting yang diperlukan dalam industriewartawanan. Isu-isu tentang kewartawanan di Malaysia juga mementingkan aspek kemahiran untuk menjadi seorang wartawan. Ini bersesuaian dengan objektif kajian ini yang bertujuan untuk mengetahui kemahiran dalam kewartawanan yang diperlukan sebagai wartawan solo dan mengetahui mengenai kriteria profesionalisme industri kewartawanan. Dobney dan sussman (2013), (yang dipetik dalam Blankeship, 2016) menyatakan bahawa dengan mengambil wartawan solo sebagai wartawan profesional akan mengurangkan kos dalam industri kewartawanan dan mengurangkan pengambilan wartawan. Penekanan aspek kemahiran dan profesionalisme dalam kajian Blankeship (2016), jelas menunjukkan bahawa aspek kemahiran dan profesionalisme kewartawanan solo saling memerlukan.

Kajian tersebut disokong oleh kajian Cullen (2014). Penyelidikan yang dijalankan oleh sarjana ini adalah bertujuan untuk menilai sama ada program kewartawanan menyediakan graduan dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh bakal majikan. Dalam hasil kajiannya, beberapa editor menyatakan bahawa kelulusan ijazah dalam bidang kewartawanan sememangnya merupakan salah satu kelebihan untuk menjadi seorang wartawan, namun sebagai majikan, mereka juga memerlukan graduan yang berkemahiran dalam setiap tugas yang dilakukan.

Selain itu, latihan ketika menjadi wartawan harus dijadikan sebagai perkongsian antara industri dan universiti. Oleh itu, bukan sahaja model pembelajaran yang sedia ada ketika belajar diberikan, namun, pelajar akan diberikan latihan industri dalam sesebuah organisasi untuk menyempurnakan kemahiran mereka dalam ruangan berita. Melalui hasil kajiannya, didapati bahawa kebanyakan editor amat

menggalakkan pihak universiti untuk lebih berusaha agar lebih rapat dengan industri. Ini kerana editor percaya bahawa industri mempunyai input yang lebih luas dalam program kewartawanan.

Kajian sarjana tersebut dilihat mempunyai persamaan dengan kajian ini kerana menggunakan kaedah temu bual. Temu bual sarjana ini dijalankan terhadap 11 orang editor berita di Perth, Australia Barat untuk menilai kursus kewartawanan dan kebolehpasaran pelajar di lima universiti di Perth yang mengajar bidang kewartawanan. Namun, terdapat juga perbezaan dengan kajian ini. Ini kerana kajian soal selidik tersebut dilakukan terhadap lima buah universiti di Perth iaitu Edith Cowan University, Curtin University, Murdoch University, Notre Dame dan UWA. Ini jelas berbeza dengan kajian ini yang hanya menjalankan temu bual terhadap tujuh orang editor sahaja. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa responden bersetuju terdapatnya kelemahan dalam ejaan, tatabahasa dan sintaksis, serta pembangunan pengetahuan umum, kemahiran menulis berita, dan ketidakupayaan menjana idea cerita. Justeru, kajian ini mengkaji kemahiran yang diperlukan untuk membantu kekurangan kelemahan yang dikenal pasti dalam kajian lepas tersebut.

2.5 Kemahiran Asas Wartawan Solo

Hasil kajian Callaghan dan McManus (2010), menunjukkan bahawa para pendidik perlu mengambil berat tentang kepentingan kemahiran menulis. Hal ini kerana kebanyakan pihak industri melihat graduan kurang memiliki asas dalam kemahiran menulis. Ejaan, tatabahasa, tanda baca dan penulisan yang jelas merupakan kemahiran asas dalam kewartawanan. Jika graduan kewartawanan tidak menunjukkan kecekapan dalam aspek tersebut maka ini akan menimbulkan

kepayahan untuk menjana idea atau konteks dalam membuat berita. Menurut *The West Australian* (yang dipetik dalam Callaghan & McManus, 2010), kekurangan dalam kemahiran menulis merupakan masalah yang perlu diberi perhatian oleh media cetak juga penyiaran. Hal ini kerana ramai graduan dilihat tidak mempunyai pengetahuan asas untuk menulis akhbar.

Kajian Callaghan dan McManus (2010), menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu dengan menggabungkan soal selidik dalam talian dan temu bual susulan terhadap 10 orang wakil yang terdiri daripada editor dan pengarah berita. Ini berbeza dengan kajian ini yang hanya menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual. Kajian tersebut mempunyai persamaan dengan kajian ini iaitu tentang aspek kemahiran. Namun, tidak dikaitkan dengan profesionalisme wartawan.

Kajian tersebut disokong Blom dan Devenport (2012), yang menegaskan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran asas dalam kewartawanan. Kajian Ketterer, McGuire dan Murray (2013) pula menekankan bahawa aspek kemahiran menulis merupakan kemahiran yang dituntut dalam industri. Ini terutamanya kepada wartawan yang menceburi bidang tersebut. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa editor sukan akhbar dan televisyen meletakkan kemahiran menulis di satu kedudukan tertinggi iaitu sebagai satu kemahiran yang diperlukan untuk wartawan baharu. Aspek kemahiran seterusnya yang ditekankan ialah keupayaan menulis untuk wartawan dalam industri. Sementara itu, kemahiran ketiga terpenting adalah kemahiran pelaporan dalam kerja-kerja khususnya televisyen. Seterusnya, kemahiran menemani tarikh akhir yang ditentukan, dan kemahiran kelima terpenting ialah kemahiran multimedia.

Kajian tersebut menggunakan responden yang terdiri daripada editor berita sukan akhbar dan televisyen. Ini berbeza dengan penyelidikan ini yang memilih editor daripada pelbagai bidang. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian Ketterer, McGuire dan Murray (2013), mempunyai kekurangannya. Kajian tersebut hanya menekankan aspek kemahiran untuk penulisan berita sukan bagi bakal wartawan berita sukan akhbar dan televisyen sahaja. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian tersebut berbeza dengan kajian ini yang membincangkan aspek kemahiran secara umum untuk semua jenis berita.

Kajian Lingwall dan Kuehn (2013), turut menekankan aspek kemahiran. Menurut Lingwall dan Kuehn (2013), kemahiran menulis sentiasa menjadi keperluan utama dalam bidang kewartawanan dan komunikasi massa. Kini, kebanyakan majikan terus menuntut pelajar yang mempunyai kemahiran. Oleh itu, pihak universiti harus memberikan kerja kursus, ataupun latihan untuk melahirkan graduan yang profesional dalam semua kemahiran apabila menceburi diri dalam industri kewartawanan kelak. Namun, kebanyakan majikan mendapati bahawa graduan masa kini kurang mempunyai asas dalam kemahiran menulis. Walaupun terdapat persetujuan umum bahawa kemahiran menulis dalam industri media amat lemah dalam kalangan pelajar, namun, penyelesaian masalah tersebut masih belum dilakukan. Kajian Lingwall dan Kuehn (2013), berbeza dengan kajian penyelidikan kerana kajian sarjana tersebut bertujuan untuk meneroka persepsi pelajar terhadap kemahiran menulis dalam bidang kewartawanan. Hal ini berbeza berbanding kajian ini yang menjelaskan kemahiran yang diperlukan dari sudut pandangan editor.

Oleh itu, jelaslah bahawa melalui kajian yang dijalankan oleh Callaghan dan McManus (2010), Broaddus (2012), dan, Blom dan Devenport, (2012), Ketterer, McGuirer dan Murray (2013), Lingwall dan Kuehn (2013), serta Ying Roselyn Du (2014), didapati bahawa kemahiran menulis merupakan aspek kemahiran asas yang menjadi keperluan utama dan dituntut oleh industri kewartawanan. Kemahiran asas adalah asas-asas dan kecekapan yang diperlukan sebagai wartawan, contohnya kemahiran menulis (Cullen et al, 2014). Namun, pihak industri masih tidak berpuas hati dengan kemahiran menulis para graduan yang kebanyakannya kurang mempunyai kemahiran asas dalam penulisan bidang kewartawanan. Isu industri kewartawanan di Malaysia yang dipaparkan di akhbar, juga menunjukkan penegasan terhadap kemahiran menulis dan mengakui kemahiran menulis dalam kewartawanan masih perlu dipertingkatkan. Oleh itu, penyelidik mengkaji kemahiran asas yang diperlukan oleh graduan untuk menjadi wartawan solo bersesuaian dengan tuntutan industri. Ini bertepatan dengan persoalan kajian yang pertama, iaitu tentang kemahiran asas yang diperlukan sebagai wartawan solo.

Kajian ini berbeza dengan kajian sarjana terdahulu. Ini kerana kajian terdahulu lebih memberi penekanan kepada wartawan atas talian, dan menggunakan kaedah yang berbeza seperti soal selidik, temu bual melalui telefon dan bersemuka serta menggunakan responden yang pelbagai dalam satu kajian. Ini jelas berbeza dengan kajian ini yang menggunakan editor daripada pelbagai industri akhbar untuk ditemubual bagi mendapatkan pandangan daripada editor akhbar di Malaysia.

2.6 Kepelbagaian Kemahiran Wartawan Solo

Jika dahulu wartawan diambil bekerja disebabkan faktor kemahiran dalam membuat laporan. Namun, aliran teknologi kini menyebabkan wartawan bukan sahaja dinilai dari segi pelaporan berita, malahan wartawan juga perlu tahu mengambil gambar dan menyunting. Selain itu, wartawan juga diperlukan untuk bekerja dalam pelbagai saluran. Contohnya, menurut Alejandro (2010), wartawan kini dikehendaki menyalurkan berita melalui pelbagai saluran, contohnya, televisyen, radio, media cetak dan pelbagai bentuk saluran media yang lain. Justeru itu, dalam landskap media hari ini adalah sangat penting untuk menjadi seorang wartawan solo yang mempunyai pelbagai kemahiran. Hasil kajian Callaghan dan McManus (2010), menunjukkan bahawa industri memerlukan wartawan yang mempunyai pelbagai kemahiran. Kepelbagaian kemahiran yang diperlukan adalah mempunyai pengetahuan yang luas tentang isu-isu semasa, dan mempunyai kebolehan dalam pelbagai kemahiran untuk melakukan pelbagai tugas. Di samping itu, wartawan juga perlu berkeupayaan untuk mengaitkan gambar dengan penulisan skrip yang bagus serta keupayaan untuk mengendalikan *soft news* serta *hard news*.

Bagi Cremedas dan Lysak (2011) pula, wartawan bidang penyiaran perlu mempunyai kemahiran yang pelbagai. Namun, sebagai bilik berita televisyen tumpuan lebih diberikan kepada kandungan berita atas talian. Wartawan tempatan televisyen dan penerbit, yang telah mahir perlu bergerak ke tahap yang lain termasuk penulisan dan menghasilkan laman web. Beberapa pekerja menyaksikan kekurangan kakitangan dan latihan tambahan bagi kakitangan sedia ada dalam kemahiran internet. Penggunaan kandungan laman web yang semakin banyak telah mendorong industri kewartawanan untuk memberi penekanan terhadap perubahan kurikulum agar

memastikan pelajar memperoleh kemahiran web yang diperlukan. Kajian sarjana tersebut jelas menunjukkan bahawa kemahiran web penting untuk wartawan penyiaran terutamanya dalam penggunaan media baharu. Kajian ini pula menyelidik kemahiran tambahan yang diperlukan oleh wartawan solo industri akhbar selain kemahiran asas iaitu menulis.

Selain itu, kajian Bloom dan Devenport (2012), mendapati bahawa wartawan perlu berpengetahuan dalam undang-undang dan etika media. Di samping itu, kemahiran penyelidikan internet, pengetahuan khusus contohnya dalam bidang sains, perniagaan, kemahiran pelaporan berita, pemikiran kritikal, dan sebagainya. Menurut Blom dan Devenport (2012), pengajar perlu melatih pelajar mengenai keperluan dalam menghadapi tekanan di bilik berita atau sebagai wartawan solo, atau kedua-duanya. Fakulti pula harus melatih pelajar mengenai pelbagai kemahiran yang berbeza yang diperlukan untuk menyiapkan tugas yang berbeza dengan cekap dan berkesan.

Pelajar kewartawanan perlu menilai artikel secara kritikal, iaitu bukan hanya mengulangi maklumat yang diambil dari sumber sekunder seperti sejarah kewartawanan (Hannis, 2012). Pemikiran kritikal dan penulisan yang jelas merupakan kemahiran yang penting untuk dipelajari. Pemikiran kritis adalah proses disiplin intelektual yang aktif serta cekap dalam menganalisis, mensintesis, pemerhatian, dan pengalaman. Pensyarah perlu menggalakkan pelajar supaya berfikir secara mendalam dan kritis.

Menurut *The United States Department of Labor's Bureau of Labor Statistics* (2011) (yang dipetik dalam Broaddus, 2012), pasaran kerja masa kini memerlukan kemahiran grafik komputer dan kemahiran desktop dalam penerbitan, kemahiran sistem pengurusan kandungan dan kemahiran dalam semua bentuk multimedia. Namun, walaupun kemahiran teknologi ditekankan sebagai kemahiran yang penting, kemahiran menulis tetap merupakan kemahiran yang paling penting, terutamanya bagi seorang wartawan baharu.

Menurut Potter, Matsa, dan Mitchell (2012) (yang dipetik dalam Ketterer, McGuirer & Murray, 2013), kebanyakan bilik berita mengambil wartawan multimedia sebagai wartawan yang boleh mengambil gambar, membuat laporan, menulis berita, dan mengedit berita mereka. Isu tersebut sama dengan fungsi wartawan solo yang melakukan kesemua tugas sebagai seorang wartawan tanpa bantuan orang lain. Menurut Ketterer, McGuirer dan Murray (2013), editor meletakkan kemahiran sebagai ranking pertama yang diperlukan dalam bidang kewartawanan termasuklah kemahiran menemu bual, kebolehan dalam kepelbagaian kemahiran, dan kemahiran video.

Wenger dan Owens (2013), dalam kajiannya mendapati bahawa pengalaman dalam menggunakan teknologi merupakan salah satu faktor yang menyebabkan graduan diterima dalam industri. Kemahiran menggunakan laman web menjadi sesuatu yang penting oleh kebanyakan majikan bidang penyiaran. Melalui kemahiran ini dapatlah dikenal pasti bahawa terdapat permintaan untuk pengetahuan dalam penggunaan elemen multimedia bagi meningkatkan penulisan berita khususnya dalam laman web. Kajian sarjana tersebut mendapati bahawa penggunaan elemen-elemen multimedia

sememangnya diperlukan dalam bidang penyiaran contohnya penulisan web, kemahiran video, dan audio, serta sebagainya. Kajian sarjana ini dilihat hampir sama dengan kajian ini dalam aspek kemahiran, namun berbeza dari segi tumpuan. Kajian tersebut memberi tumpuan sepenuhnya kepada industri penyiaran yang terkemuka di Amerika Syarikat sahaja, manakala kajian ini pula memberi tumpuan terhadap industri akhbar di Malaysia.

Menurut Breiner (2013), kebanyakan majikan menegaskan bahawa pasaran kerja kini menuntut graduan yang berkemahiran dalam kemahiran multimedia bagi menghasilkan persembahan slaid dengan bunyi, rakaman dan penyuntingan video dan gambar serta penulisan web. Di samping itu, kemahiran menyampaikan berita dengan data dan statistik iaitu dengan mengumpul, menyunting, mentafsirkan data, dan juga kemahiran asas dalam membangunkan laman web perlu bagi menarik perhatian penonton. Kemahiran multimedia kini menjadi keutamaan dalam industri kewartawanan terutamanya dalam melahirkan wartawan solo yang berkebolehan menggunakan pelbagai teknologi di samping mempunyai kemahiran menulis. Kemahiran multimedia yang dimaksudkan terdiri daripada kemahiran menulis dalam laman web, kemahiran merekod dan mengedit audio, kemahiran merekod dan mengedit video, kebolehan menyampaikan berita melalui teknik reka bentuk visual, serta kemahiran mengambil dan mengedit gambar, dan sebagainya. Kemahiran tersebut diperlukan untuk meningkatkan industri kewartawanan, bukan sahaja di media cetak, malahan di media massa juga.

Berdasarkan kajian sarjana-sarjana tersebut, jelas bahawa, kewujudan kepelbagaian kemahiran dapat membantu dalam meningkatkan jumlah pengeluaran berita kepada

pelbagai saluran, contohnya media elektronik, media cetak, dan media massa. Wartawan solo yang mempunyai pelbagai kemahiran, boleh mempercepatkan proses penyiaran berita, daripada menggunakan masa yang ada untuk menyunting gambar menggunakan khidmat jurugambar dan sebagainya yang akan mengambil masa yang lama. Justeru itu, wartawan bukan sahaja perlu mahir dalam penulisan, wartawan juga perlu mahir dalam aspek penggunaan teknologi.

Menurut Schaich dan Klein (2013), pendidikan kewartawanan perlu mengintegrasikan multimedia dan kemahiran digital serta teknologi dalam kurikulum. Ini bagi meningkatkan pemahaman pelajar dalam perniagaan dari sudut berita dan landskap ekonomi digital. Kemahiran keusahawanan membolehkan graduan mewujudkan peluang pekerjaan mereka serta mewujudkan nilai baru dalam organisasi legasi media (Schaich & Klein, 2013). Wartawan memerlukan kemahiran tersebut untuk mengeksplorasi peluang yang wujud daripada persekitaran digital. Melalui kajian yang dijalankan sarjana tersebut, adalah jelas bahawa di samping kemahiran multimedia, dan digital, kemahiran keusahawanan juga diperlukan. Kajian tersebut didapati berbeza dengan kajian ini kerana sarjana tersebut mengkaji tentang pendidikan keusahawanan dalam kewartawanan, sedangkan kajian ini mengkaji kemahiran wartawan solo dalam pendidikan kewartawanan.

Pada masa kini, wartawan dijangka mempunyai kemahiran dalam menggunakan pelbagai peralatan dan servis perisian serta perkhidmatan internet contohnya e-mel, dan juga rangkaian media sosial (Veglis & Pomportsis, 2014). Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kewartawanan mendapat perhatian Veglis dan Pomportsis (2014). Kajiannya membincangkan mengenai kekurangan kemahiran

tersebut agar program pendidikan dapat menggalakkan penggunaan alat ICT. Penyelidikan Veglis dan Pomportsis (2014), menggunakan kaedah soal selidik dan tertumpu kepada bidang ICT sahaja berbanding kajian ini yang menyentuh pelbagai kemahiran.

Seterusnya, menurut Cullen, Tanner, O'Donnel, dan Green, (2014), industri memerlukan wartawan yang mahir dalam penyuntingan, pelaporan, dan ejaan. Di samping itu, wartawan juga perlu mahir dalam kemahiran tradisional, pemikiran kritikal, kebolehan menulis, mempunyai keyakinan, dan rasa ingin tahu. Kebolehan dalam multimedia perlu dipraktikkan dalam kemahiran asas agar bersesuaian dengan keperluan industri pada masa akan datang (Cullen *et al*, 2014). Selain kemahiran menulis sebagai kemahiran asas, kemahiran yang dinyatakan oleh sarjana antaranya ialah kemahiran yang menjadi permintaan industri. Hasil temu bual terhadap editor di Perth, kebanyakan responden bersetuju bahawa graduan yang diterima industri telah dilatih dengan baik dalam teknologi digital.

Namun, majikan penyiaran di Australia membuat kesimpulan bahawa terdapat kebimbangan untuk kakitangan di pelbagai rangkaian untuk mempunyai penguasaan dalam kemahiran baharu seperti penyuntingan video, dan juga perisian buletin (Cullen, 2014). Kajiannya memberi penumpuan dalam bidang multimedia kerana digunakan bagi menggambarkan usaha meluas yang dilaksanakan oleh beberapa program kewartawanan untuk mengubah kurikulum sebagai persediaan pelajar dalam pengeluaran dan penyampaian berita dan maklumat pada abad ke-21. Menurut Ying Roselyn Du (2014), graduan kewartawanan perlu meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi media baharu dalam laporan berita. Selain itu, majikan di

bilik berita dan juga editor mengiktiraf kewartawanan dengan graduan yang perlu dilengkapi dengan kemahiran dalam menghasilkan laporan.

Wartawan solo melakukan kesemua tugas sebagai wartawan, jurukamera, juruaudio, juruvideo, penerbit, penulis, penyampai, dan juga penyunting. Ini disebabkan oleh faktor teknologi yang wujud pada masa kini. Kamera pada masa kini mudah digunakan oleh wartawan untuk melakukan laporan berita. Terdapat pelbagai jenis kamera, sama ada besar atau kecil. Situasi ini merupakan satu revolusi teknologi dalam industri. Wartawan solo diperlukan disebabkan oleh faktor kemajuan teknologi dan ekonomi yang merupakan komponen penting pada masa hadapan. Kemajuan teknologi, kamera digital, dan internet merupakan faktor industri memerlukan perubahan dari terus mundur. Ini agar tidak terancam dengan cabaran teknologi masa hadapan. Wartawan solo merupakan wartawan pada masa hadapan (Gentile, 2014).

Wartawan solo ialah wartawan yang menggunakan pelbagai peralatan media seperti komputer riba, dan telefon satelit. Wartawan solo merupakan generasi wartawan baharu yang mengikut aliran rentak era teknologi kini. Arus industri kewartawanan yang menggunakan kaedah tradisional iaitu memerlukan jurukamera, wartawan, dan penyunting untuk menghasilkan berita, akan menggandakan jumlah bilangan berita, apabila berlaku peningkatan dalam wartawan solo iaitu wartawan yang mempunyai kepakaran akan mengambil alih semua tugas untuk menghasilkan berita yang lengkap (Plater, 2015).

Menurut Gentile (2016), pelajar kewartawanan perlu meluaskan kemahiran mereka. Ini kerana kebanyakan editor memerlukan wartawan yang boleh berperanan sebagai jurugambar, yang akan diambil sebagai wartawan solo. Kini, wartawan semakin memerlukan kemahiran yang pelbagai seperti menulis berita dan mengambil gambar sendiri. Pendidikan media pula perlu memberi tumpuan kepada pembangunan wartawan daripada pelbagai aspek. Melalui evolusi industri kewartawanan yang semakin berkembang, wartawan solo diperlukan agar boleh melakukan kesemua tugas.

Oleh itu, jelaslah bahawa setelah meneliti kajian sarjana yang terdahulu, selain kemahiran asas iaitu kemahiran menulis yang merupakan antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh graduan, terdapat juga kemahiran lain yang perlu dikuasai. Kemahiran tersebut ialah kemahiran dalam menggunakan laman web, berpengetahuan dalam undang-undang dan etika media, kemahiran penyelidikan internet, pengetahuan khusus contohnya dalam bidang sains, perniagaan, dan sebagainya, kemahiran pelaporan berita, pemikiran kritikal, multimedia dan digital teknologi media baru, serta teknologi digital. Selain itu, kemahiran ICT juga turut menjadi permintaan industri terhadap graduan (Cremedas & Lysak, 2011), (Hannis, 2012), (Bloom & Devenport, 2012) (Wenger & Owens, 2013), (Schaich & Klein, 2013), (Veglis & Pomportsis, 2014), (Cullen, Tanner O'Donnel, & Green, 2014), (Cullen, 2014), dan Ying Roselyn Du (2014).

Hoffman (2011), Ketterer, McGuirer dan Murray (2013), Breiner (2013), dan Cullen *et al.* (2014) pula mengatakan bahawa antara kemahiran wartawan solo ialah mengambil gambar, membuat laporan, menulis berita dan mengedit berita,

kemahiran menemu bual, kebolehan dalam kepelbagaian kemahiran, dan kemahiran video. Selain itu, kemahiran menulis dalam laman web, kemahiran merekod dan mengedit audio, kebolehan menyampaikan berita melalui teknik reka bentuk visual, serta kemahiran mengambil dan mengedit gambar merupakan antara kemahiran yang diperlukan untuk menjadi wartawan.

Namun, kajian- kajian tersebut hanya dijalankan di luar negara, dan terhadap responden luar negara. Oleh itu, penyelidik mengkaji kemahiran yang diperlukan oleh graduan untuk menjadi wartawan bersesuaian dengan tuntutan industri daripada perspektif editor di Malaysia. Hal ini bertepatan dengan persoalan kajian yang kedua iaitu kepelbagaian kemahiran lain yang diperlukan oleh wartawan solo.

Kajian ini berbeza dengan kajian sarjana terdahulu. Ini kerana kajian terdahulu lebih memberi penekanan kepada kemahiran multimedia, berbanding kajian ini yang menekankan pelbagai kemahiran daripada sudut pandangan daripada editor akhbar di Malaysia. Secara keseluruhannya, dalam era teknologi masa kini, wartawan tradisional perlu meningkatkan kemahiran mereka agar boleh menjadi wartawan solo. Hal ini kerana industri kini menuntut wartawan yang serba boleh dalam pelbagai jenis tugas yang diberikan. Kewujudan wartawan solo, sedikit sebanyak akan menggugat wartawan tradisional, namun dari segi laporan cetak hal ini tidak akan pernah hilang. Ini kerana beberapa jenis berita tidak sesuai jika disampaikan secara visual. Oleh itu, media cetak tidak akan berkurangan dan akan terus kekal. Namun, disebabkan kemajuan teknologi, wartawan solo akan menjadi satu komponen penting pada masa hadapan.

Oleh itu, industri kewartawanan perlu mengambil inisiatif untuk melahirkan wartawan tradisional yang berkebolehan seperti wartawan solo agar industri mempunyai wartawan yang mampu melakukan pelbagai tugas secara solo, contohnya tanpa bantuan jurukamera. Dalam melahirkan wartawan solo yang mampu melakukan tugas dengan pelbagai kemahiran maka kemahiran menulis, kemahiran melaporkan berita, serta kemahiran multimedia perlu dipertingkatkan bagi mengukuhkan profesionalisme industri kewartawanan di Malaysia. Kajian yang memfokuskan kepelbagaian kemahiran dalam wartawan solo ini belum dikaji di Malaysia, hanya dikaji di luar negara namun, tidak secara menyeluruh. Pelbagai isu yang berlaku tentang kurangnya kemahiran dalam kewartawanan mengukuhkan lagi kajian ini untuk dikaji agar pengetahuan yang baharu dapat diaplikasikan oleh industri kewartawanan dan juga golongan pendidik.

2.7 Profesionalisme Wartawan Solo

Witschge dan Nygren (2009), telah mengkaji mengenai profesionalisme kewartawanan. Dalam kajian ini, mereka mengkaji mengenai perubahan sifat dalam industri dan organisasi kewartawanan yang memberi kesan terhadap profesion kewartawanan, autonomi serta peranan yang dimainkan dalam profesion seorang wartawan. Dalam kajian tersebut, sarjana ini mendapati bahawa perubahan dari segi teknologi dan ekonomi akan mengganggu status profesional amalan kewartawanan serta sekaligus menghilangkan kawalan nilai profesional yang telah wujud sebelum ini. Jadi disebabkan terdapat pengaruh teknikal dari segi teknologi terutamanya, pengukuhan profesionalisme ini perlu dititiberatkan dalam kewartawanan solo. Hal ini kerana, kajian tersebut menunjukkan bahawa teknologi dan profesionalisme wartawan solo perlu seiring dalam mengharungi cabaran teknologi yang semakin

mencabar kini. Disebabkan hal itu, kemahiran dan profesionalisme kewartawanan solo menjadi aspek penting dalam kajian ini.

Selain itu, profesionalisme juga boleh menggantikan kawalan birokrasi dan boleh digunakan oleh kuasa-kuasa luar untuk menggalakkan perubahan dalam sesuatu profesion. Profesionalisme juga ditakrifkan sebagai memberi tumpuan kepada autonomi serta pematuhan yang diperoleh daripada kod etika kewartawanan yang dibuat oleh kumpulan dan organisasi kewartawanan. Pada masa kini, kebanyakan organisasi memerlukan graduan yang mempunyai profesionalisme untuk menjadi seorang wartawan. Menurut Witschge dan Nygren (2009), profesionalisme menunjukkan sesuatu perbezaan antara profesion dan kumpulan-kumpulan lain di dalam dan luar syarikat. Profesionalisme merupakan satu panduan dalam melakukan pekerjaan, amalan nilai dan sikap. Profesionalisme juga berperanan dalam menentukan profesion individu.

Menurut Ornebring (2009), golongan wartawan kini semakin mengabaikan profesional mereka dengan tahap komitmen yang semakin lemah dalam profesional kewartawanan. Komitmen wartawan dilihat semakin membimbangkan profesionalisme industri kewartawanan. Komitmen atau iltizam yang diamalkan dalam profesionalisme kewartawanan akan membantu wartawan dalam memberi tumpuan sepenuhnya dalam profesion tanpa mengambil kira faktor kewangan, waktu, serta penat lelah. Oleh itu, jelaslah bahawa, autonomi, dan komitmen dalam profesionalisme perlu dijadikan panduan dalam kemahiran wartawan solo.

Peningkatan profesionalisme perlu diberikan perhatian untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan wartawan solo. Profesionalisme boleh ditakrifkan sebagai ilmu pengetahuan, kemahiran dan penjagaan dalam peranan pekerjaan (Kristinsson, 2013). Komponen pengetahuan merupakan keupayaan yang disahkan untuk membezakan, menerangkan dan menjelaskan fakta serta prinsip-prinsip asas. Di samping itu, profesionalisme digunakan untuk menyampaikannya kepada khalayak dengan pilihan dan nasihat yang berguna serta realistik. Komponen kemahiran merupakan gabungan teori dan amalan, serta usaha yang berterusan bagi cabaran untuk setiap profesion. Komponen penjagaan merupakan komitmen bebas kepada nilai-nilai dalaman untuk pekerjaan, yang mengandungi sekurang-kurangnya tiga elemen yang berbeza iaitu perkhidmatan, moral, dan standard pekerjaan.

Menurut Stigbrand dan Nygren (2013), beliau menyatakan bahawa pendidikan dianggap sebagai sebahagian perkara penting dalam profesionalisme untuk sesuatu profesion. Melalui pendidikan, pengetahuan yang profesional diberikan kepada generasi profesional yang baharu. Tahap pendidikan profesionalisme dalam kalangan wartawan bukanlah ukuran tahap profesional bidang kewartawanan. Oleh itu, profesionalisme dapat dicapai apabila profesion telah menetapkan pendidikan yang jelas untuk wartawan. Justeru objektif kajian ini untuk mengetahui kehendak industri dari segi kemahiran dan profesionalisme wartawan solo, adalah penting sebagai panduan bidang pendidikan kewartawanan, dalam mengekalkan profesionalisme kewartawanan solo. Menurut Okunna (1991), (yang dipetik dalam Felix Olajide, Talabi Benjamin & Kayode Ogundeji, 2012), wartawan perlu mempunyai pendidikan formal yang lebih tinggi dan lebih profesional dalam menjalankan tugas.

Menurut Hallin dan Mancini (2004) (yang dipetik dalam Stigbrand & Nygren, 2013), di kebanyakan negara sebahagian besar individu yang layak menjadi seorang wartawan mempunyai tahap profesional yang masih rendah. Ini terutamanya dalam aspek autonomi. Autonomi adalah kebebasan wartawan untuk menghasilkan berita melalui apa yang diperoleh, namun penelitian perlu dibuat terhadap isu sensitif agar maklumat yang disampaikan adalah benar dan menepati dasar editorial akhbar masing-masing. Menurut Hallin dan Mancini (2004), satu kajian awal telah dibuat pada akhir tahun 1980-an oleh sarjana Splichal dan Sparks (1994), ke atas pelajar kewartawanan di 22 buah negara yang berbeza, penemuan utama mereka adalah wujud keinginan yang kuat untuk mendapatkan autonomi dalam kalangan pelajar dalam semua negara. Oleh itu, jelaslah bahawa tahap penggunaan kuasa autonomi dalam profesionalisme dalam kalangan pelajar di 22 buah negara itu masih rendah. Jadi kuasa autonomi perlu diberi perhatian terhadap wartawan solo, agar wartawan solo menggunakan autonomi yang diberikan dengan betul.

Justeru, dalam penyelidikan ini akan mengkaji tentang profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo. Hal ini kerana profesionalisme itu merupakan satu aspek penting dalam kewartawanan. Menurut Deuze (2005) (yang dipetik dalam Clark, 2013), terdapat lima kualiti ideologi profesional termasuklah komitmen untuk memberikan perkhidmatan awam, bersikap adil, neutral, adil, dan berwibawa, autonomi kewartawanan, kesegeraan, serta etika.

Berdasarkan kajian lepas yang dijalankan, terdapat beberapa kualiti profesional wartawan. Antaranya ialah autonomi, komitmen atau iltizam, pendidikan, kemahiran, adil, neutral, adil, berwibawa, dan etika (Witschge & Nygren, 2009), (Ornebring,

2009), (Olajide, Benjamin & Ogundeji, 2012), (Stigbrand & Nygren, 2013), dan (Clark, 2013). Kebanyakan kajian lepas mengkaji tentang kesan tidak profesional dalam wartawan, identiti profesionalisme, profesion, dan profesion wartawan. Ini berbeza dengan kajian ini yang menambah aspek profesionalisme dalam mengukuhkan profesionalisme wartawan solo bersesuaian dengan persoalan kajian yang ketiga, iaitu kriteria profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo.

Profesionalisme dipelihara dan diperkukuh oleh pendidikan profesional, contohnya dari segi kelayakan pendidikan. Namun, identiti profesionalisme itu tidak dapat ditetapkan. Hal ini kerana profesionalisme boleh berubah mengikut arus media massa, dan apabila terdapat perubahan dalam sistem media, identiti profesionalisme itu turut berubah. Oleh itu, jelaslah bahawa terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji tentang profesionalisme, namun tidak dihubungkan dengan kemahiran.

Seterusnya, selain kajian lepas, kajian ini turut menggunakan Teori Akauntabiliti Media, Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007, dan Model Holistik Pendidikan Kewartawanan 2015 sebagai panduan kajian ini. Teori Akauntabiliti Media digunakan dengan mengambil aspek profesionalisme dan kemahiran. Manakala, Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007, dan Model Holistik Pendidikan Kewartawanan digunakan dengan mengambil aspek kemahiran sahaja, bertepatan dengan objektif kajian ini iaitu tentang kemahiran dan profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo.

2.8 Teori Akauntabiliti Media

Kajian ini menggunakan Teori Akauntabiliti Media sebagai panduan. Teori Akauntabiliti Media ini diasaskan oleh penyelidik komunikasi bernama Denis McQuail, pada tahun 1997. Teori Akauntabiliti Media menggambarkan hubungan di antara kebebasan media, tanggungjawab kepada masyarakat dan akauntabiliti media. Media bertanggungjawab kepada sumber, khalayak, golongan awam yang besar, golongan minoriti, dan bertanggungjawab kepada komuniti serta bangsa. Dalam konteks kajian ini Teori Akauntabiliti Media diaplikasikan untuk profesionalisme dan kemahiran sebagai wartawan solo, hal ini kerana, teori ini banyak memberi tumpuan terhadap profesionalisme dan kemahiran bagi menjaga akauntabiliti media.

2.8.1 Profesionalisme dalam Teori Akauntabiliti Media

Dalam istilah umum, Teori Akauntabiliti Media menangani persoalan cara prestasi media dikawal. Menurut Hodges (1986) (yang dipetik dalam Groenhart, 2013) tanggungjawab mempunyai kaitan dengan perilaku yang betul bagi meletakkan akauntabiliti yang menarik. Akauntabiliti media mempunyai hubungan yang kompleks dengan autonomi profesional (McQuails, 2003) dan (Groenhart, 2013). Kebebasan media mempunyai tanggungjawab ke atas individu dan organisasi atau masyarakat. Ini bertepatan dengan persoalan kajian ini iaitu tentang profesionalisme wartawan.

Dalam bidang kewartawanan, akauntabiliti merupakan salah satu standard etika yang paling kerap disebut (Kovach & Rosenstiel, 2001, Yusuf, 2011, & Singer, 2007). Kepentingan profesional diri seseorang wartawan dalam mengekalkan autonomi kewartawanan dan kredibiliti yang dipanggil profesional akauntabiliti. Dalam hal ini,

wartawan dan pengamal media profesional yang lain cenderung untuk mengikuti etika media untuk mengekalkan standard profesional kerja-kerja mereka. Selain itu, mereka perlu bersedia untuk menjawab sebarang pertanyaan individu bagi meningkatkan kepercayaan orang ramai dalam kerja-kerja kewartawanan (Bardoel & d'Haenens, 2004). Standard etika dan profesional kewartawanan moden telah dibangunkan berdasarkan kepada amalan terbaik media berita. Standard ini sepatutnya bertanggungjawab kepada piawaian profesional dan etika mereka, seperti akauntabiliti serta ketelusan (Friend & Singer (2007), Kovach & Rosenstiel (2001) & Merrill (1997). Namun, menurut para sarjana (Kovach & Rosenstiel (2001), Friend & Singer (2007), Singer (2003) & Ward (2010) dan lain-lain) prinsip-prinsip tradisional kewartawanan seperti ketepatan, keseimbangan, kredibiliti, pengesahan maklumat, *gatekeeping* dan akauntabiliti telah tercabar dengan saluran digital dalam beberapa cara.

Dalam aspek pengetahuan profesional, majoriti pekerja dalam talian atau wartawan datang dari latar belakang berbeza selain daripada bidang kewartawanan (Singer *et al*, 1999). Sementara itu, dari sudut lain kurikulum akademik khusus untuk kewartawanan dalam talian adalah kurang dilaksanakan dalam sistem pendidikan tinggi. Oleh itu, beberapa orang pelajar yang berpotensi menjadi profesional sudah biasa dengan peralatan dalam talian sebelum mereka memilih profesion sebagai wartawan. Menurut Singer (2003), mereka terlatih dengan baik dalam penulisan semula, penyuntingan dan mengemas kini laman web, dan juga dalam strategi pencarian maklumat serta penciptaan produk multimedia. Selain daripada pengetahuan dan kemahiran kewartawanan, pekerja dalam talian turut mempunyai pengetahuan teknikal dan kemahiran organisasi.

Sementara itu, dalam segi pendidikan program sivik adalah berdasarkan celik media yang membahaskan tentang peranan media kewartawanan boleh membantu membina masa depan kewartawanan dalam memahami potensi bentuk media baharu. Manakala, dari segi profesionalisme, konteks yang boleh dikaitkan dengan aspek akauntabiliti adalah wartawan akan lebih kukuh dengan mencari pemahaman yang lebih jelas tentang etika dan amalan yang baik. Ini akan menjadikan bidang kewartawanan lebih kukuh dan telus serta komitmen yang tinggi untuk lebih bertanggungjawab. Profesionalisme mempunyai banyak maksud. Wartawan dan para sarjana berpendapat profesionalisme adalah sikap dan nilai wartawan serta editor yang menjadi perhatian penting dalam kewartawanan (Wasbord, 2013).

Penubuhan sekolah profesional adalah untuk melatih pengamal media (Baran & Devis, 2010). Bidang kewartawanan tidak sama seperti bidang kedoktoran atau peguam yang mempunyai standard profesionalisme tertentu yang mempunyai latihan profesional dan perlesenan. Contohnya, untuk menjadi seorang doktor dan peguam, seseorang itu perlu menjalani latihan khusus selama 4 hingga 10 tahun sebagai tambahan bagi melengkapkan empat tahun pengajian di kolej. Namun, bidang kewartawanan mempunyai etika tertentu yang harus dipatuhi dalam menjalankan tugas dan menjadikan etika tersebut sebagai panduan dalam menjadi seorang wartawan. Begitu juga terdapat akta-akta tertentu.

Menyedari bahawa tiada sebarang sekatan boleh diadakan bagi penyertaan seseorang dalam profesion wartawan, maka, akta dan etika perlu diwujudkan bagi menjaga profesionalisme wartawan. Ini supaya wartawan perlu bertanggungjawab dan berdisiplin dalam menjalankan tugas. Setelah mengkaji beberapa jenis etika

kewartawanan yang digunakan di Amerika Syarikat, Jepun, Republik Korea, Filipina dan di Indonesia, Jawatankuasa Penggubal Etika Kewartawanan Malaysia yang dianggotai oleh ketua-ketua pengarang media Malaysia, cetak dan elektronik telah mengisytiharkan Etika Kewartawanan Malaysia. Etika ini telah diisytiharkan oleh Tokoh Wartawan Negara, Haji (kemudian Tan Sri) Abdul Samad Ismail pada 20 Mei 1989 di Kuala Lumpur dalam perhimpunan wakil-wakil media cetak dan elektronik.

Menurut Pritchard (1991), akauntabiliti memainkan peranan penting dalam tanggungjawab media. Kebanyakan perbincangan mengenai akauntabiliti media telah memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk meneutralkan ketegangan antara autonomi kewartawanan dan keperluan untuk tanggungjawab akhbar. Autonomi kewartawanan merupakan salah satu etika dalam Etika Kewartawanan Malaysia. Kebanyakan sarjana dalam bidang kewartawanan mengatakan bahawa akauntabiliti media berpotensi untuk meningkatkan kualiti kewartawanan. Akauntabiliti media meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pengguna mengenai proses profesional. Persepsi akauntabiliti media berkaitan dengan kepercayaan orang awam terhadap media berita. Akauntabiliti mengandungi nilai berita kewartawanan yang tersendiri.

2.8.2 Kemahiran dalam Teori Akauntabiliti Media.

Profesionalisme bukan sahaja berkaitan dengan Teori Akauntabiliti Media, namun kemahiran juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan akauntabiliti media. Menurut Singer (2003), bagi menjaga kredibiliti, pengetahuan dan kemahiran kewartawanan diperlukan sebagai pengetahuan profesional bidang kewartawanan. Di samping itu, menurut Coronel (2002), industri memerlukan kemahiran yang pelbagai

bagi memastikan wartawan sentiasa mengikut standard etika dan profesional yang ditegakkan.

Justeru, teori ini digunakan dan penting kepada wartawan solo, disebabkan faktor arah aliran penggunaan teknologi oleh pelbagai pihak dalam menyampaikan berita. Menurut Blankenship (2016), pengaruh teknologi menyebabkan perlunya wartawan solo yang mempunyai kemahiran, namun tidak lengkap jika wartawan solo menulis berita hanya berbekalkan kemahiran yang ada, tanpa berpandukan etikaewartawanan yang bertujuan untuk menjaga profesionalisme wartawan. Jadi, Berdasarkan fenomena ini, industri berita perlu mengikuti aliran penyampaian berita masa kini dengan meningkatkan kemahiran, serta menjaga profesionalisme wartawan, ini jelas menunjukkan bahawa, teori ini penting dijadikan sebagai panduan kepada wartawan solo, kerana teori ini sememangnya menekankan aspek kemahiran dan etika dalam menjaga profesionalisme wartawan.

Di samping itu, berita tradisional perlu dikekalkan. Akauntabiliti media dalam industri perlu dikekalkan bagi mengukuhkan profesionalisme wartawan solo melalui etika, amalan, komitmen yang tinggi, dan bertanggungjawab dalam menjalankan tanggungjawab. Jadi, kewartawanan solo bakal menjanjikan akauntabiliti, hal ini kerana, wartawan solo memerlukan pelbagai kemahiran dan harus mematuhi standard etika kewartawanan bagi menjaga profesionalisme dan akauntabiliti wartawan solo. Dalam konteks kajian ini, Teori Akauntabiliti Media memberi lebih pemahaman tentang profesionalisme, dan kemahiran kewartawanan. Justeru, dalam hal ini, pendidikan kewartawanan memainkan peranan penting dalam membentuk

wartawan solo yang menjaga akauntabiliti media di samping mengukuhkan kemahiran serta profesionalisme berdasarkan Teori Akauntabiliti Media.

2.9 Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007 UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Saintifik Dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu).

Selain Teori Akauntabliti Media, kajian ini juga menggunakan Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007. Model ini dilancarkan pada tahun 2007 di Kongres Pendidikan Kewartawanan Dunia Pertama (WJEC-1) yang diadakan di Singapura. Bersesuaian dengan kajian ini yang memfokuskan kepada kepelbagaian kemahiran untuk menjadi seorang wartawan. Model ini digunakan kerana model ini turut menekankan aspek kemahiran serta etika dalam pendidikan kewartawanan khususnya.

Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007 yang berfungsi sebagai panduan untuk membangunkan struktur pendidikan teras yang kuat dengan keseimbangan antara praktikal dan akademik. Pengajian di peringkat universiti pula perlu berperanan sebagai asas untuk latihan profesional dalam kewartawanan. Ini sejajar dengan model ini yang memberi tumpuan kepada pendidikan kewartawanan seperti yang ditawarkan di universiti. Model ini dibangunkan oleh UNESCO sebagai asas pendidikan kewartawanan yang baik. Dalam model ini, pendidikan kewartawanan dianjurkan kepada tiga paksi komponen yang berpaksikan kurikulum atau garisan pembangunan. Antara paksi tersebut ialah:

- i. Norma-norma, alat, piawaian, dan amalan kewartawanan.

- ii. Menekankan sosial, budaya, politik, ekonomi, undang-undang, dan etika dalam aspek amalan kewartawanan di dalam dan luar negara.
- iii. Pengetahuan dunia dan cabaran intelektual kewartawanan.

Berdasarkan tiga paksi tersebut, dapat dilihat bahawa, model ini turut menekankan tentang etika dan kemahiran seperti yang ditekankan dalam Teori Akauntabiliti Media. Buktinya, kursus yang diberikan akan melengkapkan pelajar untuk persediaan membuat laporan, menulis dan mengedit pelbagai media. Selain daripada kemahiran asas amalan kewartawanan dalam pelaporan dan penulisan, pelajar kewartawanan memerlukan latihan dalam teknik penggunaan peralatan. Bagi memperkayakan praktikal, setiap program harus dikongsi dengan media berita tempatan. Industri media berita perlu digalakkan bagi memberi wartawan peluang untuk melibatkan diri dengan universiti dalam berkongsi tentang kewartawanan sambil meningkatkan kemahiran profesional mereka. Model ini menekankan prinsip akauntabiliti yang memerlukan wartawan melaksanakan tanggungjawab mengikut etika serta mengelakkan fitnah dalam menyampaikan maklumat.

Kursus dalam model ini juga menghuraikan tentang konteks institusi dan masyarakat. Wartawan berfungsi untuk menghubungkan amalan kewartawanan dengan aktiviti masyarakat yang berkaitan, bagi mengukuhkan identiti profesional, nilai dan matlamat melalui pemahaman tentang fungsi demokrasi dan undang-undang serta kekangan moral. Mereka perlu menekankan sikap profesional dan etika serta pengetahuan dan kepentingan demokrasi kewartawanan bebas. Sama seperti Teori Akauntabiliti Media yang menekankan tentang tanggungjawab media kepada masyarakat dalam menjaga akauntabiliti media.

Terdapat tiga kategori kursus dalam kurikulum ini, bersamaan dengan tiga paksi iaitu, amalan profesional, pendidikan kewartawanan, dan sains dan seni. Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007 dipilih sebagai model dalam kajian ini adalah kerana berdasarkan penerangan dalam model tersebut, dan tiga paksi yang diterangkan, jelas bahawa model ini menekankan pembelajaran tentang asas kewartawanan sehingga ke peringkat praktikal dan juga alam pekerjaan. Kursus-kursus dalam model tersebut adalah antara elemen yang digunakan dalam kajian ini yang mengkaji tentang kehendak industri terhadap graduan kewartawanan berkenaan kemahiran yang diperlukan. Jadi, melalui teori dan model ini, jelas bahawa dalam menjaga akauntabiliti media bagi kalangan wartawan solo, kemahiran asas, pelbagai kemahiran lain, serta etika perlu diamalkan dalam kewartawanan solo, agar profesionalisme dan akauntabiliti sentiasa mengekalkan prestasi yang berkualiti. Oleh itu, dengan merujuk kepada model ini maka dapat dijadikan panduan dalam analisis data kajian. Ini supaya pelajar dapat disediakan dengan mengikut kehendak industri dan memberi sumbangan baharu kepada model ini dari aspek kemahiran.

Ini berbanding Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2013, yang menekankan tentang sukatan pelajaran pendidikan kewartawanan yang sentiasa berubah mengikut amalan komunikasi dalam kepentingan awam. Begitu juga tentang sukatan pembelajaran baharu merangkumi isu baharu. Justeru, Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007 Lebih dekat dengan kajian ini yang mengkaji tentang kemahiran yang diperlukan dalam industri. Ini bersesuaian dengan model tersebut yang menekankan aspek kemahiran dalam sukatan pembelajaran model tersebut. Kemahiran Menulis, kemahiran penyelidikan, kemahiran bertanya soalan, kemahiran pemerhatian, dan kemahiran multimedia, adalah kemahiran yang

ditekankan dalam Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007. Manakala, Kemahiran pengurusan, kemahiran interpersonal, kemahiran transkripsi, kemahiran berangka, dan kemahiran tafsiran adalah kemahiran yang ditekankan dalam Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2013.

Secara keseluruhannya, kajian ini hanya meneliti aspek kemahiran dalam model tersebut, walaupun model tersebut turut menekankan aspek lain seperti pengetahuan. Walau bagaimanapun, Model Holistik Pendidikan Kewartawanan Malaysia (HMJEM) dari Awan Ismail, Rizalawati Ismail, Norizah Aripin dan Norhafezah Yusof (2015), juga digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana model tersebut merupakan model terkini yang mempunyai aspek kemahiran dalam modelnya.

2.10 Model Holistik Pendidikan Kewartawanan Malaysia (HMJEM)


Selain itu, Model Holistik Pendidikan Kewartawanan Malaysia (HMJEM), juga digunakan untuk memberi sokongan terhadap Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007. Terdapat tiga elemen bersepadu teras dalam model tersebut iaitu pengetahuan, sikap, nilai-nilai teras dan kemahiran. Namun kajian ini hanya mengambil aspek kemahiran sahaja bagi mengukuhkan lagi hasil kajian ini, antaranya adalah kemahiran menulis, kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelidikan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran media digital, dan kemahiran teknikal.

2.11 Kerangka Konseptual

Menurut Merriam (2001) (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014), salah satu cara yang paling mudah untuk mengenalpasti kerangka kajian adalah dengan menyorot

literatur yang berkaitan. Maksud literatur adalah penulisan teoritikal atau konseptual dalam bidang kajian serta kajian-kajian lepas. Proses rujuk dan merujuk semula literatur dengan permasalahan kajian dan persoalan kajian adalah proses yang sangat interaktif. Menurut Othman Lebar (2014), rujukan ke atas kajian lepas, akan menyumbang kepada pengetahuan dan sumbangan yang bermakna ke atas bidang yang dikaji. Jadi kajian ini mengambil saranan tersebut, iaitu dengan merujuk kajian lepas sebagai kerangka kajian untuk panduan dalam menjalankan kajian. Salah satu kerangka kajian adalah kerangka konseptual.

Justeru itu, kerangka konseptual digunakan sebagai peta dalam kajian ini. Menurut Othman Talib (2013), kerangka konseptual atau kerangka teoritikal merujuk kepada garis panduan yang menghubungkan semua pembolehubah atau idea utama yang terlibat dalam kajian ini. Dalam konteks kajian ini, kerangka konseptual adalah kerangka yang merangkumi perkaitan antara pembolehubah yang akan dikaji dan menjadi panduan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian. Oleh itu, kajian ini mempersembahkan kerangka konseptual dalam bentuk grafik, seperti dalam rajah 2.1.



Rajah 2.1. Kerangka konseptual kewartawanan solo

Berdasarkan rajah di atas, kajian ini mengkaji tentang aspek yang diperlukan oleh industri kewartawanan terhadap wartawan solo. Maka aspek kemahiran dan profesionalisme bertindak sebagai pembolehubah tidak bersandar (IV). Manakala aspek yang tergolong dalam kemahiran dan profesionalisme akan bertindak sebagai pembolehubah bersandar (DV). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kemahiran dan profesionalisme yang diperlukan oleh wartawan solo dalam industri kewartawanan.

Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007, dan Model Holistik Pendidikan Kewartawanan 2015, serta kajian lepas menyatakan bahawa terdapat sembilan aspek kemahiran yang diperlukan sebagai wartawan. Antaranya adalah, kemahiran menulis, kemahiran penyelidikan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran multimedia, kemahiran pemikiran kritis, kemahiran teknikal, kemahiran media digital, kemahiran penyuntingan, dan kemahiran dwibahasa. Selain itu, kajian lepas, dan Teori Akauntabiliti Media menyatakan bahawa terdapat tiga aspek profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan, iaitu autonomi, komitmen, dan kejujuran.

Jadi aspek-aspek tersebut akan diaplikasikan kepada wartawan solo, hal ini kerana, wartawan solo adalah wartawan tunggal yang memerlukan pelbagai kemahiran dan profesionalisme untuk melakukan setiap tugas seorang diri, termasuklah menemubual, mengambil gambar dan video, menyunting, dan menulis berita, untuk menghasilkan sesebuah berita. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji kemahiran dan profesionalisme yang diperlukan oleh wartawan solo, kerana kajian lepas tidak menekankan aspek profesionalisme, jika ada, hanya menyatakan secara umum, begitu juga dengan aspek kemahiran. Secara keseluruhannya, pembinaan kerangka konseptual ini membantu penyelidik dan pembaca untuk lebih memahami aspek yang hendak dikaji dan juga membantu penyelidik menentukan arah tuju kajian dalam proses penyelidikan yang seterusnya.

2.12 Rumusan Bab

Konklusinya, kebanyakan penyelidikan dalam pendidikan kewartawanan terutamanya yang menyentuh tentang kemahiran dan profesionalisme yang dikaji oleh sarjana-sarjana terdahulu boleh dijadikan sebagai panduan untuk menjalankan

penyelidikan ini. Berdasarkan masalah dalam kewartawanan, di mana graduan kewartawanan kebanyakannya sukar diterima dalam industri, kerana tidak mempunyai ilmu kepelbagaian kemahiran kewartawanan, kajian ini merungkai persoalan tentang kemahiran yang diperlukan industri dalam menentukan hala tuju golongan graduan wartawan, agar memenuhi kehendak industri media, dan sekaligus boleh dilabelkan sebagai wartawan solo yang semakin diperlukan oleh industri, berdasarkan permasalahan utama kajian ini iaitu tentang keperluan wartawan solo.

Profesionalisme juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan kewartawanan solo, kerana melalui Teori Akauntabiliti Media dan Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan (2007), jelas bahawa, profesionalisme menentukan akauntabiliti media. Jadi kajian ini mengkaji kepelbagaian kemahiran dan kriteria profesionalisme yang diperlukan oleh industri bagi mengukuhkan profesionalisme wartawan atas faktor badan kawalan yang mengawal profesionalisme wartawan belum diwujudkan. Kajian ini memberi sumbangan kepada pihak industri kewartawanan, graduan, serta pihak universiti untuk melahirkan graduan yang memiliki kemahiran dan profesionalisme seperti yang dikehendaki dalam pasaran kerja masa kini.

Di samping itu, penggunaan Teori Akauntabiliti Media memberi panduan dalam profesionalisme serta kemahiran wartawan, dan Model Kurikulum Kewartawanan 2007, serta Model Holistik Pendidikan Kewartawanan Malaysia 2015, membantu memberi panduan dalam hasil kajian ini. Secara keseluruhannya, Teori Akauntabiliti Media memberi penekanan terhadap aspek profesionalisme dan kemahiran, terutamanya autonomi dan kemahiran menulis serta kepelbagaian kemahiran lain. Manakala, sebagai pengukuhan kajian ini, Model Kurikulum Kewartawanan 2007,

dan Model Holistik Pendidikan Kewartawanan Malaysia 2015, turut digunakan dengan mengambil aspek kemahiran sahaja, kerana model tersebut memberi penekanan tentang aspek kemahiran seperti kemahiran menulis, kemahiran berkomunikasi, kemahiran penyelidikan, kemahiran penyuntingan, kemahiran dwibahasa, kemahiran pemikiran kritis, kemahiran multimedia, kemahiran teknikal, dan kemahiran digital. Terdapat juga perbezaan kemahiran antara kedua-dua model tersebut seperti kemahiran pemikiran kritis yang tidak ditekankan dalam Model Kurikulum Kewartawanan 2007. Jadi adalah wajar untuk menggunakan teori dan model yang menekankan aspek kemahiran dan profesionalisme sebagai panduan kepada kajian ini kerana teori dan model tersebut menyokong konsep wartawan solo dalam aspek kepelbagaian kemahiran.

Kerangka konseptual yang dibuat berpandukan model, teori, serta kajian lepas membantu pemahaman lebih jelas tentang wartawan solo. Justeru itu, model tersebut digunakan dengan merujuk kepada aspek kemahiran yang terdapat dalam kedua-dua model tersebut. Malah, kajian ini juga memberi impak dalam model kewartawanan yang digunakan. Bab seterusnya akan membincangkan tentang kaedah yang digunakan bagi memastikan kajian ini berjalan lancar untuk mendapatkan segala maklumat yang diperlukan.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai kaedah pelaksanaan kajian yang digunakan secara menyeluruh yang merangkumi aspek reka bentuk kajian, kaedah kajian, pemilihan informan, temu bual separa struktur, analisis tematik, dan sumber data yang digunakan. Aspek prosedur temu bual turut dibincangkan dalam bab ini. Metodologi kajian penting untuk memastikan kajian yang dijalankan melalui dan mengikut prosedur yang sepatutnya. Selain itu, ini bagi memastikan kajian dapat dijalankan dengan tersusun agar dapat menyumbang kepada kejayaan untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai matlamat kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kualitatif adalah satu kaedah yang hasil analisisnya tidak menggunakan sebarang data numerikal. Kaedah kualitatif merupakan “penyelidikan yang menghasilkan dapatan kajian dengan tidak melalui sebarang prosedur statistik mahupun pelbagai bentuk pengiraan” (Strauss & Corbin, 1997), (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014, ms 9). Menurut Creswell (1998) (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014) reka bentuk kajian berfungsi sebagai keseluruhan proses penyelidikan iaitu merangkumi proses pengkonseptualan masalah sehinggalah proses menulis laporan.

Menurut Creswell (1990) (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014), secara ringkasnya, penyelidikan kualitatif boleh didefinisikan sebagai satu proses inkuiri

untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia berdasarkan gambaran yang menyeluruh dan kompleks melalui pandangan informan serta dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semula jadi. Justeru, kajian ini sesuai menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan objektif kajian yang memerlukan informan memberikan pandangan.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana kaedah tersebut mempunyai kelebihan yang dapat membantu kajian ini berjalan lancar. Antaranya, menurut Strauss dan Corbin (1990) (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014), kaedah kualitatif boleh digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu fenomena yang belum diketahui. Selain itu, menurut Marshall dan Rossman (1998) (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014), kaedah kualitatif juga boleh membantu dalam mengesan penyelesaian secara semula jadi kepada masalah.

Oleh itu, berdasarkan konteks kajian ini, kaedah kualitatif lebih sesuai digunakan. Ini kerana kajian ini dijalankan untuk mengetahui secara lebih mendalam tentang isu kemahiran dan profesionalisme dalam kewartawanan. Menurut Creswell (2007) (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014), kaedah kualitatif juga sesuai digunakan apabila penyelidik ingin memberi kuasa kepada informan untuk berkongsi pendapat mereka. Ini agar pengurangan kuasa kekangan hubungan antara penyelidik dan informan tidak terjadi, dan kerjasama antara penyelidik dengan informan dapat dijalankan secara langsung agar dapat memperoleh maklumat yang lebih mendalam. Tambahan pula, informan merupakan individu yang berkecimpung dalam bidang yang dikaji. Ini berbanding dengan kaedah kuantitatif yang melibatkan skala informan yang besar, apabila informan terdiri daripada pelbagai bidang. Justeru,

kaedah kualitatif digunakan kerana kaedah ini hanya menggunakan skala yang kecil sahaja iaitu menemu bual seramai tujuh orang editor untuk mendapatkan maklumat dari informan yang berpengalaman dalam bidang kewartawanan, ketika proses pengumpulan data.

3.3 Pemilihan Informan

Kajian ini memilih seramai tujuh orang informan untuk ditemu bual. Tujuh orang informan tersebut terdiri daripada editor di tujuh buah organisasi akhbar iaitu Berita Harian, Harian Metro, Utusan Melayu, Sinar Harian, Kosmo, Bernama dan *New Straits Times*. Pemilihan informan tersebut dipilih berdasarkan kajian yang mengkaji tentang bidang kewartawanan. Editor dipilih daripada akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris. Kajian ini menemu bual tujuh orang informan untuk ditemu bual kerana Romney, Welley, dan Batchelder (1986), menyatakan bahawa empat hingga lima orang orang informan sudah mencukupi jika informan yang ditemu bual mempunyai tahap pengetahuan dan kepakaran yang tinggi mengenai topik penyelidikan yang dikaji.

Kriteria informan dalam kajian ini adalah informan terdiri daripada editor yang senior serta berpengalaman selama 9 hingga 28 tahun dalam industri kewartawanan. Selain itu, informan juga mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang wartawan. Dalam kajian ini, adalah jelas bahawa informan merupakan editor yang mempunyai kepakaran dalam bidang kajian ini. Editor akhbar dipilih kerana mereka lebih berpengetahuan tentang industri kewartawanan. Jadual 3.1 menunjukkan maklumat informan yang ditemubual dalam kajian ini.

3.4 Profil Informan

Jadual 3.1

Profil Informan

Profil Informan
Informan 1 – Pengarang Bersekutu (Rencana), Harian Metro Graduan Diploma Sains Komputer di UITM Shah Alam, berpengalaman selama 11 tahun dalam industriewartawanan, sebagai wartawan dan pengarang di Harian Metro.
Informan 2 – Pengarang Berita, Utusan Malaysia Graduan Sarjana Muda Ekonomi, di Universiti Kebangsaan Malaysia, berpengalaman selama 19 tahun dalam industriewartawanan, sebagai pengarang Ekonomi, dan Pengarang Berita di Utusan Malaysia.
Informan 3 – Penolong Pengarang Berita (Tugasan), Kosmo. Graduan Sarjana Muda Komunikasi dan Media Massa (Penyiaran) di Universiti Teknologi Mara, berpengalaman selama 10 tahun dalam industriewartawanan, sebagai wartawan Eksekutif dan Penolong Pengarang Berita (Tugasan) di Kosmo.
Informan 4 – Pengarang Berita (News), New Straits Times. Graduan Sarjana Muda Komunikasi (Kewartawanan) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan <i>Masters in Arts (MA) in International Journalism</i> , di <i>City University</i> , London, berpengalaman selama 21 tahun dalam industriewartawanan sebagai <i>Specialist Writer</i> dan Pengarang Berita di NST.
Informan 5 – Pengarang Berita (dalam Talian), Berita Harian. Graduan Sarjana Muda <i>Political Science (Economics)</i> di Canada, berpengalaman selama 25 tahun dalam industriewartawanan sebagai wartawan dan Pengarang Berita di Berita Harian.
Informan 6 – Timbalan Editor (dalam Talian), Sinar Harian. Graduan Sarjana Muda Komunikasi dan Media Massa (Penyiaran) di Universiti Putra Malaysia, berpengalaman selama 10 tahun dalam industriewartawanan, sebagai ketua wartawan Selangor, dan Timbalan Editor Online di Sinar Harian.
Informan 7 – Pengarang Berita, (Ekonomi) Bernama. Graduan Sarjana Muda Geologi di Universiti Malaya, berpengalaman selama 28 tahun dalam industriewartawanan sebagai Pengarang Tugasan Bernama Tv, Pegawai Berita, dan Pengarang Berita di Bernama.

3.5 Temu Bual Semi Berstruktur

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur yang dijalankan terhadap tujuh orang informan yang mempunyai latar belakang dalam kewartawanan. Penggunaan kaedah temu bual sebagai satu-satunya kaedah dalam kajian ini adalah merupakan pilihan terbaik untuk pengumpulan data berasaskan maklumat yang diperlukan. Menurut Cohen dan Crabtree (2006) (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014) antara ciri-ciri temu bual semi berstruktur adalah penemu bual dan informan menjalankan temu bual secara formal. Ciri kedua pula adalah penemu bual membangunkan dan mengikut segala panduan temu bual termasuklah senarai soalan serta topik yang hendak dibincangkan dalam perbualan. Soalan yang disediakan biasanya mengikut urutan ataupun seksyen tertentu. Ciri seterusnya ialah walaupun temu bual tersebut mengikut segala panduan, namun penemu bual boleh menyentuh soalan lain tetapi masih dalam topik yang sama.

Prosedur temu bual semi berstruktur digunakan untuk semua persoalan kajian. Temu bual semi berstruktur ini memberi peluang dan kelebihan kepada penemu bual untuk bertanya lebih banyak soalan kepada informan walaupun soalan telah disediakan. Namun, soalan susulan boleh diajukan berdasarkan jawapan yang diberikan daripada informan. Menurut Bernard (1988) (yang dipetik dalam Cohen dan Crabtree, 2006), temu bual semi struktur ini akan digunakan apabila terdapat soalan susulan yang diajukan oleh penyelidik setelah informan memberikan jawapan terhadap soalan daripada penemu bual yang diberikan mengikut senarai soalan yang telah disediakan. Temu bual semi berstruktur ini digunakan untuk membantu mencapai objektif kajian penyelidikan. Menurut Schensul, Schensul dan LeCompte (1999, hal. 150) (dipetik dalam Othman Lebar, 2014), kaedah temu bual semi berstruktur merupakan kaedah

yang terbaik untuk memperjelaskan dan meneroka faktor dan subfaktor. Oleh itu, objektif kajian berfungsi sebagai garis panduan ketika temu bual dijalankan.

3.6 Proses Temu Bual

Bahagian ini membincangkan langkah-langkah berkaitan dalam mengumpul data temu bual. Proses temu bual melalui empat tahap iaitu sebelum temu bual, semasa temu bual, dan selepas temu bual.

i. Sebelum Temu Bual:

Langkah yang diambil dalam proses sebelum temu bual semi berstruktur ini adalah mengenal pasti informan yang hendak ditemu bual. Menurut Stewart dan Cash (2003) (yang dipetik dalam M. Puvenesvary *et. al*, 2011), antara kriteria yang dijadikan panduan untuk memilih informan ialah tahap maklumat/kepakaran, ketersediaan untuk ditemu duga, kesediaan untuk mengambil bahagian dalam temu bual, dan kebolehan untuk menyampaikan maklumat dengan bebas dan tepat. Selepas informan dikenal pasti, penyelidik akan mendapatkan kebenaran daripada informan untuk ditemu bual.

Selain itu, pada fasa ini, penyelidik membina protokol temu bual yang mengandungi soalan untuk diajukan kepada informan sebagai sebahagian daripada strategi praktikal sebelum meneruskan temu bual. Protokol temu bual yang dibina mengandungi tajuk, arahan kepada penemubual (kenyataan pembuka kata), soalan utama yang hendak ditanya, soalan kecil yang mengikuti soalan utama, dan ruang untuk menulis mesej serta komen yang disampaikan oleh informan. Protokol temu bual ini boleh dirujuk dalam lampiran B.

Selain itu, penyelidik perlu mendapatkan kelulusan untuk penyelidikan yang merupakan etika dalam penyelidikan. Dalam etika penyelidikan ini, penyelidik mengemukakan satu salinan surat persetujuan/kebenaran temu bual kepada informan (lampiran A) dan protokol temu bual (lampiran B). Jika informan telah bersetuju dengan temu bual tersebut, maka jadual temu bual yang mempunyai maklumat tentang tarikh, masa, tempat temu bual, serta beberapa panduan maklumat mengenai penyelidikan akan diberikan kepada informan. Dalam fasa kedua, penyelidik akan membuat keputusan memulakan temu bual yang merangkumi taklimat dan penjelasan, menemu bual informan, rakaman data, dan menutup temu bual.

ii. Memulakan Temu Bual:

Pada tahap ini, penyelidik menyusun atur tempat duduk untuk menjalankan temu bual. Seterusnya, penyelidik memulakan temu bual dengan memperkenalkan diri, dan memberikan taklimat kepada informan tentang kajian yang dijalankan, walaupun soalan temu bual telah diberikan kepada informan sebelum temu bual dijalankan. Dalam fasa ini, penyelidik juga memohon kebenaran untuk mencatat dan merakam temu bual, agar butiran temu bual tidak tercicir. Penyelidik menggunakan dua jenis alat perakam iaitu perakam MP3, dan telefon bimbit, sebagai langkah keselamatan jika salah satu alat perakam bermasalah ataupun tidak berfungsi ketika temu bual berlangsung. Namun, tiada masalah yang berlaku sepanjang temu bual dijalankan. Penyelidik juga menjelaskan kepada informan bahawa pandangan dan pendapat informan adalah penting untuk kajian yang dijalankan.

Ketika temu bual dijalankan, penyelidik mengajukan soalan demografi terlebih dahulu kepada informan. Ini untuk mengetahui latar belakang informan. Seterusnya,

soalan yang telah disediakan sebelum temu bual dijalankan diberikan kepada informan. Temu bual terhadap informan pertama hingga informan ketujuh dijalankan di pejabat akhbar masing-masing, dan kebanyakan temu bual mengambil masa selama 1 jam hingga 1 jam 30 minit. Semua temu bual dijalankan sebanyak sekali sahaja untuk setiap informan, dan temu bual juga direkodkan untuk proses analisis data dalam langkah yang seterusnya. Menurut M. Puvenesvary *et al.* (2011), temu bual dijalankan dengan masa tidak melebihi dua jam. Walau bagaimanapun, di samping merekod perbualan sesi temu bual, penyelidik juga mencatat segala isi penting dalam temu bual bagi memudahkan proses transkripsi data rakaman.

iii. Menutup Temu Bual:

Penyelidik menutup temu bual dengan memberikan soalan kritikal kepada informan bagi membantu penyelidik untuk mendapatkan perspektif keseluruhan temu bual penyelidik. Contohnya, cadangan informan untuk memperbaiki kajian penyelidik. Seterusnya, penyelidik memberi peluang kepada informan jika terdapat maklumat tambahan ataupun komen yang ingin diberikan, dan mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh informan. Di samping itu, sesi bergambar dan penyerahan cenderamata sebagai tanda penghargaan kepada informan turut menjadi satu rutin dalam setiap temu bual kajian ini.

iv. Selepas Temu Bual:

Setelah selesai sesi menemu bual, pengkaji mendengar rakaman temu bual untuk memastikan kesahan segala maklumat yang dicatatkan. Langkah seterusnya adalah proses transkripsi dan analisis data yang dilakukan dengan menggunakan analisis tematik.

3.7 Perincian Temu Bual Setiap Informan

Penjelasan topik ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kepada pembaca mengenai perincian temu bual terhadap setiap informan, dari segi siapa informan yang terlibat, kepakaran bidang informan, jangka masa perkhidmatan informan dalam bidang kajian, tarikh, masa, dan hari temu bual dijalankan, lokasi temu bual, dan berapa kali temu bual dijalankan.

Temu bual informan satu dijalankan terhadap Pengarang Bersekutu (Rencana) Harian Metro. Beliau telah berpengalaman dalam bidang kewartawanan selama 11 tahun, dan pelbagai bidang kewartawanan telah diceburi, antaranya adalah beliau pernah ditugaskan di bahagian Rencana, Ekonomi, Teknologi Maklumat, Wanita, dan hiburan. Beliau juga telah memegang beberapa jawatan, iaitu sebagai wartawan, pengarang, dan artis grafik, dan kini beliau memegang jawatan sebagai Pengarang Bersekutu Harian Metro. Temu bual terhadap informan ini dijalankan pada tarikh 21/01/2016, iaitu pada hari khamis, pada jam 10 pagi hingga 11.20 pagi, selama 1 jam 20 minit. Temu bual tersebut dijalankan di pejabat Harian Metro yang terletak di Balai Berita Bangsar Kuala Lumpur, dan dijalankan sekali sahaja kerana maklumat yang diperoleh sudah cukup untuk menjawab soalan yang diberikan. Temu bual dijalankan dengan memperkenalkan diri penyelidik, menerangkan kepada informan tentang fokus kajian dan tujuan kajian ini dijalankan supaya informan lebih berminat melibatkan diri sebagai informan kajian ini. Protokol dan borang kebenaran dan persetujuan temu bual kajian juga diberikan kepada informan sebelum temu bual dimulakan, hal ini kerana, penyerahan protokol temu bual, dan borang kebenaran dan persetujuan temu bual adalah antara etika penyelidikan dalam temu bual. Kemudian, penyelidik akan bertanya soalan yang telah diberikan dalam protokol temu bual,

namun begitu, terdapat juga soalan susulan yang diberikan. Informan dapat menjawab soalan-soalan yang diberikan dengan jelas. Akhir sekali penyelidik menutup temu bual dengan memberi peluang kepada informan untuk memberikan maklumat tambahan yang berkaitan dengan fokus kajian ini. Seterusnya, sebagai tanda penghargaan, penyelidik memberikan cenderamata kepada informan, dan sesi bergambar turut diadakan sebagai bukti penyelidik telah menemu bual informan yang pertama.

Seterusnya, temu bual dengan informan kedua dijalankan pada 11/03/2016, hal ini kerana terdapat kesukaran dalam mendapatkan informan, namun, masalah tersebut dapat diatasi dengan mendapatkan informan melalui rakan penyelidik yang bekerja sebagai wartawan. Informan kedua ini merupakan seorang Pengarang Berita di Utusan Malaysia. Beliau telah berpengalaman selama 19 tahun dalam bidang kewartawanan. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarang Berita (Ekonomi). Temu bual terhadap informan ini dijalankan pada hari jumaat, pada jam 4 petang pagi hingga jam 5 petang, selama 1 jam. Temu bual tersebut dijalankan di pejabat Utusan Malaysia yang terletak di jalan Chan Sow Lin Kuala Lumpur, dan dijalankan sekali sahaja kerana maklumat yang diperoleh sudah cukup untuk menjawab soalan yang diberikan. Proses temu bual yang dijalankan terhadap informan kedua ini adalah sama seperti informan 1, cuma berbeza dari segi tarikh, masa, hari, lokasi, dan kepakaran informan, iaitu informan kedua berpengalaman dalam bidang berita jenis ekonomi, manakala informan pertama pakar dalam bidang berita jenis rencana dan ekonomi. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan sumber data dalam kajian ini.

Temu bual dengan informan ketiga pula dijalankan pada 15/03/2016. Informan ketiga ini merupakan seorang Pengarang Berita di Utusan Malaysia. Beliau telah berpengalaman selama 10 tahun dalam bidang kewartawanan. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Penolong Pengarang Berita (Tugasan). Temu bual terhadap informan ini dijalankan pada hari Selasa, pada jam 8 malam hingga jam 09.20 minit malam, selama 1 jam 20 minit. Temu bual tersebut dijalankan pada waktu malam kerana, informan tidak mempunyai kelapangan masa selain malam. Temu bual ini dijalankan di pejabat Kosmo yang terletak di Jalan Chan Sow Lin Kuala Lumpur, dan dijalankan sekali sahaja kerana maklumat yang diperolehi sudah cukup untuk menjawab soalan yang diberikan. Proses temu bual yang dijalankan terhadap informan ketiga ini adalah sama seperti informan satu dan dua, cuma berbeza dari segi tarikh, masa, hari, lokasi, dan kepakaran informan, iaitu informan ketiga berpengalaman dalam bidang wartawan eksekutif, dan informan ini juga adalah Penolong Pengarang Berita yang bertanggungjawab memberi tugas kepada wartawan, serta menyelia pelajar praktikal. Jadi informan ini mempunyai banyak pengalaman, terutamanya tentang kualiti pelajar kewartawanan sebagai wartawan pelatih.

Temu bual informan yang keempat pula dijalankan terhadap Pengarang Berita di New Straits Times. Beliau telah berpengalaman dalam bidang kewartawanan selama 21 tahun, dan pelbagai bidang kewartawanan telah diceburi, antaranya adalah beliau pernah ditugaskan di bahagian sebagai wartawan di bahagian berita Umum. Temu bual ini dijalankan di pejabat New Straits Times, yang terletak di Balai Berita Bangsar Kuala Lumpur. Temu bual terhadap informan ini dijalankan pada tarikh 22/03/2016, iaitu pada hari Selasa, pada jam 10 pagi hingga 10.45 minit pagi, selama

45 minit. Temu bual tersebut dijalankan sekali sahaja kerana maklumat yang diperoleh sudah cukup untuk menjawab soalan yang diberikan. Proses temu bual yang dijalankan terhadap informan keempat ini adalah sama seperti informan satu dua dan tiga, cuma berbeza dari segi tarikh, masa, hari, lokasi, dan kepakaran informan, iaitu informan keempat ini, berpengalaman dalam akhbar berbahasa Inggeris, berbanding informan pertama, kedua, dan ketiga yang berpengalaman dalam akhbar berbahasa Melayu. Selain itu, informan ini juga berpengalaman dalam penulisan berita umum berbanding informan pertama, dan kedua yang berpengalaman dalam bidang berita Rencana dan Ekonomi. Jadi, terdapat perbezaan dalam penggunaan sumber data.

Seterusnya, temu bual dengan informan kelima dijalankan pada 24/03/2016. Informan kelima ini merupakan seorang Pengarang Berita (dalam Talian) di Berita Harian. Beliau telah berpengalaman selama 25 tahun dalam bidangewartawanan. Beliau juga pernah ditugaskan sebagai wartawan. Temu bual terhadap informan ini dijalankan pada hari khamis, pada jam 10 pagi hingga jam 12 tengah hari, selama 2 jam. Temu bual tersebut dijalankan di pejabat Berita Harian yang terletak di Balai Berita Bangsar, Kuala Lumpur, dan dijalankan sekali sahaja kerana maklumat yang diperoleh sudah cukup untuk menjawab soalan yang diberikan. Proses temu bual yang dijalankan terhadap informan kelima ini adalah sama seperti informan pertama hingga informan keempat, cuma berbeza dari segi tarikh, masa, hari, lokasi, dan kepakaran informan, iaitu informan kelima ini berpengalaman dan pakar dalam berita jenis Politik, dan berita dalam talian.

Temu bual informan yang keenam dijalankan terhadap Pengarang Berita (dalam Talian) Sinar Harian. Beliau telah berpengalaman dalam bidangewartawanan selama 10 tahun. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Ketua Wartawan Selangor. Temu bual terhadap informan ini dijalankan pada tarikh 31/03/2016, iaitu pada hari khamis, pada jam 4 petang hingga 05.30 minit petang, selama 1 jam 30 minit. Temu bual tersebut dijalankan di pejabat Sinar Harian yang terletak di Jalan Sepana Seksyen 15 Shah Alam, Selangor, dan dijalankan sekali sahaja kerana maklumat yang diperoleh sudah cukup untuk menjawab soalan yang diberikan. Proses temu bual yang dijalankan terhadap informan keenam ini adalah sama seperti informan pertama hingga informan kelima.

Akhir sekali, temu bual dengan informan terakhir, iaitu informan yang ketujuh dijalankan pada 21/04/2016. Informan ketujuh ini merupakan seorang Pengarang Berita (Ekonomi) di Bernama. Beliau telah berpengalaman selama 28 tahun dalam bidangewartawanan. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarang Televisyen (Tugasan), dan Pegawai Berita di Bernama. Temu bual terhadap informan ini dijalankan pada hari khamis, pada jam 10 pagi hingga jam 10.40 minit pagi, selama 40 minit. Temu bual tersebut dijalankan di pejabat Bernama yang terletak di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, dan dijalankan sekali sahaja kerana maklumat yang diperoleh sudah cukup untuk menjawab soalan yang diberikan. Proses temu bual yang dijalankan terhadap informan ketujuh ini adalah sama seperti informan pertama hingga informan keenam, cuma berbeza dari segi tarikh, masa, hari, lokasi, dan kepakaran informan, iaitu informan ketujuh ini berpengalaman dan pakar dalam berita televisyen. Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa, informan yang ditemubual adalah terdiri daripada editor, namun bukan tergolong

dalam jenis editor yang sama, dan juga berbeza dari segi kepakaran masing-masing. Ini menunjukkan bahawa, kajian ini menggunakan sumber data yang berbeza.

3.8 Proses Transkripsi

Proses transkripsi ini dilakukan dengan mendengar rakaman temu bual, dan menulis rakaman tersebut untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Setiap satu rakaman informan mengambil masa sehari untuk ditranskripsikan termasuklah mendengar rakaman, menulis, dan menyemak semula. Hasil transkripsi ditulis dalam bentuk jadual yang merangkumi durasi, transkripsi, koding 1, koding 2, dan rumusan. Contoh transkripsi boleh dilihat dalam lampiran C.

3.9 Analisis Tematik

Analisis tematik merupakan kaedah analisis data yang akan digunakan untuk kajian ini. Analisis tematik merupakan langkah untuk menganalisis data untuk mendapatkan tema bagi dapatan kajian. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik merupakan satu kaedah bagi mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan tema dalam data. Menurutnya juga, analisis tematik fleksibel untuk memilih rangka kerja teori yang hendak digunakan. Penyelidikan ini menggunakan analisis tematik kerana cara ini mudah untuk digunakan terutamanya untuk penyelidik yang baharu sahaja terlibat dalam analisis kualitatif. Menurut Braun dan Clarke (2006), kebanyakan kaedah analisis yang lain hanya boleh menggunakan teori tertentu sahaja, namun analisis tematik boleh menggunakan pelbagai teori yang dipilih.

Dalam penyelidikan ini, kaedah analisis tematik digunakan untuk menganalisis segala data yang dikumpul daripada temu bual. Penyelidikan ini menggunakan

analisis tematik daripada sarjana Tesch (1990) (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014). Kaedah analisis tematik yang digunakan dalam kajian ini mempunyai empat fasa. Fasa pertama adalah proses transkripsi. Proses transkripsi ini dijalankan dalam kebanyakan kajian kualitatif yang melibatkan kerja-kerja transkripsi terhadap data-data temu bual, dan rakaman video. Dalam kajian ini, proses transkripsi dilakukan terhadap rakaman temu bual dan data-data temu bual setelah temu bual semi berstruktur dengan informan selesai dilakukan. Dalam proses transkripsi tersebut, gambaran secara jelas tentang keseluruhan perlu dikenal pasti, terutamanya tentang petunjuk bukan lisan. Transkrip tersebut dibaca dengan teliti, seterusnya segala idea ditulis dari semasa ke semasa untuk memudahkan proses analisis dalam fasa kedua.

Setelah proses transkripsi berjaya dilakukan, proses pembacaan semula segala data pula dilakukan dalam fasa kedua analisis tematik. Melalui fasa kedua ini, penyelidik memilih satu transkrip yang didapati paling menarik, yang paling ringkas, atau yang teratas sekali. Transkrip tersebut dibaca dan penyelidik mendapatkan makna di sebalik apa yang diperkatakan oleh informan. Analisis ini dilakukan dengan merujuk kepada Teori Akauntabiliti Media, Model Kurikulum Kewartawanan 2007, dan Model Holistik Pendidikan Kewartawanan 2015, yang digunakan dalam tesis ini sebagai panduan kesesuaian penggunaan tema tersebut. Tema yang diperoleh melalui analisis tematik ini juga berpanduan kepada konsep kewartawanan solo yang merangkumi aspek kemahiran dan profesionalisme, seperti yang dijelaskan dalam kerangka konsep. Seterusnya, proses yang sama akan dilakukan terhadap transkrip yang lain.

Seterusnya dalam fasa ketiga pula melibatkan proses menyediakan senarai semua tema dilakukan. Kemudian, penyelidik mengumpulkan tema tersebut dalam kelompok yang sama. Setelah beberapa tema telah dikenal pasti, lajur akan dibentuk untuk meletakkan tema yang utama dan unik. Antara tema yang dikenal pasti adalah kemahiran menulis, kemahiran multimedia, kemahiran berkomunikasi, kemahiran dwibahasa, autonomi, komitmen, dan ketelusan.

Seterusnya, proses pengkodan dilakukan dalam fasa keempat. Menurut Braun dan Clarke (2006), proses pengkodan merupakan salah satu proses analisis agar data lebih bermakna. Bagi melaksanakan pengkodan dalam analisis tematik, penyelidik menggunakan cadangan yang diberikan oleh Othman Talib (2013), di mana dalam pengkodan ada tiga proses iaitu, pengkodan terbuka, pengkodan aksial, dan pengkodan terpilih. Definisi pengkodan secara umum adalah langkah mengenal pasti kategori dan tema yang diambil berdasarkan transkrip. Dalam konteks kajian ini, transkrip tersebut dipecahkan dalam lajur jadual yang mudah dibaca, yang dipecahkan mengikut durasi, transkrip, koding 1, koding 2, dan rumusan, seperti yang disediakan dalam Lampiran C.

Proses pengkodan yang pertama dalam kajian ini adalah pengkodan terbuka, yang merupakan proses menganalisis data untuk mengenal pasti hujahan transkrip yang membawa kepada penemuan kod tertentu. Proses ini dilakukan dengan membaca transkrip berulang kali untuk pengkodan perkataan yang memberi makna kemahiran, dan profesionalisme, dan seterusnya dikumpulkan menjadi subtema. Proses ini memerlukan pembacaan berulang kali agar tiada lagi kod yang tertinggal untuk dikategorikan. Dalam kajian ini, terdapat tiga persoalan kajian yang perlu

dijawab, iaitu tentang kemahiran asas, kepelbagaian kemahiran, dan profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo. Melalui proses pengekodan terbuka, hujahan transkrip menunjukkan terdapat kemahiran yang boleh dikodkan sebagai subtema, antaranya adalah penguasaan penulisan, penguasaan cara penulisan berita yang general, penguasaan *house style*, penguasaan piramid terbalik, penguasaan 5W 1H, penguasaan penulisan akhbar, penguasaan penulisan bahasa Melayu, mengambil gambar dan video, mengedit gambar dan video, menulis kapsyen gambar, kendalikan teknologi, komputer, pandai bercakap, pandai bertanya soalan, pandai menemubual pihak bomba polis, dan ahli korporat, penguasaan bahasa Melayu, penguasaan bahasa Inggeris, kebebasan menulis, pemahaman tentang batasan agama dan politik, memberi tumpuan, rajin belajar, rajin bertanya, tidak sambil lewa, melaporkan yang benar, dan tidak pentingkan diri. Seterusnya proses kedua adalah pengekodan aksial.

Menurut Othman Talib (2013), pengekodan aksial adalah langkah untuk mengenal pasti hubungan antara kod (subtema) yang telah dikenal pasti semasa pengekodan terbuka. Proses ini penting bagi menghasilkan rangkaian makna untuk memahami fenomena yang berlaku. Subtema yang terhasil dalam pengekodan terbuka yang membawa makna yang sama boleh dikategorikan sebagai tema kemahiran menulis, kemahiran multimedia, kemahiran berkomunikasi, kemahiran dwibahasa, autonomi, komitmen, dan kejujuran. Seterusnya, proses pengekodan yang ketiga adalah pengekodan terpilih.

Menurut Othman Talib (2013), pengekodan terpilih adalah proses mengenal pasti tema utama yang saling berkaitan agar dapat memberi makna yang lengkap kepada persoalan kajian. Melalui tema yang terhasil dalam proses pengekodan aksial di atas,

tema kemahiran menulis terpilih sebagai tema yang menjawab persoalan kajian yang pertama yang termasuk dalam kategori kemahiran asas yang diperlukan sebagai wartawan solo. Manakala tema kemahiran multimedia, kemahiran berkomunikasi, dan kemahiran dwibahasa terpilih sebagai tema yang menjawab persoalan kajian yang kedua yang termasuk dalam kategori kepelbagaian kemahiran lain yang diperlukan sebagai wartawan solo. Seterusnya, tema autonomi, komitmen, dan kejujuran pula terpilih sebagai tema yang menjawab persoalan kajian yang ketiga, yang termasuk dalam kategori kriteria profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo. Contoh aplikasi Pengekoden Terbuka, Pengekoden Aksial, dan Pengekoden Terpilih dalam kajian ini, boleh dirujuk dalam lampiran D.

Subtema, dan tema yang diperoleh dalam proses pengekodan ini, diperoleh melalui frasa-frasa yang terdapat dalam hujahan transkrip setiap informan, dan juga berdasarkan rujukan melalui teori serta kajian lepas. Teori dan kajian lepas juga menjelaskan perkaitan antara kemahiran dan profesionalisme. Subtema dan tema yang terhasil, dianalisis ke tahap tepu, iaitu analisis yang dilakukan pada transkrip tidak berubah dan menjurus kepada memperkukuh kemahiran yang diperlukan. Menurut Lincoln dan Guba (1985) (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014), fasa analisis boleh diberhentikan, dan memulakan analisis data yang seterusnya, jika penyelidik mendapat tema sudah berada pada tahap ketepuan tema, iaitu tidak ada lagi tema baharu yang boleh dibentuk.

3.10 Sumber Data

Segala data dan maklumat yang diperoleh untuk kajian ini, bukan sahaja daripada temu bual yang dijalankan. Malahan, data-data dalam kajian ini turut diperoleh

daripada akhbar atas talian, antaranya akhbar Berita Harian, Harian Metro, dan Utusan Melayu. Selain daripada akhbar, dan kajian-kajian penyelidikan, buku-buku yang berkaitan tentang pendidikan kewartawanan juga digunakan sebagai sumber data yang lain bagi mendapatkan maklumat untuk penyelidikan ini. Segala maklumat dalam temu bual pula diperoleh daripada tujuh orang informan.

3.11 Kesahan

Kesahan adalah ketepatan, kebenaran, bermakna dan kebolegunaan instrumen yang membolehkan data-data diinferenkan (Fraenkel Jack. R & Norman. E. Wallen, 1996, hal. 153) (yang dipetik dalam Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Menurut Maxwell (1996) (yang dipetik dalam Othman Lebar, 2014), kesahan adalah berkaitan dengan soal ketepatan atau kredibiliti sesuatu deskripsi, kesimpulan, dan penerangan interpretasi atau lain-lain pernyataan atau laporan. Secara ringkasnya, kesahan dalam kajian kualitatif dikaitkan sama ada dapatan kajian benar dan pasti dengan sokongan bukti atau tiada keraguan.

Kesahan yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini melibatkan beberapa langkah seperti yang dicadangkan oleh Bogdan dan Biklen (2003). Langkah yang dilakukan ialah penyelidik menggunakan kajian rintis iaitu dengan mendapatkan pengesahan protokol soalan temu bual separa struktur kajian ini daripada pakar iaitu penyelia dan juga rakan penyelidik. Hal ini kerana pengesahan penyelia dan rakan penyelidik juga adalah salah satu bentuk daripada kebolehpercayaan data.

Menurut Bogdan dan Biklen (2003), bahawa salah satu daripada kesahan data kualitatif adalah melalui pengesahan penyelia dan rakan penyelidik terhadap

keteraturan kajian yang dilakukan. Penyelia dan rakan penyelidik yang dirujuk mempunyai kepakaran dalam bidang kewartawanan, di mana penyelia merupakan pensyarah bidang kewartawanan, dan rakan penyelidik merupakan seorang wartawan yang telah berkhidmat selama lima tahun. Dalam proses kajian rintis ini, penyelidik menyerahkan protokol temu bual kepada penyelia dan rakan penyelidik untuk disemak bagi melihat keselarasan objektif kajian dan soalan kajian. Setelah protokol disahkan oleh penyelia dan rakan penyelidik, penyelidik menemui bual seorang informan. Hasil daripada temu bual tersebut didapati bahawa terdapat keselarasan antara jawapan dengan soalan dan objektif kajian yang dibina dan protokol temu bual tersebut mendapat persetujuan penyelia dan rakan penyelidik. Namun begitu, terdapat sedikit penambahbaikan, iaitu penyelia mencadangkan untuk menambah bilangan informan kepada tujuh informan berbanding lima informan yang dicadangkan pada peringkat awal sebelum kajian rintis dijalankan. Penambahan bilangan informan adalah bertujuan untuk mempelbagaikan jenis informan, dan juga membantu dalam ketekalan data. Oleh itu, penyelia mencadangkan agar meneruskan proses temu bual dengan informan yang seterusnya. Bagi memastikan keputusan kajian ini adalah tekal, penyelidik turut menggunakan kaedah triangulasi data yang melibatkan pelbagai sumber data yang berbeza, untuk mengesahkan dapatan, sebagai salah satu teknik kebolehpercayaan.

3.12 Kebolehpercayaan

Konsep kebolehpercayaan berkaitan dengan soal kebolehsandaran dan ketekalan keputusan atau hasil daripada data yang dikumpulkan (Othman Lebar, 2014). Penyelidik menggunakan teknik triangulasi data sebagai salah satu prosedur

kebolehpercayaan. Menurut Othman Lebar (2014), kaedah triangulasi data melibatkan penggunaan pelbagai sumber maklumat yang berbeza sebagai sokongan.

Dalam konteks kajian ini, triangulasi data pelbagai sumber maklumat yang berbeza digunakan untuk kebolehpercayaan tema dalam kajian. Teknik yang digunakan dalam triangulasi ini adalah dengan membentuk bukti yang konsisten daripada maklumat yang dikumpul melalui pelbagai sumber data yang berbeza. Dalam konteks kajian ini, terdapat pelbagai sumber data yang terdiri daripada Pengarang Bersekutu, Pengarang Berita, Penolong Pengarang Berita, dan Timbalan Editor dalam Talian. Kepelbagaian jawatan informan jelas menunjukkan kajian ini mempunyai sumber data yang berbeza. Hasil analisis data menunjukkan bahawa walaupun informan yang ditemubual berbeza jawatannya serta kedudukannya, namun jawapan yang diberikan oleh informan terhadap soalan temu bual, menunjukkan jawapan yang konsisten. Menurut Denzin (1978) dan Patton (1999), triangulasi sumber data adalah menguji ketekalan data daripada sumber data yang konsisten melalui kaedah yang sama dan dijalankan supaya dapatan kajian lebih meyakinkan.

Jadi, kaedah triangulasi sumber data yang digunakan dalam kajian ini boleh meningkatkan kebolehpercayaan penyelidikan, dan mengukuhkan kesahan data dalam kajian ini. Menurut Othman Lebar (2014), kaedah triangulasi data melibatkan pelbagai penggunaan sumber data, iaitu sumber primer yang dihasilkan oleh penyelidik melalui kajiannya yang asli. Kajian ini menggunakan informan melalui temu bual sebagai sumber data primer. Menurut Priyanka Tripathy dan Pradip

Kumar Tripathy (2017) data primer adalah data yang diperoleh melalui temu bual daripada informan.

3.13 Rumusan Bab

Oleh itu, jelaslah bahawa, tujuan metodologi kajian ini dihasilkan adalah untuk memberikan pelan kerja penyelidikan. Metodologi kajian merupakan prosedur pelbagai yang digunakan untuk pelbagai jenis penyelidikan dan segala kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian penyelidikannya, disebut sebagai metodologi kajian.

Metodologi kajian membantu untuk mengumpul sampel, data, serta mencari penyelesaian masalah dalam sesuatu penyelidikan. Justeru kajian ini, menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur sebagai teknik kutipan data, terhadap editor di tujuh organisasi akhbar iaitu Berita Harian, Harian Metro, Utusan Malaysia, Kosmo, Sinar Harian, New Straits Times, dan Bernama. Bagi membuktikan kajian ini tekal dan tepat, penyelidik menggunakan teknik kajian rintis dan triangulasi terhadap pelbagai sumber data bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data. Metodologi kajian yang digunakan merupakan inisiatif yang sistematik untuk menyelesaikan masalah. Hal ini kerana metodologi kajian menggambarkan, dan menjelaskan tentang kaedah penyelidikan dalam kajian ini. Bab seterusnya pula akan membincangkan pelaporan hasil analisis data.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan transkripsi dan analisis data temu bual semi berstruktur yang dilakukan. Pada bahagian pertama membincangkan tentang kemahiran kewartawanan solo yang diperlukan berdasarkan jawapan informan. Selain itu, profesionalisme yang diperlukan untuk mengukuhkan industri kewartawanan di Malaysia juga turut dibincangkan. Terdapat seramai tujuh orang editor yang dipilih sebagai informan dapatan kajian ini.

4.2 Hasil Analisis Data Temu Bual Semi Struktur.

Hasil analisis data dalam bab ini menjawab persoalan kajian berdasarkan temu bual yang dijalankan terhadap tujuh orang editor di industri akhbar yang berlainan, bagi mendapatkan jawapan dari sudut pandangan yang berbeza. Hasil kajian ini mendapati terdapat beberapa kemahiran yang diperlukan untuk menjadi wartawan solo. Ini bersesuaian dengan trend industri masa kini yang mengikut rentak perubahan teknologi. Hasil analisis temu bual semi berstruktur yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan mengikut persoalan dan tema yang diperoleh.

4.3 Kemahiran Asas Wartawan Solo

4.3.1 Kemahiran Menulis

Analisis kajian ini mencapai objektif kajian yang pertama iaitu mengenai kemahiran asas yang diperlukan sebagai wartawan solo. Hal ini demikian kerana, kesemua informan mengatakan bahawa kemahiran menulis adalah kemahiran asas yang

diperlukan oleh graduan untuk menjadi wartawan solo. Selain itu, kebanyakan informan juga mengatakan bahawa graduan universiti dilihat kurang berkualiti dalam kemahiran menulis. Untuk menjadi wartawan solo, graduan perlu mempelajari beberapa perkara asas penulisan bidang kewartawanan di universiti tentang cara untuk menulis surat khabar, cara penulisan berita, mengetahui konsep 5W 1H, dan penggunaan bahasa Melayu yang betul.

“Kemahiran menulis adalah kemahiran asas yang perlu ada”

(Informan 1)

“Kemahiran menulis, sesiapa pon boleh menulis, tetapi kita perlu mahir menulis, perlu tahu cara penulisan berita yang asas , cara penulisan berita, belajar piramid terbalik, 5W 1H, Kemudian bila kamu masuk Utusan, kamu kena belajar house style pula. Jadi maksudnya yang asas itu kena mahir dulu masa kamu belajar di universiti” **(Informan 2)**

“Selain itu kemahiran menulis” **(Informan 3)**

“Kemahiran asas yang diperlukan itu dia boleh menulis untuk surat khabar, menyumbang, semasa saya mula belajar dahulu saya menyumbang untuk NST, jadi penyumbang” **(Informan 4)**

“Dari segi penulisan, untuk penulisan kita guna bahasa Melayu yang betul, tetapi kebanyakannya terbawa bawa bahasa pasar, wartawan yang dah lama juga kadang-kadang tidak betul bahasa dia, inikan pula graduan baru” **(Informan 5)**

“Selain itu, kemahiran menulis, kemahiran menulis ini kalau wartawan baru, asalkan dia tahu Bahasa Melayu” (Informan 6)

“Kamu perlu pantas, dan perlu ada aliran, bila menulis itu kalau boleh ada lenggoknya. Tahu cara hendak menulis berita, laporan, dan rencana. Kemahiran menulis perlu tahu kalau kamu hendak jadi wartawan solo” (Informan 7)

Oleh itu, jelaslah bahawa hasil analisis ini menjawab persoalan kajian yang pertama, berdasarkan bukti daripada ketujuh-tujuh orang informan mengatakan untuk menjadi wartawan solo, kemahiran menulis adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai. Namun, dari segi kualiti penulisan, dilihat masih belum memuaskan. Informan 5 mengatakan bahawa asas penulisan sepatutnya bermula dengan praktis di peringkat sekolah dan di universiti. Blom dan Davenport (2012), mengatakan bahawa kemahiran menulis dan kemahiran membuat laporan adalah kemahiran asas yang perlu ada dalam pendidikan kewartawanan.


4.4 Kemahiran lain Wartawan Solo

4.4.1 Kemahiran Multimedia

Analisis kajian ini mencapai objektif kajian yang kedua, hal ini demikian kerana, selain daripada kemahiran menulis sebagai kemahiran asas, kesemua informan mengatakan bahawa kemahiran multimedia juga diperlukan untuk menjadi wartawan solo. Terdapat pelbagai jenis kemahiran multimedia yang diberikan oleh informan. Antaranya, informan 1, 2, 4 mengatakan bahawa kemahiran mengambil gambar, kemahiran mengambil video, kemahiran mengedit, kemahiran menulis dan menulis kapsyen gambar adalah di antara kemahiran multimedia yang diperlukan. Manakala,

informan 3, 5, 6, dan 7 mengatakan bahawa komputer dan telefon bimbit adalah merupakan aspek multimedia diperlukan sebagai bahan untuk menulis *story*.

Berdasarkan jawapan informan, dapat dilihat bahawa kemahiran multimedia diperlukan disebabkan faktor zaman era digital kini yang menyebabkan surat khabar fizikal semakin pupus. Ini kerana terlalu banyak saluran lain, seperti media sosial yang membolehkan masyarakat mendapatkan berita melalui saluran ini. Oleh itu, kemahiran dalam penggunaan multimedia dan digital amat penting dalam persaingan dengan media sosial yang lain. Menurut Ying Roselyn Du (2014), teknologi berita mudah alih perlu diajar sebagai persediaan untuk generasi wartawan akan datang.



“Kini era digital, zaman surat khabar fizikal ini akan mengalami kepupusan, akan mati, disebabkan itu terlalu banyak saluran-saluran lain selain daripada akhbar, selain kemahiran menulis, reporter perlu ada kemahiran mengambil gambar, kemahiran mengambil video, dan kalau nak bagus lagi, kalau reporter boleh edit sendiri lagi bagus, dan buat caption gambar”

(Informan 1)

“Kalau zaman sekarang ini, kita bukan lapor untuk media akhbar sahaja, contoh Utusan la, kita lapor untuk website, sms alert. Twitter, facebook, jadi kalau kamu tiada kemahiran multimedia, contoh, kalau kamu kena pergi satu majlis, biasa temu bual dengan photographer, tetapi kadang-kadang photographer tidak datang, kamu kena ambil gambar pakai handphone, kamu kena edit, lepas itu kamu kena hantar, lepas

ini kita hendak wartawan ambil video, edit dan hantar, untuk website kita” (Informan 2)

“Dia kena ada kemahiran semua itu lah, kendalikan teknologi, bukan senang. Banyak ilmu teknologi yang dia kena belajar lah. Bukan senang nak dapat individu yang boleh menguasai semua benda tu, tak ramai yang boleh. asas gambar itu boleh la, tapi gambar yang berkualiti untuk penerbitan itu tidak ramai.” (Informan 2)

“Sesetengah seksyen dalam kewartawanan, di features, life and style, reporter-reporter di sana perlu upload video, jadi kemahiran multimedia diperlukan, kemahiran ambil gambar”

(Informan 4)

“Kita di Kosmo kita baru set up meja online, tidak sampai lima tahun lagi. Orang-orang di online ini, mereka terpaksa juga belajar buat sedikit grafik punya design. Kemahiran digital ini penting pada masa akan datang” (Informan 3)

“Jadi wartawan...yang utama handphone. Jadi yang sebenarnya, wartawan yang awal-awal adalah orang ramai, jadi sekarang, wartawan semua kena cepat. jadi kena pandai guna note, jangan terkejut, ada yang tidak pandai guna notes, jadi macam mana nak buat story, hendak paste, edit, kemudian mula lah guna ejaan tidak betul” (Informan 5)

“Kemahiran komputer, selain komputer... zaman sekarang universiti ketinggalan, apa yang level dalam industri ini universiti susah hendak capai, terutama kerja bidang media ini, memang kena ikut trend, kalau tidak ikut trend memang susah”
(Informan 6)

“Penggunaan teknologi, itu penting, sebab sekarang ini akhbar sudah jatuh. Jadi, orang ramai baca online, jadi berita masuk cepat. Jadi, kamu mesti ada semua kemahiran itu, untuk cepat, kena ada grafik dan sebagainya” **(Informan 7)**

Secara keseluruhannya, dalam era teknologi digital kini, telah banyak mendesak para wartawan untuk mengubah cara penulisan mereka. Buktinya apabila informan menyatakan wartawan bukan sahaja perlu menulis untuk akhbar, malah wartawan juga perlu pantas untuk menulis dalam laman sosial. Pengkaji menyarankan bahawa wartawan solo perlu kreatif dalam penulisan bagi menarik perhatian pembaca akhbar, selain membaca di laman sosial dan juga portal berita. Menurut laporan daripada *The United States Department of Labor's Bureau of Labor Statistics* (2011) (yang dipetik dalam Broaddus, 2012), pelajar-pelajar kewartawanan yang mahu berdaya saing dalam pasaran kerja sekarang, perlu mempunyai kemahiran menulis yang amat baik, mempunyai kemahiran grafik komputer dan kemahiran desktop-penerbitan, kemahiran sistem pengurusan kandungan, serta kemahiran dalam semua bentuk multimedia. Hasil analisis ini menjawab persoalan kajian yang kedua.

4.4.2 Kemahiran Berkomunikasi

Selain daripada kemahiran multimedia, lima orang informan mengatakan bahawa kemahiran berkomunikasi merupakan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi wartawan solo. Kemahiran berkomunikasi penting untuk membina hubungan dengan sumber bagi mendapatkan bahan berita dan juga memupuk keyakinan dalam diri untuk bertanyakan soalan. Ini menjawab persoalan kajian yang kedua.

“Kemahiran berkomunikasi dengan pihak yang berkaitan.

Contoh bomba, dan polis” (Informan 1)

“Kemahiran dalam komunikasi, sebab daripada situ boleh tahu macam mana hendak temu bual CEO syarikat ataupun ahli politik, daripada situ kita kena tahu cara-cara hendak mendapatkan seseorang menjawab soalan kita” (Informan 4)

“sudah tentulah perlu pandai bercakap, contoh untuk hubungi sumber, tapi kamu tiada nombor” (Informan 5)

“Dia kena pandai tanya soalan, sebab nak tanya soalan tu kena yakin la, kebanyakannya reporter baru, macam kita kirim soalan, kebanyakannya takut nak tanya, tanya pon dalam nada yang takut, jadi tidak boleh macam itu, kena yakin. Cara hendak yakin ini senang sahaja, kalau faham benda yang nak ditanya itu, senang” (Informan 6)

“Perlu banyak pergaulan, bila ada banyak pergaulan, jadi ada banyak nombor telefon dan maklumat sumber” (Informan 7)

Kemahiran berkomunikasi merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh wartawan solo. Hal ini kerana melalui komunikasi, berita akan dapat dihasilkan. Namun, berdasarkan jawapan informan, kebanyakan wartawan baharu tidak yakin dan malu untuk berkomunikasi dengan sumber. Justeru, pengkaji mencadangkan agar kemahiran komunikasi harus dipupuk sejak di peringkat universiti dengan memberikan tugas dari segi praktikal, contohnya menemu bual individu yang berkepentingan, dan bukannya hanya pembelajaran teori sahaja. Kemahiran komunikasi mendapat permintaan yang tinggi oleh industri (Bor, 2014).

4.4.3 Kemahiran Dwibahasa

Selain kemahiran komunikasi, informan 1 dan 3 mengatakan bahawa kemahiran dwibahasa merupakan satu kemahiran untuk menjadi wartawan solo. Hal ini kerana kemahiran tersebut akan memudahkan wartawan untuk mencari bahan berita, terutamanya wartawan yang bertugas di seksyen berita yang banyak menggunakan bahasa Inggeris.

“Wartawan juga perlu tahu lebih daripada satu Bahasa, dan Bahasa kedua itu semestinya Bahasa Inggeris, sebab kalau wartawan ini bukan hanya wartawan news sahaja yang kita target, ada sukan, ada entertainment, ada bisnes, ada IT, dan satu lagi kalau dapat pergi outstation, mesti orang tidak akan cakap melayu dengan kita, jadi English. Jadi English adalah Bahasa kedua yang penting selain daripada Bahasa melayu”
(Informan 1)

“Kemahiran Bahasa Malaysia dan English, Pemahaman dalam English tu penting contoh kalau dia pergi ke meja ekonomi, memang English, kalau dia pergi ke meja luar negara, dia perlu baca English” (Informan 3)

Kemahiran dwibahasa juga diperlukan untuk pemahaman wartawan apabila berada dalam sidang media yang sering menggunakan bahasa Inggeris. Oleh itu, jelaslah bahawa untuk menjadi wartawan solo, pelbagai kemahiran diperlukan. Selain itu, kemahiran dwibahasa jugak dilihat penting, terutamanya apabila wartawan ditugaskan ke luar negara yang benar-benar memerlukan bahasa Inggeris dalam pergaulan, bukan sahaja untuk memahami sumber, tetapi juga untuk menambah kenalan bagi memudahkan untuk menghubungi sumber pada masa akan datang.

Oleh itu, jelaslah bahawa untuk menjadi wartawan solo, pelbagai kemahiran diperlukan. Berdasarkan daripada jawapan informan, konsep wartawan solo adalah wartawan yang *multitasking* dalam melakukan tugasannya, dan ini menjadi semakin penting apabila rentak industri akhbar kini telah mengalami banyak perubahan dari segi mementingkan kepantasan penyebaran berita di portal berita. Hal ini disebabkan penularan blogger, mahupun media sosial yang bertindak menyebarkan berita terlebih dahulu. Oleh itu, para wartawan perlu belajar untuk mengambil alih tugas jurugambar jika perlu, agar berita dan gambar dapat disampaikan dengan cepat. Hal ini kerana gambar yang diambil oleh jurugambar mengambil masa yang lama untuk diproses dan dipaparkan di akhbar.

Namun, untuk portal berita atas talian, gambar juga perlu dipaparkan. Oleh itu, wartawan perlu belajar mengambil gambar, dari segi *angle* contohnya, agar berita

yang disampaikan mempunyai nilai beritanya yang tersendiri. Sesuai dengan konsep wartawan solo itu sendiri, iaitu jika wartawan mempunyai kemahiran *multitasking*, wartawan tersebut boleh dilabel sebagai wartawan solo. Menurut Stovall (2011) (yang dipetik dalam Broaddus, 2012), pelajar kewartawanan yang dapat menyampaikan maklumat dalam pelbagai format (iaitu, teks, audio, imej dan video), melalui pelbagai saluran, dan menggunakan pelbagai teknologi telah dilabelkan sebagai wartawan solo.

Sebagai seorang wartawan, konsep wartawan solo ini penting dalam persaingan yang semakin sengit. Oleh itu, konsep ini akan menjadi satu trend pada masa akan datang disebabkan faktor industri akhbar tradisional yang bakal mengalami penurunan. Namun, kebanyakan informan mengatakan bahawa, dalam menangani persaingan teknologi, wartawan solo harus berpegang kepada etika. Hal ini juga dibuktikan dalam Teori Akauntabiliti Media, bahawa wartawan harus menjalankan tugas dengan kemahiran dan juga berpandukan etika agar profesionalisme wartawan solo mempunyai kredibilitinya.

“Kalau dalam keadaan sekarang ini penting la, sebab persaingan yang sengit, persaingan dalam bidang persuratkhabaran ni dah semakin sengit. Kita hendak bersaing dengan blogger-blogger ni, cuma satu faktor yang kita ni kena utamakan adalah etika” (Informan 1)

“Satu trend la dalam media house, mungkin kalau dalam masa hadapan itu adalah satu perubahan yang besar lah. Sebab bagi

saya satu hari nanti industri surat khabar akan mengalami penurunan. Jadi universiti kena bersedia lah” (Informan 3)

“Jadi wartawan solo ini pada saya kemahiran yang bagus untuk ada pada seorang wartawan, tapi untuk memperlihatkan hasil dia kepada orang ramai perlu ada tanggungjawab itu la”
(Informan 4)

“Kalau kamu percaya wartawan kamu, bagi dia tanggungjawab, jadi dia adalah wartawan yang berkebolehan lah yang kita mahu” (Informan 7)

Wartawan solo amat bagus untuk syarikat dan wartawan, jika diamalkan dalam industri, hal ini kerana, semua syarikat memerlukan wartawan yang *multitasking* disebabkan faktor kos yang semakin tinggi.

“Memang kalau diikutkan, semua syarikat hendak dia punya pekerja multitasking, cerdik, boleh buat itu, buat ini”
(Informan 2)

“Kita belum capai tahap itu lagi. Tapi dalam tugas tertentu, memang wartawan perlu buat macam itu, tetapi sepatutnya ikut trend sekarang, semua kena buat, tetapi kita memang tekankan supaya wartawan itu dia ada kemahiran menulis dan kemahiran menggunakan peralatan multimedia” (Informan 5)

“Sebab kos makin tinggi, gajet makin power, pakai hand phone sahaja boleh buat semua benda. Wartawan solo ini bagus untuk syarikat dan wartawan tu jugak” (Informan 6)

“Dia kena pandai ambil gambar, tapi kebanyakannya siapa yang jadi reporter, dia akan pandai ambil gambar. Kena pantas juga. Wartawan solo ni kira satu keperluan sekarang.”
(Informan 6)

Jelas bahawa, berdasarkan temu bual dengan informan, konsep kewartawanan solo adalah wartawan yang mampu menjalankan tanggungjawab secara solo dengan menggunakan pelbagai peralatan teknologi mahupun gajet. Manakala, kemahiran yang mewakili konsep wartawan solo adalah kemahiran menulis, kemahiran berkomunikasi, kemahiran dwibahasa, dan kemahiran multimedia. Secara keseluruhannya, kebanyakan informan berpendapat bahawa wartawan solo bagus untuk diamalkan. Ini disebabkan faktor persaingan industri, dan juga arus teknologi yang semakin mencabar, serta kos yang semakin tinggi. Oleh itu, pihak industri menggalakan wartawan mempunyai kemahiran wartawan solo agar mampu bergerak dan menjalankan tanggungjawab sebagai seorang wartawan solo dengan mengikut kehendak industri. Hal ini kerana, berdasarkan jawapan informan, wartawan solo adalah wartawan yang diperlukan kini.

Secara keseluruhannya, hasil analisis tersebut menjawab persoalan kajian kedua, iaitu kepelbagaian kemahiran lain yang diperlukan wartawan. Hasil analisis mendapati kemahiran multimedia, komunikasi, dwibahasa adalah kemahiran yang diperlukan selain kemahiran menulis. Wartawan solo adalah wartawan yang mampu

berperanan sebagai penyelidik, jurugambar, juruvideo, penyunting, dan penerbit untuk melaporkan berita dengan menggunakan peralatan elektronik mudah alih, (Plater, 2015). Namun selain kemahiran, wartawan solo juga perlu memastikan setiap tugas yang dilakukan tidak menjejaskan kualiti profesionalisme sebagai wartawan solo. Hal ini kerana informan turut menekankan aspek etika dalam kewartawanan solo. Etika adalah satu aspek yang mengukuhkan kualiti profesionalisme wartawan solo dalam menjalankan tugas sebagai seorang wartawan solo, (Blankeship, 2016). Jadi kajian ini meneroka kriteria profesionalisme yang diperlukan itu. Ini menjawab persoalan kajian ketiga iaitu kriteria profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo.

4.5 Kriteria Profesionalisme Wartawan Solo

Dua orang informan mengatakan bahawa kemahiran dalam kewartawanan dan juga etika kewartawanan boleh membantu wartawan dalam mengukuhkan profesionalisme kewartawanan. Produk kerja yang mempunyai kredibiliti juga membantu dalam mengukuhkan profesionalisme wartawan. Menurut Coronel (2002), Teori Akauntabiliti Media ada menekankan mengenai kemahiran yang diperlukan bagi menjaga kredibiliti penulisan. Justeru, dalam menjalankan tugas, wartawan solo harus mengikut etika kewartawanan dan juga etika syarikat sendiri agar hasil berita yang disampaikan berkredibiliti dan berkualiti berbanding berita media sosial yang lain.

“Apabila kita mahir dalam kemahiran semua itu, jadi akan membantu profesionalisme sebagai seorang wartawan, yang kita hendak kualiti, kualiti kerja, maknanya kualiti dia lebih tinggi, dan bila sebenarnya laporan yang dilaporkan, ataupun berita yang dilaporkan oleh seseorang wartawan ini, sesebuah

syarikat akhbar ini sebenarnya lebih kredibiliti berbanding dengan blogger-blogger,” (Informan 1)

“Untuk memperkukuhkan profesionalisme itu setiap orang kena belajar la, kita profesional ikut spesifikasi apa yang syarikat hendak. Kemudian kita ada etika, semua dapat ikut” (Informan 2)

Dalam konteks profesionalisme tersebut, kajian ini menggunakan Teori Akauntabiliti Media sebagai garis panduan. Ini kerana teori tersebut menekankan aspek autonomi, tanggungjawab, etika, kredibiliti yang membentuk profesionalisme wartawan. Berdasarkan jawapan informan juga dapat dilihat bahawa aspek kemahiran dan profesionalisme itu saling memerlukan sebagai wartawan solo.

4.5.1 Autonomi Wartawan Solo

Hasil analisis ini mencapai objektif kajian yang ketiga, kerana lima orang informan menekankan bahawa autonomi, iaitu kebebasan dalam menulis, boleh membantu dalam mengukuhkan profesionalisme wartawan. Namun, autonomi tersebut tidak diberikan sepenuhnya. Autonomi adalah kebebasan menulis yang harus digunakan dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan agar tidak menyentuh batas-batas agama, politik, dan perkara sensitif di Malaysia.

“Walaupun seorang wartawan itu bebas menulis, tetapi ada juga peraturan yang wartawan perlu ikut, standard yang dia perlu ikut” (Informan 1)

“Secara asasnya, semua reporter dia memahami dengan jelas objektif syarikat...yang kedua dari segi autonomi, memang kita di sini, memang kita bagi sepenuhnya autonomi lah, dia hendak buat apa saja boleh, dan kita di editor akan bimbing”
(Informan 3)

“Autonomi bukan 100% autonomi, bukan yang free press, bukan macam di United Kingdom, jadi guided autonomi boleh membantu kukuhkan profesionalisme” **(Informan 4)**

*“Semua wartawan bebas menulis, tapi dia kena tahu apa yang syarikat hendak, jadi sebelum dia masuk syarikat, dia kena tahu”***(Informan 6)**

“Masih ada kebebasan, tapi mesti selari dengan panduan yang diberikan” **(Informan 7)**

Berdasarkan jawapan informan, dapat dilihat bahawa, bagi mengukuhkan profesionalisme, wartawan perlu mengikut garis panduan autonomi yang ditetapkan iaitu wartawan hendaklah membuat ulasan serta kritikan membina dan saksama supaya kritikan itu tidak melulu dan dianggap bermuslihat. Malahan perlu diingat dalam keghairahan wartawan melaporkan berita, terdapat beberapa akta seperti Akta Rahsia Rasmi, Akta Hasutan, Akta Fitnah dan lain-lain yang ada mempunyai kaitan secara langsung dengan profesion kewartawanan. Perkara ini terkandung dalam Etika Kewartawanan Malaysia. Teori Akauntabiliti Media juga menitikberatkan soal etika dalam mengukuhkan profesionalisme wartawan.

4.5.2 Komitmen Wartawan Solo

Wartawan solo juga perlu komited dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang wartawan bagi membantu mengukuhkan profesionalisme. Komited bermaksud wartawan solo perlu minat dalam menjalankan tugas. Melalui minat, sikap rajin dan sentiasa berdisiplin sebagai wartawan dapat dipupuk.

“Macam yang saya sebut tadi, kalau nak jadi wartawan ini perlu tegar, rajin belajar, rajin bertanya” (Informan 1)

“Wartawan perlu komited dengan apa yang dia hendak terima ini. Sebab jadi wartawan ini tidak boleh kaya. Kita hanya orang tengah sahaja. Jadi, komitmen kita untuk membantu rakyat itu yang penting. Komitmen bagus, boleh kukuhkan profesionalisme wartawan itu sebab dia berkaitan dengan minat” (Informan 2)

“Benda pertama, masa mereka mula-mula masuk ke sini, benda yang pertama saya cakap, pasal sikap, saya akan cakap sikap yang betul, sebab di sini sikap adalah segala-galanya” (Informan 3)

“Kalau tidak komited, tidak profesional la, dia campur la, sebab ada yang beri tumpuan, ada yang sambal lewa, memang kita perlukan orang yang betul-betul komited la” (Informan 7)

Wartawan solo perlu mempunyai sikap komited dalam menjalankan tanggungjawabnya. Ini bertepatan dengan Teori Akauntabiliti Media yang

menekankan komitmen dalam menjalankan tanggungjawab dalam mengukuhkan profesionalisme. Profesionalisme merupakan sikap dan nilai wartawan serta editor yang menjadi perhatian penting dalam bidang kewartawanan.

4.5.3 Kejujuran, dan Ketelusan Wartawan Solo

Sementara itu, dua orang informan menyatakan bahawa kejujuran dan ketelusan juga mampu membantu wartawan solo mengukuhkan profesionalisme. Wartawan solo perlu mempunyai sifat telus iaitu hanya ingin menjadi wartawan dengan jujur, tanpa mempunyai agenda lain.

“Kejujuran. Maknanya kita melaporkan hanya apa yang berlaku. Melaporkan secara jujur dan tidak ada yang ditambah-tambah, tidak dimanipulasi untuk jadikan berita itu lagi bagus, kita tambah-tambah yang tiada di situ” (Informan 1)

“Profesionalisme ini datang daripada jati diri yang kukuh, jati diri ni tidak boleh diajar, perlu datang daripada keinginan untuk berjaya sebagai seorang wartawan. Bukan untuk menjadi popular, cuma hanya ingin menjadi seorang wartawan yang telus, berani, yang tinggi nilai murni, dan telus jati diri, itu yang penting” (Informan 4)

Justeru, berdasarkan jawapan informan untuk persoalan ketiga, ini dapat merungkai permasalahan kajian tentang isu Majlis Media Malaysia yang belum ditubuhkan untuk memantau profesionalisme wartawan. Kebanyakan informan menyatakan

bahawa Majlis Media Malaysia yang berfungsi sebagai badan kawalan untuk panduan wartawan, tidak perlu ditubuhkan. Ini kerana akta dan etika yang telah ditetapkan sudah mencukupi untuk menjadi garis panduan kepada wartawan solo dalam menjalankan tugas bagi menjaga kualiti profesionalisme. Standard etika dan profesional kewartawanan moden dibangunkan berdasarkan kepada amalan terbaik media berita, dan sepatutnya bertanggungjawab kepada piawaian profesional dan etika mereka, seperti akauntabiliti dan ketelusan (Friend & Singer, 2007; Kovach & Rosenstiel, 2001 ; Merrill, 1997).

“Wartawan ini dah cukup dah. Sebab industri ini kerja dalam satu syarikat, bukan syarikat kecil ye, syarikat akhbar yang memang kalau bukan ada Majlis Media Malaysia, syarikat kita yang kawal kita. Maknanya kita sendiri kena ikut peraturan syarikat” (Informan 1)

“Bagi saya, kalau blog pon kita dah ada SKMM, kalau akhbar, ada akta percetakan, jadi nak buat apa Majlis itu lagi” (Informan 2)

“Kita dikawal oleh beberapa akta di Malaysia, akta media cetak lah, banyak, dari segi kawalan itu akta itu pon dah cukup kuat, sebab itu ia tidak ditubuhkan sampai sekarang. Dia dah ada regulation, dah cukup kuat, penubuhan majlis itu tak perlulah, sebab kita dah ada akta yang lain dah cukup memadai untuk kawal dan memberi garis panduan, dan membantu mengukuhkan profesionalisme.” (Informan 3)

“Kita dah ada NUJ, mewakili wartawan di Malaysia, saya rasa dah cukup dah itu” (Informan 4)

“Kita tidak perlu itu, polisi organisasi kita pon dah cukup untuk kawal” (Informan 5)

“Tidak perlu, sebab kita ada banyak akta lain” (Informan 6)

Oleh itu, jelaslah bahawa, tahap profesionalisme wartawan solo cukup hanya dengan menjadikan Etika Kewartawanan Malaysia yang sedia ada, dan juga kemahiran yang ada pada wartawan solo turut membantu memberi garis panduan dalam menjalankan tugas dalam mengukuhkan profesionalisme. Malah, Teori Akauntabiliti Media juga menekankan etika dalam menjaga akauntabiliti dan profesionalisme.

4.6 Rumusan Bab

Kesimpulannya, bab ini mempersembahkan hasil dapatan kajian daripada tujuh orang informan. Hasil dapatan daripada kaedah temu bual semi berstruktur ini mendapati bahawa persoalan dan objektif kajian telah berjaya dijawab dan dicapai. Jelas bahawa, bab ini telah menjelaskan hasil analisis data mengikut pecahan tema. Sementara itu, beberapa tema yang diperoleh akan dibincangkan di bahagian bab yang seterusnya dalam bentuk jadual. Kaedah pengekodan dalam analisis tematik merupakan kaedah yang digunakan bagi mendapatkan tema tersebut.

BAB LIMA

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan rumusan keseluruhan kajian, kesimpulan dan cadangan bagi penambahbaikan kajian. Dalam bahagian rumusan akan membincangkan tentang objektif kajian, pernyataan masalah, pemilihan informan, kaedah penyelidikan yang digunakan, dan juga hasil analisis data yang diperoleh. Manakala dalam bahagian kesimpulan pula membincangkan ringkasan tentang setiap kesimpulan yang diperoleh daripada setiap dapatan kajian.

5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Berdasarkan analisis data yang dibuat, kebanyakan informan mengatakan bahawa pihak universiti tidak memberikan persediaan yang cukup kepada graduan kewartawanan untuk menceburi ke dunia industri yang sebenar. Hal ini kerana universiti dilihat sebagai kurang berkualiti dalam melahirkan graduan kewartawanan yang bagus dalam pengetahuan am, penulisan, dan penguasaan bahasa Inggeris yang merupakan keperluan industri kewartawanan pada masa kini. Hasil daripada temu bual separa struktur yang telah dilakukan, terdapat beberapa tema kemahiran yang diperlukan berdasarkan kehendak industri untuk menjadi seorang wartawan solo.

Hasil analisis data menunjukkan bahawa kesemua informan menyatakan bahawa kemahiran menulis dan kemahiran multimedia merupakan kemahiran yang diperlukan sebagai seorang wartawan. Industri kewartawanan memerlukan graduan wartawan yang mempunyai kemahiran asas iaitu kemahiran menulis. Kemahiran

menulis terdiri daripada cara penulisan berita yang asas, kepada mengikut *house style* setiap akhbar. Kos yang semakin tinggi menyebabkan wartawan perlu mengambil alih tugas jurukamera. Oleh itu, kemahiran menggunakan peralatan multimedia juga dititikberatkan. Bukan itu sahaja, malah media sosial dan saluran berita yang semakin pesat menyebabkan industri akhbar perlu bersaing dengan pelbagai saluran media lain yang memerlukan wartawan solo yang pantas dan cekap dalam menulis berita dan menggunakan media sosial serta saluran lain.

Manakala, lima orang informan pula mengatakan untuk menjadi seorang wartawan yang bagus, wartawan perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi. Ini terutamanya apabila untuk mendapatkan maklumat, wartawan solo perlu mempunyai keyakinan diri dalam berkomunikasi. Contohnya, apabila berhadapan dengan individu yang mempunyai peranan penting, seperti ahli korporat. Sementara itu, dua orang informan pula menyatakan kemahiran dwibahasa penting dan diperlukan oleh pihak industri. Kemahiran dwibahasa juga diperlukan bagi memudahkan proses temu bual bagi mendapatkan maklumat.

Di samping itu, tujuh orang informan bersetuju mengatakan bahawa wartawan yang mempunyai kemahiran wartawan solo adalah wartawan yang diperlukan oleh industri. Kesemua kemahiran tersebut merupakan kemahiran yang diperlukan oleh industri terhadap wartawan solo. Hasil analisis ini menjawab persoalan satu dan dua iaitu tentang kemahiran asas dan kemahiran lain yang diperlukan sebagai wartawan solo. Antara tema yang diperoleh adalah seperti dalam Jadual 5.1. Manakala, jadual 5.2 pula menunjukkan jenis kemahiran dan tema yang diperoleh melalui analisis data.

Jadual 5.1

Tema Kemahiran yang Diperlukan Industri

Jumlah informan/ Tema	1	2	3	4	5	6	7
Kemahiran menulis							✓
Kemahiran multimedia							✓
Kemahiran berkomunikasi					✓		
Kemahiran dwibahasa		✓					

Jadual 5.2

Kemahiran yang Diperlukan dan Tema

Kemahiran yang diperlukan	Tema
- Penguasaan penulisan - Penguasaan cara penulisan berita yang general. - Belajar <i>house style</i>. - Penguasaan piramid terbalik. - Penguasaan 5W 1H. - Menulis untuk surat khabar - Penulisan dalam bahasa melayu yang betul.	- Kemahiran menulis
- kemahiran mengambil gambar dan video - kemahiran mengedit gambar dan video - kemahiran menulis kapsyen gambar - kemahiran teknologi - kemahiran komputer	- Kemahiran Multimedia
- Pandai bercakap - Pandai bertanya soalan - Pandai menemubual pihak bomba, polis, dan sebagainya.	- Kemahiran Berkomunikasi
- Penguasaan Bahasa Melayu - Penguasaan Bahasa Inggeris	- Kemahiran Dwibahasa

Hasil analisis data juga menunjukkan bahawa terdapat tiga kriteria profesionalisme yang dapat mengukuhkan profesionalisme wartawan dari sudut pandangan editor, walaupun Majlis Media Malaysia tidak ditubuhkan. Hal ini kerana wartawan telah diberikan etika kewartawanan, dan juga peraturan syarikat yang perlu dipatuhi. Autonomi yang merupakan kebebasan wartawan untuk menulis, ada dititikberatkan dalam etika kewartawanan dalam melaksanakan tugas. Konsep autonomi adalah wartawan perlu menghayati kebebasan memungut dan menyiarkan berita secara jujur serta berhak membuat ulasan dan kritikan yang saksama. Lima orang informan mengatakan bahawa pemahaman dan penggunaan kuasa autonomi yang betul dapat membantu mengukuhkan lagi profesionalisme wartawan dalam menjalankan tugas.

Dua orang informan pula mengatakan bahawa sikap kejujuran dan ketelusan turut membantu mengukuhkan profesionalisme wartawan. Wartawan perlu melaporkan kebenaran, seperti yang terdapat dalam etika kewartawanan. Selain itu, empat orang informan mengatakan bahawa komitmen terhadap tugas sebagai seorang wartawan juga boleh membantu mengukuhkan profesionalisme wartawan. Wartawan perlu memberi tumpuan, rajin belajar, rajin bertanya, dan tidak bersikap sambil lewa dalam menjalankan tugas. Teori Akauntabiliti Media turut menjelaskan bahawa aspek profesionalisme adalah nilai penting bagi menjaga kredibiliti, dan etika kewartawanan yang boleh dirujuk sebagai panduan untuk wartawan supaya lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas serta memupuk sikap jujur, telus, komited, dan mematuhi autonomi yang diberikan. Wartawan yang mempunyai segala aspek dan kemahiran tersebut boleh membantu meningkatkan profesionalisme wartawan. Dapatan kajian tersebut berjaya menjawab persoalan ketiga kajian iaitu tentang kriteria profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo.

Jadual 5.3 menunjukkan tema tentang tema profesionalisme yang diperlukan untuk membantu mengukuhkan profesionalisme wartawan. Manakala jadual 5.4 menunjukkan kriteria profesionalisme dan tema yang diperoleh daripada analisis data. Analisis ini menjawab persoalan ketiga kajian, iaitu kriteria profesionalisme yang diperlukan oleh industri sebagai wartawan solo.

Jadual 5.3

Tema Profesionalisme untuk Membantu Mengukuhkan Profesionalisme Wartawan

Solo

Jumlah informan/ Tema	1	2	3	4	5	6	7
Autonomi						✓	
Komitmen				✓			
Kejujuran/ Ketelusan			✓				

Jadual 5.4


Kriteria Profesionalisme untuk Membantu Mengukuhkan Profesionalisme Wartawan

Solo

Kriteria Profesionalisme	Tema
- Kebebasan menulis	- Autonomi
- Faham tentang batasan agama dan politik	
- Memberi tumpuan	- Komitmen
- Rajin belajar	
- Rajin bertanya	
- Tidak sambil lewa	
- Melaporkan yang benar	- Kejujuran/ Ketelusan
- Menjadi wartawan bukan untuk kepentingan diri.	

Jelas bahawa, bukan sahaja aspek kemahiran, malah profesionalisme juga turut dititikberatkan dalam mengikut rentak perubahan industri masa kini. Justeru, konsep profesionalisme perlu sentiasa menjadi satu kepentingan sebagai wartawan solo. Walaupun mempunyai banyak saluran penyebaran berita, wartawan tetap perlu mengikuti etika kewartawan yang telah ditetapkan bagi menjaga kredibiliti profesionalisme seorang wartawan. Contohnya, walaupun wartawan solo mempunyai kelebihannya kerana memiliki banyak kemahiran dalam menulis, dan menyampaikan berita, namun tidak boleh tersasar daripada etika yang ditetapkan. Contohnya autonomi, iaitu kebebasan dalam menulis dan menyampaikan berita disertai dengan tanggungjawab terhadap negara dan masyarakat. Dalam kajian ini, terdapat kepentingan dalam penggunaan telefon bimbit dari aspek multimedia yang tidak ditekankan dalam kedua-dua model tersebut. Hal ini kerana zaman era teknologi yang semakin pantas, menyebabkan wartawan harus mempunyai telefon bimbit yang boleh memudahkan dan membantu wartawan untuk menulis berita tanpa menggunakan komputer.

Hasil daripada tema yang diperoleh melalui analisis data, jelas bahawa kemahiran yang dituntut oleh industri didapati mengikut Model Kurikulum Pendidikan Kewartawanan 2007 dan Model Holistik Pendidikan Kewartawanan di Malaysia, (Awan Ismail et al. 2015), walau bagaimanapun terdapat sedikit perbezaan kemahiran yang diperlukan dalam melahirkan wartawan, sekaligus dilabelkan sebagai wartawan solo. Berdasarkan rajah 5.1 di bawah, jelas bahawa, kemahiran dan profesionalisme wartawan solo adalah aspek yang terdapat dalam rajah tersebut. Satu kotak berbeza yang mengandungi kemahiran *multitasking* adalah dapatan yang baru dan berbeza berbanding kerangka konseptual sebelum ini.



Rajah 5.1. Kewartawanan solo

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aspek kemahiran menulis, kemahiran multimedia, kemahiran berkomunikasi, kemahiran dwibahasa, serta aspek autonomi, komitmen dan kejujuran, menyokong kerangka konseptual yang digunakan, kerana bertepatan dengan kajian lepas, Teori Akauntabiliti Media, Model Kurikulum Kewartawanan 2007, dan Model Holistik Pendidikan Kewartawanan 2015. Manakala, konsep wartawan solo yang memerlukan wartawan solo melakukan

pelbagai tugas dalam satu masa, dan memerlukan pelbagai kemahiran, menunjukkan bahawa, wartawan solo perlu *multitasking* dalam setiap tugas. Jadi, kemahiran *multitasking* tersebut membuktikan perbezaan dapatan kajian ini berbanding dapatan kajian lepas.

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, jelas dilihat bahawa kemahiran dan profesionalisme adalah aspek penting dalam melahirkan wartawan solo yang berkredibiliti. Justeru, dalam konteks pendidikan, hasil kajian ini dapat memperluaskan lagi bidang ilmu di peringkat pengajian bagi membantu industriewartawanan agar lebih berkualiti dalam pengurusan profesion wartawan mahupun syarikat.

5.3 Rumusan

Kajian ini adalah menjurus kepada untuk mengetahui kemahiran asas, kepelbagaian kemahiran dan kriteria profesionalisme wartawan solo yang diperlukan oleh industri. Objektif kajian tersebut diperoleh apabila kebangkitan teknologi menyebabkan pelbagai peralatan teknologi canggih dicipta, jadi penggunaannya memerlukan kemahiran sebagai wartawan solo, dalam konteks kajian ini. Di samping itu, Majlis Media Malaysia yang tidak ditubuhkan seperti yang dirancang, menimbulkan persoalan tentang cara untuk mengukuhkan profesionalisme wartawan solo. Hal ini kerana fungsi Majlis Media Malaysia adalah sebagai badan pengawas bagi mengukuhkan tahap profesionalisme wartawan.

Oleh itu, kajian ini mengkaji kemahiran yang diperlukan bagi menjadi wartawan solo. Kajian ini memilih tujuh orang editor berita di setiap industri akhbar yang

berlainan sebagai informan bagi menjawab persoalan kajian ini. Editor tersebut daripada akhbar Berita Harian, Utusan Melayu, Harian Metro, Kosmo, Sinar Harian, BERNAMA, dan *New Straits Times*. Kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan adalah temu bual semi struktur. Hasil daripada temu bual yang dijalankan selama empat bulan telah berjaya menjawab persoalan kajian. Sebagai rumusan keseluruhan, jadual 5.5 menunjukkan tema dan penjelasan kemahiran yang diperlukan sebagai wartawan solo. Manakala jadual 5.6 menunjukkan tema dan penjelasan kriteria profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo.

Jadual 5.5


Tema dan Penjelasan Kemahiran yang Diperlukan Sebagai Wartawan Solo

Tema	Penjelasan Kemahiran
Kemahiran Menulis:	Penguasaan penulisan:
Kemahiran menulis merujuk kepada kebolehan wartawan solo dalam penulisan untuk menghasilkan sebuah berita yang perlu disampaikan kepada masyarakat, dengan menguasai teknik yang dijelaskan dalam lajur penjelasan kemahiran.	Penguasaan penulisan merujuk kepada kebolehan wartawan solo untuk menulis berita. Penguasaan cara penulisan berita yang general: Penguasaan cara penulisan berita yang general adalah, kebolehan wartawan solo untuk mengetahui dan menguasai cara penulisan berita yang umum, dengan mengetahui cara untuk menulis akhbar. Belajar house style: Pembelajaran <i>house style</i> merujuk kepada kebolehan wartawan solo dalam menggunakan gaya penulisan dalaman yang digunakan di setiap organisasi akhbar.

Penguasaan piramid terbalik:

Penguasaan piramid terbalik merujuk kepada pemahaman dan penguasaan watawan solo terhadap cara serta kaedah penyusunan dan struktur penulisan sesebuah berita mengikut keutamaan di setiap perenggan berita, dengan mengutamakan maklumat yang paling penting yang mempunyai nilai berita contohnya 5W 1H, seterusnya maklumat penting yang merupakan maklumat utama, dan yang terakhir adalah maklumat kurang penting iaitu maklumat tambahan yang diperlukan.

Penguasaan 5W 1H:



Penguasaan 5W 1H adalah, kebolehan wartawan solo untuk sentiasa menggunakan teknik 5W 1H iaitu singkatan daripada *what*, *who*, *when*, *where*, *why*, dan juga *how*, terutamanya ketika menemu bual sumber dan menulis berita.

Menulis untuk surat khabar:

Penulisan untuk surat khabar merujuk kepada kebolehan wartawan solo untuk menulis dengan menggunakan gaya penulisan yang betul contohnya untuk penulisan berita berbentuk rencana.

Penulisan dalam Bahasa Melayu yang betul:

Penulisan dalam Bahasa Melayu yang betul merujuk kepada kemahiran wartawan solo dalam penulisan dengan menggunakan bahasa Melayu yang tepat, ringkas, dan mudah difahami, tanpa

menggunakan bahasa pasar.

Kemahiran Multimedia:

Kemahiran multimedia merujuk kepada kebolehan wartawan solo untuk menghasilkan dan menyampaikan berita dengan menggunakan pelbagai peralatan teknologi juga pelbagai saluran berita, dengan menguasai teknik yang dijelaskan dalam lajur penjelasan kemahiran.

Kemahiran mengambil gambar dan video:

Kemahiran mengambil gambar dan video adalah kemahiran wartawan solo untuk mengambil gambar dan video dengan menggunakan teknik yang betul, iaitu hanya mengambil gambar dan video yang berkaitan dengan berita yang hendak disampaikan sahaja.

Kemahiran mengedit gambar dan video:

Kemahiran mengedit gambar dan video merujuk kepada kebolehan wartawan solo untuk menyunting gambar dan video yang diambil agar lebih menarik dan mempunyai nilai berita untuk disampaikan kepada pembaca.

Kemahiran menulis kapsyen gambar:

Kemahiran menulis kapsyen gambar merujuk kepada kebolehan wartawan solo untuk menulis keterangan gambar untuk setiap gambar yang perlu diletakkan bersama berita yang hendak disampaikan, agar gambar dan berita yang disampaikan mudah difahami oleh pembaca.

Kemahiran teknologi:

Kemahiran teknologi merujuk kepada kebolehan wartawan solo untuk mahir menggunakan gajet seperti telefon bimbit, untuk menulis dan menyampaikan berita.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Kemahiran komputer:

Kemahiran komputer merujuk kepada kebolehan wartawan solo dalam menggunakan komputer untuk tujuan penulisan, mengedit gambar dan video bagi menghasilkan berita.

Kemahiran Berkomunikasi:

Kemahiran berkomunikasi merujuk kepada kebolehan wartawan solo untuk berkomunikasi dengan sumber, dengan menguasai teknik yang dijelaskan dalam lajur penjelasan kemahiran.

Pandai bercakap:

Kemahiran pandai bercakap merujuk kepada kebolehan wartawan solo dalam berbicara untuk mendapatkan kepercayaan sumber bagi memudahkan proses mendapatkan maklumat.

Pandai bertanya soalan:

Kemahiran pandai bertanya soalan merujuk kepada, kebolehan wartawan solo untuk bertanya soalan kepada sumber, dengan mengajukan soalan yang berkaitan dengan apa yang dikehendaki sahaja, dengan yakin tanpa rasa malu dan takut, agar berita yang dihasilkan lebih bernas.

Pandai menemu bual pihak bomba, polis, dan sebagainya:

Pandai menemubual pihak bomba, polis, dan sebagainya, merujuk kepada kebolehan wartawan solo untuk menemu bual pihak yang berkepentingan tanpa membuatkan pihak tersebut marah, dan tanpa melanggar undang-undang serta Akta Rahsia Rasmi. Ini agar pihak tersebut akan memberikan maklumat, hal ini kerana terdapat sesetengah pihak yang sukar untuk bekerjasama dalam memberikan maklumat.

Kemahiran Dwibahasa:

Kemahiran dwibahasa merujuk kepada kebolehan wartawan solo dalam menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Penguasaan Bahasa Melayu:

Penguasaan Bahasa Melayu merujuk kepada kebolehan wartawan solo untuk menulis dan berkomunikasi dalam bahasa Melayu.

Penguasaan Bahasa Inggeris:

Penguasaan Bahasa Inggeris merujuk kepada kebolehan wartawan solo untuk memahami dan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, terutamanya apabila berhadapan dengan sidang media yang kebanyakannya menggunakan bahasa Inggeris.

Jadual 5.6

Tema dan Penjelasan Kriteria Profesionalisme yang Diperlukan Sebagai Wartawan Solo

Tema	Penjelasan Kriteria Profesionalisme
Autonomi:	Kebebasan menulis:
Autonomi merujuk kepada kebebasan menulis yang diberikan kepada wartawan solo dalam menghasilkan berita. Kriteria autonomi adalah seperti yang dijelaskan dalam lajur penjelasan kriteria profesionalisme.	Kebebasan menulis merujuk kepada, kebebasan menulis yang diberikan kepada wartawan solo, namun masih perlu mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan serta faham objektif organisasi akhbar, agar penulisan berita dapat dihasilkan dengan betul.
	Faham tentang batasan agama dan politik:
	Faham tentang batasan agama dan

politik, merujuk kepada, dalam menulis berita, wartawan solo bertanggungjawab membuat ulasan dan kritikan yang saksama agar tidak menyentuh batas-batas agama serta politik dan tertakluk dengan peraturan serta nilai dan budaya sesebuah negara, agar tidak terdedah dengan saman.

Komitmen:

Komitmen merujuk kepada, komitmen wartawan solo dalam menjalankan tugas sebagai seorang wartawan dengan rasa tanggungjawab dan jati diri yang kukuh, dengan mempunyai keinginan untuk berjaya sebagai seorang wartawan. Kriteria komitmen adalah seperti yang dijelaskan dalam lajur penjelasan kriteria profesionalisme.

Memberi tumpuan:

Memberi tumpuan merujuk kepada wartawan solo perlu memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada profesion sebagai seorang wartawan, tanpa mengambil kira kepentingan diri sendiri, contohnya dari segi kewangan, hal ini kerana profesion wartawan bukanlah satu profesion untuk mencipta kekayaan, sebaliknya profesion wartawan adalah untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Rajin belajar:

Rajin belajar merujuk kepada wartawan solo perlu belajar dari awal menjadi wartawan, dengan cara mendapatkan bimbingan, didikan, dan asuhan daripada editor.

Rajin bertanya:

Rajin bertanya merujuk kepada, wartawan solo perlu sentiasa bertanya kepada editor ataupun rakan wartawan yang lain jika ada ketidakfahaman tentang tugas yang diberikan, agar tidak menimbulkan kesalahan dalam penulisan berita.

Tidak sambil lewa:

Tidak sambil lewa merujuk kepada, wartawan solo perlu ada kemahuan dan kehendak untuk memajukan diri sendiri.

Kejujuran/ Ketelusan:

Kejujuran/ ketelusan merujuk kepada wartawan solo perlu menjalankan tugas hanya semata-mata sebagai seorang wartawan, dengan rasa tanggungjawab, tanpa mempunyai agenda lain. Kriteria kejujuran/ ketelusan adalah seperti yang dijelaskan dalam lajur penjelasan kriteria profesionalisme.

Melaporkan yang benar:

Melaporkan yang benar, merujuk kepada, wartawan solo perlu melaporkan berita secara jujur, dengan menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita dan menyampaikan maklumat yang tepat dengan tidak menambah maklumat yang dimanipulasi untuk menjadikan berita itu lagi bagus, dan jika terdapat kesalahan mesti diperbetulkan dengan segera.

Menjadi wartawan bukan untuk kepentingan diri:

Menjadi wartawan bukan untuk kepentingan diri merujuk kepada, wartawan solo menjadi wartawan bukan untuk mendapatkan populariti semata-mata dan mendapatkan kepentingan dengan ahli politik, artis dan untuk agenda lain, sebaliknya hanya ingin menjadi seorang wartawan solo yang telus, berani, tinggi nilai murni, dan mempunyai jati diri yang kukuh.

Berdasarkan tema dan penjelasan kemahiran serta kriteria profesionalisme yang dijelaskan, keseluruhan hasil analisis data menunjukkan bahawa, pihak industri sememangnya memerlukan graduan dan wartawan yang serba boleh (*multitasking*), dengan mempunyai kemahiran dan profesionalisme, agar bersedia untuk menjalankan tanggungjawab sebagai wartawan solo. Oleh itu, jelaslah bahawa wartawan solo yang mempunyai kemahiran asas iaitu kemahiran menulis dan pelbagai kemahiran lain iaitu kemahiran multimedia, kemahiran berkomunikasi, dan kemahiran dwibahasa, serta aspek profesionalisme iaitu autonomi, komitmen, dan kejujuran, boleh dilabel sebagai wartawan solo. Jawapan daripada kesemua informan menjawab ketiga-tiga persoalan tentang kemahiran asas, kemahiran lain, dan aspek profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo.

5.4 Implikasi / Sumbangan Kajian

Kajian ini memberikan implikasi positif, dan negatif yang memberikan kebaikan kepada semua pihak. Antaranya, dari sudut positif, sumbangan kajian ini dapat membantu pelajar mahupun graduan untuk bersedia dengan lebih awal bagi memasuki bidang industri yang sebenar. Kemahiran dan nilai profesionalisme yang diperoleh melalui kajian ini boleh menambah kebolehan dan kemahiran pelajar dalam bidang kewartawanan. Seterusnya, ini dapat melahirkan wartawan yang berkualiti dari setiap sudut.

Selain itu, kajian ini juga memberikan impak positif kepada pihak universiti. Antaranya ialah hasil kajian ini membantu dan memberi panduan kepada pihak universiti untuk membina dan memperbaiki silibus pembelajaran supaya bersesuaian dengan kehendak industri yang memerlukan wartawan berpakej lengkap, sesuai

dengan konsep kewartawanan solo. Ini supaya industri kewartawanan dapat memiliki wartawan yang mahir dalam setiap tugas yang diperlukan. Jadi, jika graduan mampu memenuhi kemahiran yang diperlukan, ini akan memudahkan para graduan untuk mendapat tempat dalam industri. Selain itu, pihak universiti juga akan menjadikan kajian ini sebagai rujukan dalam mempertingkatkan kualiti dan mutu graduan kewartawanan.

Di samping itu, dari sudut positif juga, dengan lahirnya graduan yang bersedia dari segi pengetahuan mahupun kemahiran, industri kewartawanan akan terus maju pada masa akan hadapan. Apabila wujud bilangan wartawan solo yang ramai iaitu wartawan yang *multitasking* yang dipupuk dari universiti maka ini akan membantu menjimatkan ekonomi negara., Selain itu, industri akan memperoleh wartawan solo yang lengkap, yang memiliki kesemua set kemahiran, yang diperlukan oleh industri untuk kepentingan industri dalam meningkatkan imej dan kredibiliti profesionalisme industri sebagai sebuah media.

Malah, kualiti penulisan wartawan solo juga akan lebih berkualiti, hasil daripada kemahiran dan kriteria profesionalisme yang dimiliki dan dipupuk sejak di peringkat universiti lagi berdasarkan kehendak industri. Bukan itu sahaja, malah hasil kajian ini, akan dijadikan panduan kepada universiti dan graduan dalam memupuk kemahiran serta profesionalisme. Wartawan solo akan membantu mewujudkan lebih banyak saluran berita seperti laman web, portal berita dan pelbagai produk yang lain.

Namun, dari sudut negatif, kewartawanan solo, bakal menimbulkan kerisauan kepada pihak lain, seperti jurugambar. Hal ini kerana, kewujudan wartawan solo yang mahir

dalam mengambil gambar dan segala aspek multimedia, bakal mengakibatkan pengurangan tenaga kerja jurugambar. Namun masalah tersebut memberi impak positif kepada pihak industri, kerana, situasi kesukaran untuk mencari pekerjaan kini, akan membuatkan jurugambar terpaksa menambah dan membina kemahiran lain, contohnya kemahiran sebagai seorang wartawan, agar mampu menjadi seorang yang masih lagi diperlukan dalam industri, jadi ini akan menambah bilangan wartawan solo yang serba boleh pada masa akan datang.

5.5 Batasan Kajian

Perbincangan mengenai batasan kajian ini menggariskan had dapatan kajian yang memberi sumbangan kepada pemahaman serta bidang yang dikaji. Perbincangan batasan kajian mengingatkan pembaca tentang aspek kajian yang cuba dicapai (Othman Lebar, 2014). Dalam konteks kajian ini, aspek yang hendak dicapai adalah kemahiran dan profesionalisme yang diperlukan sebagai wartawan solo mengikut kehendak industri. Kajian ini dapat mencapai tujuan tersebut, buktinya, tujuh tema dapat diperoleh melalui hasil kajian ini, iaitu kemahiran menulis, kemahiran multimedia, kemahiran berkomunikasi, kemahiran dwibahasa, autonomi, komitmen, dan kejujuran.

Kajian ini juga terbatas kepada industri akhbar sahaja iaitu akhbar Harian Metro, Berita Harian, Kosmo, Utusan, Sinar Harian, BERNAMA, dan *New Straits Times*. Kajian ini juga hanya menemu bual editor akhbar sahaja disebabkan golongan tersebut merupakan golongan yang berpengalaman dan merupakan wartawan senior dalam industri akhbar. Jadi, kesemua informan dapat menjelaskan secara terperinci mengikut protokol soalan temu bual. Soalan susulan yang diberikan semasa temu

bual berlangsung juga dapat dijawab dengan mudah dan mendalam tentang sesuatu isu. Selain itu, aspek yang dikaji juga terhad kepada aspek kemahiran dan profesionalisme sahaja. Ini bersesuaian dengan teori dan model yang digunakan sebagai panduan.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Secara keseluruhannya, kajian lanjutan dicadangkan untuk memfokuskan kajian seterusnya ke atas semua industri kewartawanan. Ini termasuklah wartawan bidang penyiaran. Bukan itu sahaja, kajian seterusnya juga disarankan agar meneroka semua aspek dan bukan sahaja aspek kemahiran. Selain itu, pengkaji turut mencadangkan agar kajian seterusnya mengkaji mengenai era digital dengan era tradisional dalam menentukan hala tuju akhbar disebabkan faktor teknologi. Ini agar industri akhbar terus kukuh sama ada dalam bentuk tradisional mahupun digital.

5.7 Penutup

Kesimpulannya, beberapa tema dapat diperoleh berdasarkan hasil analisis data kajian ini. Antara tema tersebut adalah kemahiran menulis, kemahiran multimedia, kemahiran berkomunikasi, kemahiran dwibahasa, autonomi, komitmen, dan ketelusan/kejujuran. Berdasarkan dapatan kajian yang dibincangkan dan tema yang diperoleh, adalah jelas bahawa kehendak industri dilihat sama seperti kursus yang disediakan dalam model UNESCO 2007 yang mementingkan kemahiran juga etika kewartawanan sebagai seorang wartawan.

Namun, kajian ini mempunyai perbezaan yang nyata dengan model UNESCO 2007 terutamanya dalam aspek kemahiran multimedia yang diperlukan bagi menjadi

seorang wartawan solo. Melalui perkembangan inovasi teknologi kini yang semakin pesat, tidak mustahil akan menyebabkan wartawan solo menjadi satu permintaan yang tinggi dalam industri kewartawanan pada masa hadapan. Ini terutamanya apabila pelbagai peralatan mudah alih yang lebih kecil telah dicipta yang akan memudahkan wartawan solo menjalankan tugas di seluruh pelusuk tempat.

Buktinya dapat dilihat dalam kajian ini, apabila penggunaan gajet menjadi penting sebagai seorang wartawan solo. Walau bagaimanapun, aspek profesionalisme juga perlu diutamakan bagi menjaga kredibiliti penulisan wartawan solo. Pihak universiti boleh menjadikan kajian ini dan Model Kurikulum Kewartawanan 2007, serta Model Pendidikan Kewartawanan di Malaysia, (Awan Ismail et al, 2015), sebagai panduan untuk memantapkan lagi silibus pembelajaran agar selaras dengan kehendak industri. Teori akauntabiliti media juga mengukuhkan lagi bahawa kemahiran dan etika adalah aspek utama yang penting dalam mengukuhkan profesionalisme wartawan solo. Buktinya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran turut diperlukan bagi mengukuhkan profesionalisme wartawan. Melalui Teori Akauntabiliti Media, adalah jelas bahawa, kemahiran dan profesionalisme bukan sahaja penting untuk melahirkan wartawan solo, malah turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan akauntabiliti media, di samping menjaga kredibiliti wartawan solo yang profesional.

Sebagai penutup, adalah diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada semua pihak. Antaranya ialah pihak universiti, graduan, wartawan, industri, dan juga pengkaji-pengkaji yang lain dalam menceburi bidang kewartawanan. Di samping itu, diharapkan juga agar kajian ini dapat memberi dan membina cetusan idea kepada

pengkaji-pengkaji dalam kajian akan datang yang berkaitan dengan bidang ini, supaya dapat mengkaji dengan skop yang lebih mendalam tentang pendidikan kewartawanan.



RUJUKAN

- Alejandro, J. (2010). Journalism in the age of social media. Diakses daripada <https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/Journalism%20in%20the%20Age%20of%20Social%20Media.pdf>
- Awan Ismail, Rizalawati Ismail, Norizah Aripin & Norhafezah Yusof. (2015). Journalism education in malaysia: Dancing with unesco's model curricula. *International Journal of Science Commerce and Humanities*. 3(3), 1-12. Diakses Dari http://www.ijsch.com/journaluk/images/frontImages/JOURNALISM_EDUCATION_IN_MALAYSIA.pdf
- Bardoel, J., d'Haenens, L. (2004). Media responsibility and accountability: New conceptualizations and practices. *The European Journal of Communication Research*, 29(1), 5-25. Diakses daripada <http://repository.ubn.ru.nl/bitstream/handle/2066/64715/64715.pdf>
- Baran J, Stanley. & Devis, K. Dennis. (2010). *Mass communication theory. foundations, ferment, and future*. (6th ed). cengage learning: Wadsworth. Diakses dari <http://vulms.vu.edu.pk/Courses/MCM511/Downloads/Mass%20Communication%20Theory.pdf>
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Blankenship, J. C. (2016). Solo journalism and news routines: Using the hierarchical influences model to study the organizational and individual influences of solo journalism in local television news. Diakses daripada <http://search.proquest.com/docview/1828127831/fulltextPDF/F4D6E8A53C741A3PQ/1?accountid=42599>
- Blom, R. & Davenport, L. (2012). Searching for the core of journalism education: program directors disagree on curriculum priorities. *Journalism & Mass Communication Educator*, 67(1), 70 –86. doi:10.1177/1077695811428885
- Bor, E. S. (2014). Teaching social media journalism: Challenges and opportunities for future curriculum design. *Journalism & Mass Communication Educator*, 1–13. doi:10.1177/1077695814531767

Boswell, J. (2008). Going it alone: Solo journalism.

Diakses

daripada

<http://academic.sun.ac.za/journalism/smf08/Solo%20journalism.html>

Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77-101. Diakses daripada http://eprints.uwe.ac.uk/11735/2/thematic_analysis_revised_-_final.pdf

Breiner, J. (2013). Skills every aspiring journalist should learn. International Journalists Network. Diakses daripada <https://ijnet.org/en/blog/skills-every-aspiring-journalist-should-learn>

Broddus, M. B. (2012). *Student's writing self efficacy, motivation, and experience: Predictor in journalism education (Doctoral dissertation)*. Diakses daripada http://trace.tennessee.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=2464&context=utk_graddiss

Callaghan, R., & Mcmanus, J. (2010). Building the perfect graduate: What news employers want in new hires building the perfect graduate. *Asia Pacific Media Educator*, 1(20), 9–22. Diakses daripada <http://ro.uow.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?article=1309&context=apme>

Callaghan, R. (2011). Selling the dream: Are we offering employability or making a vocational offer? In Developing student skills for the next decade: Proceedings of the 20th Teaching and Learning Forum, 1-2 February 2011. Perth: Edith Cowan University. Diakses daripada <http://otl.curtin.edu.au/tlf/tlf2011/refereed/callaghan.html>

Chane Teck Peng. (2002). Media massa dan hegemoni barisan nasional: Satu kajian kes ke atas peranan media dalam pengurusan krisis kewangan 1997 di malaysia. Diakses daripada <http://mediamalaysia.net/wp-content/uploads/2010/06/Hegemony-and-Malaysian-Media-CTP-MPhil-2002.pdf>

Chamil Wariya. (2012). *Kewartawanan dan media era digital. Isu-isu semasa*. Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute.

Chamil Wariya. (2015, Disember 3). Lambakan Wartawan Warga Jejas Kredibiliti Wartawan Profesional. Berita Wilayah. Diakses daripada

- http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?id=1196283&cat=ut
- Clark, L. S. (2013). Cultivating the media activist: How critical media literacy and critical service learning can reform journalism education. *Journalism*, 14(7), 885-903. doi: 10.1177/1464884913478361
- Cohen D, Crabtree B. (2006). Qualitative research guidelines project. Diakses daripada <http://www.qualres.org/>
- Coronel, S. (2002). The role of the media in deepening democracy. Diakses daripada <http://unpan1.un.org/intradoc/groups/public/documents/un/unpan010194.pdf>
- Cullen, T. (2014). News editors evaluate journalism courses and graduate employability. *Asia Pacific Media Educator*. 24(2), 209–224. doi:10.1177/1326365X14555283
- Cullen, T., Tanner, S. J., O'Donnell, M. & Green, K. (2014). Industry needs an tertiary journalism education: Views from news editor. Diakses daripada <http://ro.uow.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?article=2110&context=lhapapers>
- Cremedias, M. & Lysak, S. (2011). "New media" skills competency expected of tv reporters and producers: A survey. *Electronic News*, 5(1), 41-59. doi: 10.1177/1931243111400391
- De Beer S. A. (2009). *Global journalism. Topical issues and media systems*. United States of America: Pearson.
- Denzin, NK. (1978). *Sociological methods*. New York: McGraw-Hill.
- Deuze, M. (2004). What is multimedia journalism. *Journalism Studies*, 5(2) 139–152. doi: 10.1080/1461670042000211131
- Donsbach, W. (2013). Journalism as the new knowledge profession and consequences for journalism education. *Journalism*, 15(6), 661–677. doi:10.1177/1464884913491347
- Faridah Ibrahim & Latiffah Pawanteh & Chang Peng Kee & Fuziah Kartini Hassan Basri & Badrul Redzuan Abu Hassan & Wan Amizah Wan Mahmud. (2011). Journalists and News Sources: Implications of Professionalism in War Reporting. *The Innovation Journal: The Public Sector Innovation Journal*, Vol. 16(3). Diakses daripada file:///C:/Users/user/Desktop/jurnal/profesionalisme/faridah_ibrahim_journalist_war_news_professionalism16v3i4a.pdf

- Faridah Ibrahim. (2003). Falsafah dan etika kewartawanan di Malaysia. Antara tuntutan profesionalisme dan kepentingan industri. *Jurnal Komunikasi*, 19, 59-78. Diakses daripada http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2003/V19_4.pdf
- Finberg, H. (2012). Journalism education cannot teach its way to the future. *A Global Leader in Journalism*. Diakses daripada <https://www.poynter.org/2012/journalism-education-cannot-teach-its-way-to-the-future/177219/>
- Filoreto, C. (2009). Backpack journalism. Diakses daripada <http://www.studentfilmmakers.com/news/how-to/Backpack-Journalism.pdf>
- Folkerts, J. (2014). History of journalism education. *Journalism & Communication Monographs*. doi:10.1177/1522637914541379.
- Friend, C. & Singer, J. S. (2007). *Online journalism ethics: Traditions and transitions*. New York: M.E. Sharp.
- Gentile, B. (2010). Defining backpack journalism-again. Diakses daripada <http://billgentile.com/news/defining-backpack-journalism-again/>
- Gentile, B. (2014). Backpack journalism – The demise of old-school storytelling?. Diakses daripada <http://www.georgianjournal.ge/society/27416-backpack-journalism-the-demise-of-old-school-storytelling.html>
- Groenhardt, H. (2013). From punishment to reward: Shifting perspectives on public media accountability. *School of Journalism*. Diakses daripada file:///C:/Users/user/Downloads/Groenhardt-2013_From-punishment-to-reward.-Global-Conference-on-Transparency-Research_Paris.pdf
- Hannis, G. (2012). Enhancing students' critical thinking in journalism education: an approach using historical primary journalism texts. *The Journal of the Association for Journalism Education*, 1(2), 76-86. Diakses daripada <http://journalism-education.org/wp-content/uploads/2012/11/Enhancing-students-critical-thinking.pdf>
- Hasilkan penulisan penuh tanggungjawab. (2015, April 30). *Sinar Online*. Diakses Jun 15, 2015, daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasional/hasilkan-penulisan-penuh-tanggungjawab-1.385388>

- Hallin, C. D. & Mancini, P. (2004). *Comparing media systems. Three models of media and politics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Heitah. (2006, September 30). Backpack journalism. Diakses daripada <http://everything2.com/title/Backpack+Journalism>
- Hicks, W., Adams, S., Gilbert, H., & Holmes, T. (2008). *Writing for journalists*. New York: Taylor & Francis.
- Hodgson, P. & Wong, D. (2011). *Developing professional skills in journalism through blogs. Assessment And Evaluation In Higher Education*. 36 (2), 197-201. Diakses daripada <https://hub.hku.hk/bitstream/10722/125491/1/Content.pdf>
- Hoffman, S. (2013). *Updating the journalist's toolbox: an analysis of the multimedia skills that journalism graduates need and employers want in today's converged newsroom (Masters dissertation)*. Published by ProQuest LLC (2013) (UMI Number: 1547057).
- Hofer, J. (2013). Is the internet changing journalism too much? is the internet changing journalism too much?. *The Journal of Education, Community and Values*, 3,35–40. Diakses daripada <http://commons.pacificu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1020&context=inter> 13
- Jorgensen, K. W. & Thomas, H. (2009). *The handbook of journalism studies*. New York: Taylor & Francis.
- Joseph, B. (2002). Ethic as regulatory mechanism? Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan IAMCR, Barcelona, Sepanyol, 21-26 Julai 2002.
- Kamarul Azmi jasmi. (2012, Mac). *Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif*. Kertas kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1, di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Ketterer, S., McGuire, J. & Murray, R. (2013). Contrasting desired sports journalism skills in a convergent media environment. *Communication & Sport*, 00(0), 1-17. doi:10.1177/2167479513482118


- Kovach, B. & Rosenstiel, T. (2001). *The elements of journalism*. New York: Three Rivers Press.
- Lingwall, A., & Kuehn, S. (2013). Measuring student self-perceptions of writing skills in programs of journalism and mass communication. *Journalism & Mass Communication Educator*, 68(4), 365–386. doi:10.1177/1077695813506991
- Maisarah Shaikh Rahim. (2015, September 11). Sedia terima kritikan. *Utusan Online*. Diakses Februari 8, 2016, dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/sedia-terima-kritikan-8211-tpm-1.134572>
- Majlis Ketua-Ketua Pengajian Komunikasi (COHECS). (2010). *Hala Tuju Pengajian Komunikasi dan Media di Malaysia*.
- Majlis malam penyampaian hadiah kewartawanan malaysia Mpi - Petronas 2011 - Office of The Prime Minister of Malaysia. (n.d.). Diakses daripada http://www.pmo.gov.my/home.php?menu=speech&page=1908&news_id=587&speech_cat=2
- Malaysian Press Institute (MPI). A premier training centre for journalists. penubuhan majlis media malaysia. Diakses daripada <http://mpi.my/majlis-media-malaysia>.
- Merrill, J. C. (1997). *Journalism ethics: Philosophical foundations for news media*. New York: St. Martin Press, Inc.
- Merican, A. M. (2001). Kematangan wartawan, Majlis Akhbar. *Utusan Online*. (2013, Januari 29). Diakses daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130129/re_06/Kematangan-wartawan-Majlis-Akhbar
- Mior Kamarul Shahid. (2015, Mei 9). Buku tulisan profesional masih kurang. *Berita Harian Online*. Diakses Februari 8, 2016, daripada <http://www.bharian.com.my/node/53805>
- Muhammad Shamsul Abd Ghani (2014, Disember 4). Tiba masanya majlis media ditubuhkan. *Sinar Online*. Diakses December 9, 2015, daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasional/tiba-masanya-majlis-media-malaysia-ditubuhkan-1.339156>
- Model curricula for journalism education; UNESCO series on journalism education; (2007). Diakses daripada <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001512/151209E.pdf>

- Model curricula for journalism education; UNESCO series on journalism education; (2013). A compendium of new syllabi. Diakses daripada December <http://unesdoc.unesco.org/images/0022/002211/221199E.pdf>
- Motlagh, N. E., Md Salleh Bin Hj Hassan, Jusang Bin Bolong, & Mohd. Nizam Osman. (2013). Role of education and work experience in journalists' Perception about journalism codes of ethics. *International Journal of Asian Social Science*. 3(8), 1819-1828. Diakses dari <http://www.aessweb.com/pdf-files/ijass%203%288%29,%201819-1828.pdf>
- M. Puvenesvary & Radziah Abdul Rahim & R. Sivabala Naidu & Mastura Badzis & Noor Fadhillah Mat Nayan & Noor Hashima Abd Aziz. (2011). *Qualitative reseacrh: Data collection & data analysis techniques*. Diakses daripada http://irep.iium.edu.my/30666/1/Qualitative_research_data_collection_%26_data_analysis_techniques_2.pdf
- Ng Miew Luan & Lim Lai Hoon. (2008). Journalism Education in Malaysia. *Media Asia*, 35(2), 84-100. Doi: 10.1080/01296612.2008.11726872
- Olajide, F., Benjamin, T. & Ogundeji, K. (2012). Effects of non- professionalism in nigeria journalism. *Global Journal Of Human Social Science*, 12(7). Diakses daripada https://globaljournals.org/GJHSS_Volume12/5-Effects-of-Non-Professionalism.pdf
- Ornebring, H. (2009). *The two professionalisms of journalism: Journalism and the changing context of work*. Kertas kerja dibentangkan di ICA (International Communication Association) Conference 'Communicating for Social Impact', 22– 26May, di Montreal, Canada.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan kualitatif, pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Talib. (2013). *Asas penulisan tesis penyelidikan dan statistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Patton, MQ. (1999). Enhancing the quality and credibility of qualitative analysis. *HSR: Health Services Research*, 34(5), 1189–1208. Diakses daripada <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC1089059/>
- Plater, D. (2015). Backpack journalism. Diakses daripada http://www.openschoolofjournalism.com/documents/13647/106563/JG030_Backpack-Journalism.pdf/0d87662a-d61f-4c87-a41b-d3dfb871c450

- Pritchard, D. (1991). The role of press councils in a system of media accountability: The case of quebec. *Canadian Journal of Communication*, 16(1). Diakses daripada <http://www.cjc-online.ca/index.php/journal/issue/view/58/showToc>
- Priyanka Tripathy & Pradip Kumar Tripathy. (2017). Fundamentals of research. A dissective view. Anchor Academic Publishing.
- Romney, A. K., Weller, S. C., & Batchelder, W. H. (1986). Culture as consensus: A theory of culture and informant accuracy. *American Anthropologist*, 88(2), 313-338. Diakses daripada <https://www.bebbr.ufl.edu/sites/default/files/Culture%20as%20Consensus.pdf>
- Rani Ann Balaraman, Faridah Ibrahim, Lawrence Arokiasamy & Sharifah Nadia Syed Mukhiar. (2016). Kewartawanan warga di malaysia: Satu kajian dari sudut pandangan wartawan warga. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 277-293.
- Schaich, M. J. V. & Klein, J. S. (2013). Entrepreneurial journalism education: Where are we now?. *Observatorio (OBS*) Journal*, 7, 185-211. doi: 10.7458/obs742013715
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman, Mohd Izani bin Mohd Zain. (2009). Pengukuhan nilai dan profesionalisme dikalangan penjawat awam ke arah efektif governan di malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(3), 559-592. Diakses daripada http://e-journal.um.edu.my/filebank/published_article/6607/5.%20PENGUKUHAN%20NILAI%20DAN%20PROFESIONALISME%20DI%20KALANGAN%20PENJAWAT%20AWAM%20KE%20ARAH%20EFEKTIF%20GOVERNAN%20DI%20MALAYSIA.pdf
- Splichal, Slavko & Sparks, Colin, 1947- (1994). *Journalists for the 21st century: Tendencies of professionalization among first-year students in 22 countries*. Norwood N.J: Ablex Publishing.
- Simon, M. (2011). Assumptions limitations. Diakses daripada <http://dissertationrecipes.com/wp-content/uploads/2011/04/AssumptionslimitationsdelimitationsX.pdf>
- Simon, M. & Goes. (2013). Assumptions, limitations, delimitations, and scope of the study. Diakses daripada <http://www.dissertationrecipes.com/wp-content/uploads/2011/04/Assumptions-Limitations-Delimitations-and-Scope-of-the-Study.pdf>

- Singer, J.B., Tharp, M. P. & Haruta, A. (1999). 'Online staffers: Superstars or second-class citizens?' *Newspaper research journal*, 20(3), 29-47. doi: 10.1177/073953299902000303
- Singer, J. B. (2003). Who are these guys? The online challenge to the notion of journalistic professionalism. *Journalism*, 4(2), 139-163. doi: 10.1177/146488490342001
- S. Rajasekar, P.Philominathan, & Chinnathambi. (2013). Research methodology. Diakses daripada <https://arxiv.org/pdf/physics/0601009v3.pdf>
- Stigbrand, K., & Nygren, N. (2013). Professional identity in changing media landscapes. Journalism education, journalism education in Sweden, Rusia, Poland, Estonia, and Finland. Diakses daripada <http://sh.diva.portal.org/smash/get/diva2:665879/FULLTEXT01.pdf>
- Wartawan harus berilmu, kata abu zahar. (2014, Januari 23). *Sinar Online*. Diakses Jun 15, 2015, daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasional/wartawan-harus-berilmu-kata-abu-zahar-1.243536>
- Wartawan wanita perlu lengkapi diri dengan kemahiran pengurusan. (2001, April 17). *Utusan Online*. Diakses Februari 17, 2015, daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0417&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm
- Wartawan malaysia jangan apalogetik. (2014, April 21). *Utusan Online*. Diakses Februari 18, 2015, daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140421/re_01/Wartawan-Malaysia-jangan-apologetik
- Segerakan penubuhan majlis media (2015, Oktober 7). *Utusan Online*. Diakses daripada Februari 18, 2015, dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/segerakan-penubuhan-majlis-media-1.143770>
- Veglis, A. & Pompotsis, A. (2014). Journalists in the Age of ICTs: Work demands and educational needs. *Journalism & Mass Communication Educator*, 69 (1), 61-75. doi: 10.1177/1077695813513766
- Ward, Stephen J. A. (2010). *Ethics for the new mainstream. The new journalist: Roles, skills, and critical thinking*. Toronto: Emond Montgomery Publications. Diakses daripada http://www.supportuw.org/wp-content/uploads/wwa_2010_ward_mainstream.pdf

- Waisbord, S. (2013). *Reinventing professionalism. Journalism and news in global perspective*. UK: Polity Press.
- Wenger, D., & Owens, L. C. (2013). An examination of job skills required by top U.S. broadcast news companies and potential impact on journalism curricula. *Electronic News*, 7(1), 22–35. doi:10.1177/1931243113484314
- Witschge, T. & Nygren, G. (2009). Journalism: A profession under pressure?. *Journal of Media Studies*, 6(1), 37-59. Diakses daripada https://research.gold.ac.uk/2128/1/Witschge_Nygren_Journalism_as_profession.pdf
- Yahya Bin Buntat. (2006). Kemahiran “employability” (soft skills) dan kepentingan penerapannya di kolej-kolej kediaman pelajar. Diakses daripada http://eprints.utm.my/135/2/YahyaBuntat2006_Kemahiranemployability%28soft_skill_s%29dan.pdf
- Ying Roselyn Du. (2014). what is needed versus what is taught. Students’ perception of online journalism courses in Hong Kong. *Asia Pacific Media Educator*. 24(2), 225–237. doi:10.1177/1326365X14555285



UUM
Universiti Utara Malaysia

Lampiran A: Contoh Surat Kebenaran Temu Bual

15 Mac 2016

Tuan,

Penyelidikan Pengurusan Media

Saya kini menjalankan satu penyelidikan yang bertajuk “Kewartawanan Solo dari Perspektif Editor Malaysia” bagi kursus Pengurusan Media di Universiti Utara Malaysia (UUM). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji beberapa masalah dan isu-isu industri kewartawanan di Malaysia. Sebagai *News Editor* yang berpengalaman dan berpengetahuan/ ahli akademik dan media Malaysia, pandangan yang diberikan akan memberi sumbangan yang amat berharga untuk kajian ini.

Saya berterima kasih sekiranya pihak tuan dapat meluangkan masa untuk ditemubual dalam masa kira-kira 30-40 minit pada masa, tempat dan tarikh mengikut kemudahan pihak tuan. Saya merancang untuk menjalankan temu bual itu pada bulan Mac 2016. Sekiranya pihak tuan tidak membenarkan segala maklumat peribadi dan identiti didedahkan, maklumat tersebut akan dirahsiakan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Bersama surat ini disertakan lampiran garis panduan soalan temubual untuk rujukan dan persediaan pihak tuan. Saya amat berbesar hati sekiranya pihak tuan dapat memberikan maklum balas persetujuan melalui e-mel ataupun *Whatsapp*. Sebarang maklumat lanjut dan pengesahan mengenai kajian ini, boleh hubungi penyelia saya Dr Awan Ismail, di talian 04-9284075 / 5900 atau melalui e-mel, awan@uum.edu.my.

Terima kasih atas kerjasama yang diberikan dan kami mengharapkan maklum balas yang secepatnya dari pihak tuan.

Penyelidik,

Nor Hafisya Fitri Bt Mozli
No. Tel: 0146418645
E-mel : fisyafitri@gmail.com

Penyelia,

Dr. Awan Ismail (UUM)
No. Tel: + 604 928 5900 / 4075
E-mel: awan@uum.edu.my

Lampiran B: Protokol Temu Bual

KEWARTAWANAN SOLO DARI PERSPEKTIF EDITOR MALAYSIA

PANDUAN SOALAN TEMU BUAL

Panduan soalan ini adalah untuk temu bual mengenai pendidikan kewartawanan di Malaysia. Maklum balas yang diberikan adalah untuk tujuan akademik sahaja.

Bahagian A: Latar belakang informan

Nama	
Umur	
Jantina	
warganegara	
Jawatan	
Jabatan	
Bidang	
Tahun berkhidmat	
Jawatan lama	
Pengalaman kerja lain	

Pendidikan

Diploma/Degree	
Universiti	
Kursus	
<i>Major/ Minor</i>	

Master	
Universiti	
<i>Tesis/Coursework</i>	
Jenis tesis	
Kaedah	

PhD	
Universiti	
Tesis	
Jenis kajian	
Kaedah	

Lampiran B: Protokol Temu Bual

Bahagian B: Pengetahuan umum pendidikan kewartawanan.

BIL	SOALAN
1	Bagaimanakah tahap kualiti universiti sekarang dalam melahirkan wartawan?
2	Adakah universiti merupakan tempat terbaik untuk menimba ilmu kewartawanan ?

Bahagian C: Kemahiran dalam kewartawanan solo.

BIL	SOALAN
1	Sejak menjadi editor, bagaimanakah perubahan yang dapat dilihat dalam penghasilan pelajar kewartawanan dari segi kemahiran mereka?
2	Adakah anda bersetuju bahawa pelajar memerlukan kemahiran yang tinggi sebagai wartawan solo? Mengapa? Contohnya?
3	Adakah anda bersetuju bahawa pelajar kewartawanan memerlukan kemahiran tertentu sebagai wartawan solo? Contohnya? Mengapa? Selain daripada kemahiran tersebut?
4	Adakah kemahiran tersebut perlu diterapkan di universiti? Mengapa?
5	Bagaimanakah kemahiran tersebut memberi sumbangan dalam industri kewartawanan?

Bahagian D: Kepelbagaian kemahiran dalam kewartawanan solo.

BIL	SOALAN
1	Adakah anda mengetahui tentang wartawan solo? Adakah perkara tersebut terjadi sekarang?
2	Apakah pandangan anda tentang wartawan solo?
3	Adakah peranan wartawan solo penting dalam industri kewartawanan? Mengapa ?
4	Apakah kemahiran yang diperlukan dalam wartawan solo?
5	Dengan kebangkitan wartawan solo, adakah terdapat kemahiran lain yang diperlukan sebagai seorang wartawan solo? Contohnya?

Lampiran B: Protokol Temu Bual

Bahagian E: Profesionalisme dalam kewartawanan solo.

BIL	SOALAN
1	Bagaimanakah tahap profesionalisme wartawan sekarang?
2	Adakah dengan mempunyai kepelbagaian kemahiran, profesionalisme wartawan solo dapat dikukuhkan?
3	Bagaimanakah kriteria profesionalisme wartawan solo?
4	Adakah profesionalisme wartawan dari segi kelayakan pendidikan, autonomi dan komitmen digunakan dengan sebaiknya?
5	Bagaimanakah kelayakan pendidikan ,autonomi dan komitmen wartawan solo boleh diaplikasikan dengan betul dalam industri kewartawanan walaupun tiada badan kawalan ditubuhkan?



UUM
Universiti Utara Malaysia

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

BAHAGIAN B: PENDIDIKAN KEWARTAWANAN				
DURASI	TRANSKRIP	KODING 1	KODING 2	RUMUSAN
00.00-12.40	Bagaimana encik melihat tahap kualiti universiti sekarang dalam melahirkan wartawan? Okay erm, <i>basically</i> universiti dia dah memberi satu ilmu dan kemahiran. Maknanya cukuplah untuk jadi asas sebagai wartawan tu ada lah. Tetapi bila dia masuk untuk jadi wartawan itu, kita terpaksa buat <i>retraining</i> baliklah untuk semua wartawan sebab semua media-media yang kat Malaysia ini dia tidak sama dia punya <i>house style</i>. <i>House style</i> tidak sama, <i>style</i> setiap media tu tidak sama. Contoh, Utusan, kita tengok Utusan dia lebih politik sikit, kalau Kosmo kita <i>lebih Human Interest</i>, kita banyak <i>story-story crime</i>, haa macam tu, ataupun <i>story-story</i> laporan khas. Tapi <i>basically</i> semua media adalah sama. Tapi pada saya untuk soalan pertama ni, cukuplah untuk memulakan kerjaya mereka sebagai seorang wartawan. Sebab kalau kita nak kata tak cukup, kita tak boleh nak <i>blaim</i> universiti, sebab macam saya kata tadi, kita punya	<i>“basically</i> universiti dia sudah memberi satu ilmu dan kemahiran” “Maknanya cukuplah untuk jadi asas sebagai wartawan itu ada lah” “Tetapi bila dia masuk untuk jadi wartawan itu, kita terpaksa buat <i>retraining</i> baliklah untuk semua wartawan sebab semua media-media yang kat Malaysia ni dia tidak sama dia punya <i>house style</i>” “cukuplah untuk memulakan kerjaya mereka sebagai seorang wartawan” “Tapi saya ada nampak la ada beberapa <i>student</i> praktikal yang datang ke sini, yang masa tu dia dah ada <i>character</i> untuk menjadi seorang wartawan” “Tetapi dari segi penulisan, yang tu ada sikit masalah” “pada saya separuh, maksudnya dia tak boleh lagi jadi 100% wartawan,	Tahap kualiti universiti dalam melahirkan wartawan: - Universiti telah memberikan satu ilmu dan kemahiran, dan ianya cukup untuk menjadi asas dan memulakan kerjaya sebagai seorang wartawan. - wartawan perlu dilatih semula kerana <i>house style</i> setiap media yang ada di Malaysia adalah berbeza. - Kebanyakan pelajar praktikal dilihat telah mempunyai ciri-ciri untuk menjadi wartawan, namun terdapat masalah dari segi penulisan. - Latihan yang diberikan adalah Bahasa, sikap	Informan tiga mengatakan bahawa tahap kualiti universiti dalam melahirkan wartawan telah cukup untuk menjadi asas bagi memulakan kerjaya sebagai seorang wartawan, hal ini kerana universiti telah memberikan ilmu dan kemahiran. Namun, wartawan perlu dilatih semula apabila telah terlibat dalam industri kewartawanan, hal ini disebabkan oleh <i>house style</i> yang berbeza di setiap media. Selain itu, informan tiga juga menyatakan terdapat beberapa pelajar praktikal yang telah mempunyai ciri-ciri seorang wartawan, namun mempunyai masalah dari segi penulisan. Justeru itu, antara latihan yang diberikan adalah <i>house style</i>, Bahasa,

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	<i>style</i> yang berbeza tu yang menyebabkan tak samalah wartawan yang kita nak lahirkan tu dia lain sikit, sebab tu saya cakap tadi, kita kena <i>retraining</i> balik, kita kena asuh balik, ajar balik. Tapi saya ada nampak la ada beberapa <i>student</i> praktikal yang datang ke sini, yang masa tu dia dah ada <i>character</i> untuk menjadi seorang wartawan. Maksudnya universiti mungkin dah menyediakannya la. Tapi dari segi penulisan, yang tu ada sikit masalah, pada saya kalau <i>you</i> tanya adakah universiti sekarang melahirkan wartawan yang berkualiti, pada saya separuh, maksudnya dia tak boleh lagi jadi 100% wartawan, dari segi Bahasa, pengetahuan am, yang tu dia nak kena <i>build</i>, kemudian dari segi dia punya sikap dan nilai. Itu yang paling penting. <i>Training</i> yang diberikan tu adalah dari segi Bahasa, house style, dan sikap yang betul. Untuk menjadi seorang wartawan, pertama dia mesti ada <i>level of confident</i> yang sangat tinggi, kalau dia takde <i>level confident</i> yang sangat tinggi pon dia ada <i>fifty or sixty percent</i> tu dah okay dah, jangan kata dia takut-takut, malu-malu, tu macam tak	dari segi Bahasa, pengetahuan am, yang tu dia nak kena <i>build</i>, kemudian dari segi dia punya sikap dan nilai. Itu yang paling penting” segi Bahasa, <i>house style</i>, dan sikap yang betul” “Untuk menjadi seorang wartawan, pertama dia mesti ada <i>level of confident</i> yang sangat tinggi” “Selain tu kemahiran menulis, kemahiran untuk mencari maklumat, itu pon sebenarnya adalah satu <i>skill</i> yang kena belajar” “Pengambilan wartawan di sini ada dua acara, satu melalui dia dah ada pengalaman” “Tapi kalau dia tidak ada pengalaman, kita tengok nilai-nilai lain yang dia ada la, yang ni agak sukar sikit, sebab dulu-dulu memang kita akan ambil orang yang ada <i>background</i>, tapi sekarang ni kita dah berubah sikit, yang mana kita ambil jugak orang yang <i>background</i> dia berbeza, tak	yang betul, dan <i>house style</i>. Untuk menjadi wartawan, wartawan perlu: • Mempunyai tahap keyakinan yang tinggi. • Kemahiran menulis. • Kemahiran mencari maklumat. Dua cara pengambilan wartawan: • Pengalaman. • Latar belakang. Sumbangan bidang lain: • Mempunyai wartawan yang berkemahiran atau pakar dalam bidang tertentu.	dan sikap yang betul. Informan tiga turut menyatakan bahawa untuk menjadi seorang wartawan, wartawan perlu mempunyai tahap keyakinan yang tinggi, kemahiran menulis, dan kemahiran mencari maklumat. Informan tiga memberi pendedahan tentang cara pengambilan wartawan di kosmo adalah melalui pengalaman dan latar belakang individu tersebut. Informan tiga turut menyatakan bahawa, bukan sahaja individu dari golongan graduan <i>journalism</i> yang diambil, malah bidang lain turut menjadi pilihan, kerana ianya memberikan sumbangan dengan mempunyai wartawan yang pakar dalam sesuatu bidang.
--	---	---	--	---

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	berapa nak bagus la untuk wartawan tu. Selain tu kemahiran menulis, kemahiran untuk mencari maklumat, itu pon sebenarnya adalah satu <i>skill</i> yang kena belajar. Sebab contohnya bila kita buat <i>story</i> tu, kita banyak nak info, kita nak <i>informative</i>, bila <i>informative</i> tu kena kreatif untuk cari bahan, cari info, dia tak boleh fikir satu hala je, untuk jadi wartawan ni dia kena banyak cabang pemikiran dia. Pengambilan wartawan di sini ada dua acara, satu melalui dia dah ada pengalaman, itu kalau kita tengok dia ada pengalaman kita akan pilih untuk saringan peringkat awal. Tapi kalau dia tidak ada pengalaman, kita tengok nilai-nilai lain yang dia ada la, yang ni agak sukar sikit, sebab dulu-dulu memang kita akan ambil orang yang ada <i>background</i>, contoh macam <i>you</i> kan, UUM, bidang <i>journalism</i>, okay mungkin kriteria kita tu la, tapi sekarang ni kita dah berubah sikit, yang mana kita ambil jugak orang yang <i>background</i> dia berbeza, tak semestinya dia belajar <i>journalism</i>, mungkin dia belajar <i>biology</i>, <i>law</i>, kita ambil jugak.	semestinya dia belajar <i>journalism</i>, mungkin dia belajar <i>biology</i>, <i>law</i>, kita ambil jugak”		
--	---	--	--	--

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	Kalau bidang lain diambil, apa sumbangan dia kepada industri? Eh banyak, sekurang-kurangnya kita ada orang yang ada kemahiran yang tertentu tu, kalau dia bidang sains kan, kita boleh jadikan dia wartawan Rencana, kalau dia ada background dalam <i>law</i>, kita boleh jadikan dia wartawan meja Mahkamah, ataupun <i>crime</i>, tapi yang saya cakap ni memang kita dah amalkan, saya rasa sudah dekat 10 tahun kot, kat sini dia ada satu cabaran baru kepada bidang-bidang yang ditawarkan di universiti. Mungkin peluang dalam bidang <i>journalism</i> jadi tertutup sebab peluang yang ada itu sudah diisi oleh orang lain. Ada editor kita <i>background</i> dia perhutanan, <i>biology</i>, pengajian islam.	“Eh banyak, sekurang-kurangnya kita ada orang yang ada kemahiran yang tertentu tu, kalau dia bidang sains kan, kita boleh jadikan dia wartawan Rencana, kalau dia ada background dalam <i>law</i>, kita boleh jadikan dia wartawan meja Mahkamah, ataupun <i>crime</i>”		
12.41-13.20	Adakah universiti merupakan tempat terbaik untuk menimba ilmu kewartawanan ataupun bukan sahaja di universiti? Sebenarnya masih tempat terbaik, masih tempat terbaik untuk belajar. Selain universiti? Di alam pekerjaan.	“masih tempat terbaik untuk belajar” “Di alam pekerjaan”	Tempat terbaik untuk menimba ilmu kewartawanan: • Universiti • Ketika bekerja.	Informan tiga menyatakan bahawa universiti masih merupakan tempat terbaik untuk belajar ilmu kewartawanan, namun selain itu, alam pekerjaan juga merupakan saluran untuk belajar ilmu kewartawanan.

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

BAHAGIAN C: KEMAHIRAN KEWARTAWANAN SOLO				
DURASI	TRANSKRIP	KODING 1	KODING 1	RUMUSAN
13.21-17.19	Sebagai seorang editor bagaimana encik melihat perubahan dari segi penghasilan pelajar <i>journalism</i> ni dari segi kemahiran mereka bila mereka masuk dalam industri ni? Perubahan ni selalunya kita akan bagi tempoh 3 bulan, tapi 3 bulan ni tak nampak lagi, dia ambil masa, tapi 3 bulan ni kita boleh tengok dari segi <i>attitude</i>, sikap, dari segi tu dia tak boleh nak <i>master</i> lagi. Selalunya <i>reporter-reporter</i> baru ni dia ada masalah dari segi pemilihan <i>angle</i> yang tepat, contohnya dia pergi satu <i>assignment</i> dia nak <i>highlight</i> apa. Fokus apa, apa <i>story</i> yang menarik perhatian pembaca. Fokus, <i>angle</i>, menarik perhatian pembaca yang ada nilai berita, kena ingat. Yang paling penting ialah nilai berita. Nilai berita ini maksudnya, orang ramai bila tengok sahaja tajuk, tengok je <i>story</i> tu dia nak Maksudnya, dari penghasilan pelajar kewartawanan ni, dari segi nilai berita dan penulisan tu masih kurang lagi?	“akan bagi tempoh 3 bulan, tapi 3 bulan ini tidak nampak lagi, dia ambil masa, tapi 3 bulan ini kita boleh tengok dari segi <i>attitude</i>, sikap, dari segi tu dia tak boleh nak <i>master</i> lagi” “<i>reporter-reporter</i> baru ini dia ada masalah dari segi pemilihan <i>angle</i> yang tepat” “Fokus, <i>angle</i>, menarik perhatian pembaca yang ada nilai berita, kena ingat. Yang paling penting ialah nilai berita” “Ye memang, kena sentiasa di <i>training</i> lagi. So <i>event reporter</i> yang dah kerja dekat 10 tahun pon kita kena <i>train</i>, <i>train</i> balik”	perubahan dari segi penghasilan pelajar <i>journalism</i> ni dari segi kemahiran mereka bila mereka masuk dalam industri ni: - perubahan tidak dapat dilihat dalam masa cuma tiga bulan, namun dari sikap dilihat masih belum boleh dikuasai. - Kebanyakan wartawan baru mempunyai masalah dari segi pemilihan <i>angle</i> fokus yang tepat yang mempunyai nilai berita dan menarik minat pembaca. - Pelajar perlu dilatih lagi dan sentiasa dilatih walaupun telah menjadi wartawan dalam jangkamasa 10 tahun.	Informan tiga menyatakan bahawa perubahan dari segi penghasilan pelajar <i>journalism</i> dari segi kemahiran bila memasuki industri tidak dapat dilihat dalam masa yang singkat, namun dari segi sikap dilihat bahawa pelajar masih belum menguasai sepenuhnya. Selain itu, kebanyakan wartawan baru juga dilihat mempunyai masalah dari segi pemilihan <i>angle</i>, fokus berita yang tepat dan mempunyai nilai berita. Oleh itu, pelajar perlu dilatih dan

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	Ye memang, kena sentiasa di <i>training</i> lagi. <i>So event reporter</i> yang dah kerja dekat 10 tahun pon kita kena <i>train, train</i> semula.			sentiasa dilatih.
17.38-22.50	Kemahiran tu, kemahiran apa yang paling asas yang diperlukan wartawan solo? Kemahiran penguasaan Bahasa, penulisan. Kemahiran Bahasa ini adalah kemahiran Bahasa Malaysia dan <i>english</i>, kalau <i>English</i> tu di media ni sekadar memahami tu <i>okay</i> la kan, tetapi penulisan tu, kita tidak menulis dalam <i>English</i>, tapi pemahaman dalam <i>English</i> itu penting lah. Pemahaman dalam <i>English</i> tu penting contoh kalau dia pergi ke meja ekonomi, memang <i>English</i>, kalau dia pergi ke meja luar negara, dia kena baca <i>English</i>.	Kemahiran penguasaan Bahasa, penulisan” “Kemahiran Bahasa ini adalah kemahiran Bahasa Malaysia dan <i>english</i>, kalau <i>English</i> itu di media ini sekadar memahami itu <i>okay</i> la kan”	Kemahiran asas yang diperlukan: • Kemahiran penulisan • Kemahiran Bahasa melayu dan <i>English</i>.	Informan tiga menyatakan bahawa terdapat dua kemahiran asas yang diperlukan, antaranya adalah kemahiran penulisan dan kemahiran penggunaan Bahasa melayu serta <i>English</i>.
22.51-26.29	Selain daripada kemahiran menulis dan berbahasa melayu serta <i>English</i>, ada tak lagi kemahiran lain yang diperlukan wartawan solo? Pada saya kemahiran lain itu.. kemahiran menganalisis, kebolehan untuk menganalisis sesuatu <i>event</i> dengan subjek.	“kemahiran menganalisis, kebolehan untuk menganalisis sesuatu <i>event</i> dengan subjek”	Kemahiran lain yang diperlukan: Kemahiran menganalisis sesuatu event dan subjek	Informan tiga menyatakan bahawa wartawan juga perlu mempunyai kemahiran menganalisis sesuatu majlis dan subjek.

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

26.30-39.38	kalau dari segi <i>hard skill</i> selain kemahiran menulis, ada tak lagi kemahiran lain yang diperlukan? Kalau <i>hard skill</i> ini macam penggunaan <i>computer</i> la kan, tapi <i>computer</i>, setiap media dia tak sama, dia guna sistem yang berbeza, Cuma bezanya zaman dulu dengan sekarang ni, sekarang ni kita dah ada <i>phone</i>, banyak <i>story-story</i> sekarang ni hantar guna <i>phone</i>. Selain itu perlu banyak membaca, itu yang paling penting, tak ramai <i>reporter</i> yang boleh buat, dia kita setiap hari kena tahu. Kemahiran digital ni penting pada masa akan datang.	“Kalau <i>hard skill</i> ni macam penggunaan <i>computer</i> la kan, tapi <i>computer</i>, setiap media dia tak sama, dia guna sistem yang berbeza, Cuma bezanya zaman dulu dengan sekarang ni, sekarang ni kita dah ada <i>phone</i>, banyak <i>story-story</i> sekarang ni hantar guna <i>phone</i>, itu saya fikir tidak perlulah nak kuasai sangat kot” “perlu banyak membaca, itu yang paling penting, tiak ramai <i>reporter</i> yang boleh buat” “Kemahiran digital ini penting pada masa akan datang”	• penggunaan komputer. • Digital dan multimedia	Selain itu, informan juga menyatakan bahawa kemahiran penggunaan komputer dan digital serta multimedia adalah antara <i>hard skill</i> yang diperlukan dan ianya perlu diterapkan di universiti. Informan menyatakan bahawa kemahiran digital penting kerana telah banyak media atas talian, oleh itu perlu belajar asas tentang editing gambar, dan grafik <i>design</i>.
--------------------	---	--	--	--

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

BAHAGIAN D: SOLO JOURNALISM				
DURASI	TRANSKRIP	KODING 1	KODING 2	RUMUSAN
42.14-50.32	Soalan seterusnya adalah tentang <i>solo/backpack journalism</i>, ianya macam yang encik cakap tadi, di mana satu hari nanti kita akan ada wartawan yang boleh menulis, edit, dan sebagainya, jadi apa pendapat encik tentang <i>solo journalism</i> ni, adakah ianya akan memberi kepentingan kepada industri kalau wartawan ni nanti dia amalkan kemahiran macam tu? Kita pernah bercakap tentang itu, idea ni pernah muncul tapi kita tak boleh dilaksanakan sebab ada beberapa kekangan. Dulu, kita ada masalah dari segi <i>space</i>, kemudahan, maksud saya <i>computer</i> tak cukup, banyak yang tak cukup. Masa tu bangunan ni belum lagi dibina, ada masalah dari segi <i>parking</i>, jadi muncul idea, <i>reporter</i> tidak perlu masuk ke pejabat, <i>reporter</i> bekerja di luar dengan cara dia dibekalkan dengan laptop, dengan <i>handphone</i>, <i>data plan</i>, jadi lepak kat mana-mana, dia buat <i>story</i> la “tapi tidak boleh nak buat, sebab proses mentoring tu tiada, kalau <i>reporter</i> lama mungkin boleh, <i>reporter</i> baru ni susah” “komunikasi, <i>mentoring</i>, terutama yang baru, dan yang ketiga dari segi disiplin” “kalau di paper, mungkin kita tidak bersedia lagi tentang	“ idea ini pernah muncul tapi kita tidak boleh dilaksanakan sebab ada beberapa kekangan” “Dulu, kita ada masalah dari segi <i>space</i>, kemudahan, maksud saya <i>computer</i> tak cukup, banyak yang tak cukup. Masa tu bangunan ni belum lagi dibina, ada masalah dari segi <i>parking</i>” “jadi muncul idea, <i>reporter</i> tidak perlu masuk ke pejabat, <i>reporter</i> bekerja di luar dengan cara dia dibekalkan dengan laptop, dengan <i>handphone</i>, <i>data plan</i>, jadi lepak kat mana-mana, dia buat <i>story</i> la”	Idea solo journalism pernah muncul disebabkan oleh: • Tidak cukup ruang untuk bekerja. • Masalah parking. • Tidak cukup komputer. Namun tidak boleh dilaksanakan disebabkan oleh beberapa kekangan: • Tiada proses mentoring iaitu proses teguran wartawan baru. • Masalah komunikasi. • Masalah disiplin. Jadi di akhbar belum bersedia lagi, tapi untuk online telah mula. • Wartawan yang menghantar <i>story</i> ketika masih di <i>event</i>, juga dikira sebagai <i>solo journalism</i>. Kepentingannya: • Mempercepatkan proses pengeluaran berita. Solo journalism dalam industri: • Di kosmo telah mula	Informan tiga menyatakan bahawa idea mengenai <i>solo journalism</i> telah muncul dulu, disebabkan oleh masalah tidak mempunyai ruang, komputer, parking yang mencukupi. Namun, ianya tidak boleh dilaksanakan kerana terdapat beberapa halangan dari segi proses teguran untuk wartawan baru terutama, masalah komunikasi, dan juga masalah disiplin.

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	tu takde, kalau <i>reporter</i> lama mungkin boleh, <i>reporter</i> baru ni susah. Sebab proses dia bila dia buat <i>story</i> tu kita akan panggil, kita edit <i>story</i>, dan ajar dia. Jadi dia ada di sebelah. Boleh je telefon, tapi kadang-kadang telefon ni tak jawab la, x angkat la, macam-macam la kan. Selain itu, kekangan dari segi komunikasi, nak <i>call</i> tak dapat kadang-kadang. Tapi dibangkitkan balik benda tu. Itu yang kita tak nak la, komunikasi, <i>mentoring</i>, terutama yang baru, dan yang ketiga dari segi disiplin. Mentor tadi tu termasuk proses teguran ye. Sebab kita di sini memang buat teguran secara terbuka. Dari situ kita akan jadi lebih bagus. Tapi kalau di paper, mungkin kita tak bersedia lagi tentang benda macam tu, tapi kalau untuk online, memang kita dah start. Memang di kalangan kita punya <i>reporter news desk</i>, selepas je habis <i>event</i> tu dia akan hantar satu atau tiga para <i>story</i> apa yang berlaku tentang <i>event</i>. Jadi itu kira <i>solo journalism</i> la. Jadi itu dah boleh digelarkan sebagai	benda macam tu, tapi kalau untuk online, memang kita dah start” “Memang di kalangan kita punya <i>reporter news desk</i>, selepas je habis <i>event</i> tu dia akan hantar satu atau tiga para <i>story</i> apa yang berlaku tentang <i>event</i>. Jadi itu kira <i>solo journalism</i> la” proses pengeluaran berita akan jadi lebih cepat. “Tapi apa yang saya nak sampaikan adalah benda ni dah start, dah mula di semua industri media kewartawanan. Adalah dalam 5 tahun macam tu. Kalau kat kosmo ni ada lah dalam 2 tahun” “So kalau <i>you</i> tengok benda tu satu trend la dalam media house, mungkin kalau dalam masa hadapan itu adalah satu perubahan yang besar lah. Sebab bagi saya satu hari nanti industri surat khabar akan mengalami penurunan. Jadi universiti kena bersedia lah, kalau orang tanya saya, saya cakap lagi 5 hingga 10 tahun lagi. Kena bersedia tu maksudnya dia dah kena ada satu kursus-kursus multimedia”	lebih kurang dua tahun. • Di akhbar lain mungkin telah mula lebih kurang 5 tahun. • Merupakan satu <i>trend</i> dalam <i>media house</i>, akan menjadi perubahan besar pada masa hadapan, kerana mungkin akhbar akan mengalami penurunan dalam masa 5 hingga 10 tahun akan datang. Kemahiran multimedia: • Menjadi satu kepentingan pada masa sekarang dan masa akan datang.	Akhbar belum bersedia lagi untuk mengamalkan solo journalism, namun online telah mula dalam solo journalism. Tetapi, wartawan yang menghantar story ketika event berlangsung, ia boleh digelar sebagai solo journalism dan mempunyai kepentingan kerana mempercepatkan proses pengeluaran berita. Informan tiga juga menyatakan, solo journalism telah diamalkan di kosmo selama dua tahu, manakala 5 tahun di media lain.
--	---	---	--	---

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	solo journalism? Boleh, dan benda tu, editor tengok jugak, dia akan hantar melalui wasap, kita baca, editor <i>online</i> tu dia akan lepaskan la, dan proses pengeluaran berita akan jadi lebih cepat. Selain daripada mempercepatkan proses tu apa lagi kelebihan yang ada untuk solo journalism ni? Sama sahaja dengan kelebihan yang saya sebutkan tadi. Tetapi apa yang saya nak sampaikan adalah benda ni dah start, dah mula di semua industri media kewartawanan. Adalah dalam 5 tahun macam tu. Kalau kat kosmo ni ada lah dalam 2 tahun. So kalau you tengok benda itu satu <i>trend</i> la dalam <i>media house</i>, mungkin kalau dalam masa hadapan itu adalah satu perubahan yang besar lah. Sebab bagi saya satu hari nanti industri surat khabar akan mengalami penurunan. Jadi universiti kena bersedia lah, kalau orang tanya saya, saya cakap lagi 5 hingga 10 tahun lagi. Kena bersedia itu maksudnya dia dah kena ada satu kursus-kursus multimedia. Jadi maknanya kemahiran			Jika dilihat ianya merupakan satu trend dalam media house yang akan menjadi perubahan besar pada masa hadapan kerana ada kemungkinan akhbar akan mengalami penurunan pada 5 hingga 10 tahun akan datang. Oleh sebab itu, kemahiran multimedia menjadi satu kepentingan pada masa sekarang dan masa akan datang.
--	---	--	--	---

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	multimedia itu akan menjadi satu kepentingan untuk masa sekarang dan masa akan datang? Yes.			
50.33-54.43	Jadi encik junhairi setuju atau tidak kalau solo journalism ni kita amalkan di industri? Kalau untuk kita di Kosmo, kita tidak bersedia lagi untuk itu, tetapi di <i>national geografi</i>, di <i>over sea</i>, seorang <i>reporter</i> dia boleh cakap di editor dia nak buat satu <i>special report</i> tentang orang asli dan editor dia boleh bagi kebenaran kat dia untuk duduk setahun bersama orang asli. Tapi dengan syarat dia menghasilkan bahan yang betul-betul berkualiti. Eh tapi, kita ada jugak hantar <i>reporter</i> kat <i>state</i>, sorang je duduk. Kita di penang ada sorang, seberang prai ada sorang. Jadi kalau seorang wartawan tu ada semua pakej tu itu satu benda yang bagus untuk bekerja dalam industri. Yang paling penting apabila dia menjadi wartawan solo, dia kena ada <i>contact</i> yang sangat kuat, sebab macam mana dia sorang nak dapatkan bahan-bahan menarik di satu tempat itu, kata	“Kalau untuk kita di Kosmo, kita tak <i>ready</i> lagi untuk itu” “tapi, kita ada jugak hantar <i>reporter</i> kat <i>state</i>, sorang je duduk. Kita di penang ada sorang, seberang prai ada sorang. Jadi kalau seorang wartawan tu ada semua pakej tu itu satu benda yang bagus untuk bekerja dalam industri” “Yang paling penting apabila dia menjadi wartawan solo, dia kena ada <i>contact</i> yang sangat kuat” “Reporter kita yang solo kat <i>state</i> pon dia tak masuk <i>office</i>, dia duduk di luar, buat <i>story</i> kat luar, <i>contact</i> yang penting dan dibantu oleh data <i>internet</i> yang kuat”	Solo journalism diamalkan di industri: • Di kosmo belum bersedia untuk solo journalism. • Namun telah menghantar wartawan di beberapa negeri. • Wartawan yang mempunyai semua pakej kemahiran adalah bagus untuk bekerja dalam industri. Yang diperlukan untuk solo journalism: • <i>Contact</i> yang kuat. • Internet yang kuat.	Informan menyatakan bahawa, kosmo belum bersedia untuk solo journalism, namun walaupun begitu, kosmo ada menghantar wartawan di beberapa negeri. Wartawan yang mempunyai pakej kemahiran adalah wartawan yang terbaik untuk bekerja dalam industri. Untuk menjadi <i>solo journalism</i>, wartawan perlu mempunyai <i>contact</i> dan data internet yang kuat.

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	lah dia jaga Terengganu, macam mana dia sorang, tapi dia boleh tau berita-berita penting di Terengganu. Kaedahnya adalah <i>contact</i>. Reporter kita yang solo di <i>state</i> pon dia tidak masuk <i>office</i>, dia duduk di luar, buat <i>story</i> di luar, <i>contact</i> yang penting dan dibantu oleh data <i>internet</i> yang kuat.			
--	--	--	--	--

BAHAGIAN E: PROFESIONALISME				
DURASI	TRANSKRIP	KODING 1	KODING 2	RUMUSAN
50.44-58.55	Bagaimana encik melihat tahap profesionalisme wartawan sekarang? kerana terdapat isu tentang tahap profesionalisme wartawan ni kurang. Ada dalam kalangan kita Ini menjadi wartawan kerana beberapa faktor. Satu minat, dua mungkin dia ada satu agenda tertentu, ketiga sekadar nak cari kerja, nak cari makan, jadi benda ni mempengaruhi profesionalisme wartawan. Kalau dia mempunyai satu pation yang tinggi, cara dia menulis tu berbeza. Mungkin bahan yang	Ada dalam kalangan kita ni menjadi wartawan kerana beberapa faktor. Satu minat, dua mungkin dia ada satu agenda tertentu, ketiga sekadar nak cari kerja, nak cari makan, jadi benda ni mempengaruhi profesionalisme wartawan” “Mungkin bahan yang dihasilkan tu jauh lebih baik daripada sekadar nak bekerja, makan gaji setiap bulan” “dari segi keseluruhannya, perlu dikukuhkan lagi” “Secara	Tahap profesionalisme wartawan: • Perlu dikukuhkan lagi kerana terdapat perbezaan wartawan sekarang dengan dulu yang kebanyakannya memasuki industri hanya untuk bekerja dan gaji semata-mata, bukan kerana minat. • Berbanding wartawan dulu yang tahap profesionalismenya tinggi kerana sikap cintakan negara. Tahap profesionalisme di media lain tinggi, namun di kosmo masih kurang kerana kebanyakannya adalah wartawan muda yang kurang pengalaman.	Informan menyatakan bahawa, tahap profesionalisme wartawan secara keseluruhannya perlu dikukuhkan lagi, hal ini kerana beberapa faktor iaitu tujuan individu menjadi seorang wartawan sama ada kerana minat – mata ataupun gaji semata.

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	dihasilkan tu jauh lebih baik daripada sekadar nak bekerja, makan gaji setiap bulan. Saya ingat semua bidang pon macam tu. Tapi dari segi keseluruhannya, perlu dikukuhkan lagi. Sebab saya tengok wartawan yang dulu, tahap profesionalisme dia lain, sebab orang dulu-dulu, dia menulis atas sebab banyak benda, mungkin cintakan negara suka dengan bidang tu, suka dengan subjek-subjek . Secara keseluruhannya, kalau di media lain, saya rasa tahap profesionalismenya tinggi la.tapi kalau di Kosmo, kita punya reporter ni masih kurang sikit, sebab <i>majority</i> reporter kita semua muda-muda, jadi dari segi pengalaman tu memang sangat kurang” Pengalaman memainkan peranan dalam profesionalisme.	keseluruhannya, kalau di media lain, saya rasa tahap profesionalismenya tinggi la.tapi kalau di Kosmo, kita punya reporter ni masih kurang sikit, sebab <i>majority</i> reporter kita semua muda-muda, jadi dari segi pengalaman tu memang sangat kurang”		
58.56-59.18	Selain daripada pengalaman, kemahiran yang encik sebutkan tadi berperanan tak dalam mengukuhkan profesionalisme	“Ye, sangat penting untuk kukuhkan profesionalisme wartawan”	Cara mengukuhkan profesionalisme: • Pengalaman Kemahiran.	Informan menyatakan pengalaman dan kemahiran berperanan

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	wartawan? Ye, sangat penting untuk kukuhkan profesionalisme wartawan.			mengukuhkan profesionalisme wartawan.
59.19-01.00.42	Apakah antara kriteria dalam profesionalisme? Kena pemikiran yang tajam, bertanggungjawab, bersedia untuk dikritik, bersedia untuk mempertahankan apa yang ditulis, menguasai Bahasa, menguasai penulisan, menguasai Bahasa, menguasai pengetahuan am.	“bertanggungjawab, bersedia untuk dikritik, bersedia untuk mempertahankan apa yang ditulis, menguasai Bahasa, menguasai penulisan, menguasai Bahasa, menguasai pengetahuan am”	Kriteria profesionalisme: • Bertanggungjawab • Bersedia dikritik • Mempertahankan hasil penulisan • Menguasai penulisan • Menguasai Bahasa. • Menguasai pengetahuan am	Informan menyatakan bahawa terdapat tujuh kriteria profesionalisme antaranya adalah bertanggungjawab, bersedia dikritik, mempertahankan hasil penulisan, menguasai penulisan, menguasai Bahasa, dan menguasai pengetahuan am.
01.01.43-01.03.30	Selain dari tu, kalau dari segi kebebasan berkarya adakah wartawan menggunakannya dengan betul? Basically, semua <i>reporter</i> dia memahami dengan jelas objektif syarikat. Jadi tahu apa yang dia nak buat. Kalau diutuskan dia dah tahu macam mana, kalau di kosmo dia dah tahu macamana. Itu satu. Yang kedua dari segi	“Basically, semua <i>reporter</i> dia memahami dengan jelas objektif syarikat” “Yang kedua dari segi autonomi, memang kita di sini, memang kita bagi <i>full</i> autonomi lah, dia nak buat apa saja boleh, tapi selepas itu kita akan guide la” Memang, memang boleh,	Kriteria profesionalisme: • Autonomi	Informan menyatakan bahawa Autonomi merupakan kriteria profesionalisme dan boleh membantu mengukuhkan profesionalisme.

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	autonomi, memang kita kat sini, memang kita bagi <i>full</i> autonomi lah, dia nak buat apa saja boleh, tapi selepas itu kita akan guide la, apa yang tak sesuai kita akan <i>advice</i> la, ni tak sesuai. Adakah autonomi ni boleh mengukuhkan profesionalisme atau tidak? Memang, memang boleh, memang diberi kebebasan sepenuhnya untuk mengolah bahan itu mengikut idea dan pandangan dia lah, dan kita di editor akan <i>guide</i>, <i>guide</i> dia macam mana cara, dan mungkin kadang-kadang kita editor akan tengok ada beberapa angle yang mungkin dia tak kembangkan, kat situ mungkin dia boleh <i>adapth</i>. Setiap <i>reporter</i> yang ada di sini, <i>contohnya news desk</i>, dia orang akan setiap kali habis <i>assignment</i> akan datang jumpa saya, dan dia orang tanya, apa <i>angle</i> yang nak dibuat, saya akan <i>guide</i> la,			
01.03.56-01.04.40	Kalau dari segi komitmen, komitmen dalam menjalankan tugas ni, macam encik cakap tadi	“sikap yang betul, sebab di sini sikap adalah segala-galanya”	Kriteria profesionalisme: • Komitmen	Informan menyatakan bahawa, sikap yang betul dalam

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	 mungkin ada sesetengah wartawan kurang minat. Benda pertama, masa mereka mula-mula masuk ke sini, benda yang pertama saya cakap, pasal sikap, saya akan cakap sikap yang betul, sebab kat sini sikap adalah segala-galanya. Adakah jika wartawan menggunakan autonomi, kepakaran, dan mempunyai komitmen yang tinggi dia akan membantu kukuhkan profesionalisme? Ye.			komitmen juga antara kriteria profesionalisme.
01.04.41-01.08.56	 Soalan seterusnya adalah tentang Majlis Media Malaysia, yang dikatakan hendak ditubuhkan, tapi masih belum ditubuhkan yang fungsinya seperti badan kawalan juga, apa pendapat encik tentang itu, adakah ia patut ditubuhkan? Kita ni dikawal oleh beberapa akta di Malaysia ni, akta media cetak lah, banyak, dari segi kawalan tu akta tu pon dah cukup kuat, sebab itu ia tidak ditubuhkan sampai sekarang.	“Kita ini dikawal oleh beberapa akta di Malaysia ini, akta media cetak lah, banyak, dari segi kawalan tu akta tu pon dah cukup kuat, sebab itu ia tidak ditubuhkan sampai sekarang” “Idea penubuhan tu, sebab dulu kita berhadapan dengan satu bentuk media baru, jadi ada cabaran-cabarannya la” “kita di media tradisional ini, dan <i>mainstream</i>, kita dah faham dah, apa nama garis panduan, tanggungjawab kita	Idea penubuhan Majlis Media Malaysia: • Cabaran media baru yang bertentangan dengan media tradisional, yang tidak mengetahui garis panduan media. • Mengawal media online. Faktor tidak ditubuhkan: • Telah dikawal oleh beberapa akta di Malaysia yang cukup untuk mengawal. • Jadi Majlis media Malaysia tidak perlu ditubuhkan.	Informan menyatakan bahawa idea penubuhan majlis media Malaysia muncul adalah disebabkan oleh terdapat cabaran media baru yang tidak mengetahui garis panduan media, jadi ianya ditubuhkan untuk

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	Idea penubuhan tu, sebab dulu kita berhadapan dengan satu bentuk media baru, jadi ada cabaran-cabarannya la. Kemudian, media baru, media sosial, online macam facebook, twitter dan sebagainya la, jadi kita di media tradisional ni, dan <i>mainstream</i>, kita dah faham dah, apa nama garis panduan, tanggungjawab kita sebagai media. Tapi ada masalah dengan media sosial dan online yang mana kewartawanan dia tu bertentangan dengan <i>mainstream</i> media, jadi disebabkan itu la, timbul satu idea untuk mewujudkan Majlis Media Malaysia ni, saya rasa mungkin dia nak <i>control media online</i>. Sekarang ni kita dah ada akta multimedia, yang mana kalau kata, contohnya apa yang berlaku pada Malaysian Insider baru-baru ni, dah officially tutup semalam. SKMM dah tutup sebab dia adalah <i>certain thing</i> yang dia melanggar peraturan di bawah akta tu. <i>So okay</i> lah, dah control la kat situ. Dia dah ada regulation, dah cukup kuat. Baru-baru ini pon sesiapa yang buat	sebagai media. Tapi ada masalah dengan media sosial dan online yang mana kewartawanan dia tu bertentangan dengan <i>mainstream</i> media, jadi disebabkan itu la, timbul satu idea untuk mewujudkan Majlis Media Malaysia ni, saya rasa mungkin dia nak <i>control media online</i>” “Sekarang ni kita dah ada akta multimedia, yang mana kalau kata, contohnya apa yang berlaku pada Malaysian Insider baru-baru ni, dah officially tutup semalam” “SKMM dah tutup sebab dia adalah <i>certain thing</i> yang dia melanggar peraturan di bawah akta tu. <i>So okay</i> lah, dah control la kat situ. Dia dah ada regulation, dah cukup kuat” “penubuhan majlis tu tidak perlulah, sebab kita dah ada akta yang lain dah cukup memadai untuk kawal dan memberi garis panduan, dan membantu mengukuhkan profesionalisme”	mengawal media online. Informan menyatakan bahawa, penubuhan majlis media Malaysia tidak perlu ditubuhkan kerana telah ada akta yang lain yang memadai untuk mengawal dan memberi garis panduan, dan membantu mengukuhkan profesionalisme.
--	---	---	--

Lampiran C: Contoh Transkrip Temu Bual

	fitnah di laman sosial, polis dapat dikesan dan kena tangkap. penubuhan majlis itu tak perlulah, sebab kita dah ada akta yang lain dah cukup memadai untuk kawal dan memberi garis panduan, dan membantu mengukuhkan profesionalisme.			
--	---	--	--	--



UUM
Universiti Utara Malaysia

Lampiran D: Aplikasi Pengekoden Terbuka, Pengekoden Aksial, dan Pengekoden Terpilih dalam kajian ini.

Langkah pertama: Pengekoden Terbuka

Transkrip	Pengekoden Terbuka
	Subtema
“Kemahiran penguasaan penulisan, yang perlu ajar masa di universiti”	Penguasaan penulisan
“Kemahiran menulis, sape2 pon boleh menulis kan, tapi kita nak kena mahir menulis, kena tahu <i>news style writing</i> , yang <i>general</i> , cara penulisan berita, <i>news style</i> ini <i>general</i> ”	Penguasaan penulisan berita general
“biasanya macam Berita Harian, Harian Metro, dia punya gaya penulisan tu lain-lain, jadi kalaulah masuk Utusan , Sinar, kita ada <i>Houstyle</i> , ataupun gaya penulisan dalaman yang digunapakai, standard yang digunapakai itu lain-lain”	Penguasaan <i>house style</i>
“Kena belajar <i>piramid terbalik</i> ”	Penguasaan piramid terbalik
“5W 1H semua itu kena tahu, jadi maksudnya yang asas itu kena mahir dulu masa kamu belajar kat universiti. Itu juga satu kemahiran penulisan”	Penguasaan 5W 1H
“Kemahiran asas tu penting, sebab dari universiti ni kita tahu perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang, <i>journalism ethic</i> , cara penulisan yang berbeza, <i>feature writing</i> , <i>news writing</i> , jadi semua penting. Jadi kemahiran tu diasah apabila keluar daripada universiti. Jadi kemahiran asas yang diperlukan tu dia boleh menulis untuk surat khabar.	Penguasaan penulisan akhbar
“dari segi asas, untuk penulisan kita guna Bahasa Melayu yang betul, tapi kebanyakannya terbawa bawa Bahasa pasar”	Penguasaan penulisan bahasa melayu

Lampiran D: Aplikasi Pengekoden Terbuka, Pengekoden Aksial, dan Pengekoden Terpilih dalam kajian ini.

“Kalau zaman sekarang ni, kita bukan <i>report</i> untuk <i>printing</i> je, kita <i>report</i> untuk <i>website</i>, <i>sms alert</i>. <i>Twitter</i>, <i>facebook</i>, contoh, kalau <i>you</i> kena pergi satu <i>event</i>, biasa <i>interview</i> dengan <i>photographer</i>, tapi kadang <i>photographer</i> tak datang, <i>you</i> kena ambil gambar pakai <i>handphone</i>, lepas ni kita nak <i>reporter</i> ambil video, edit dan hantar, untuk kita punya <i>website</i>”	Mengambil gambar dan video
“katalah print media ni mati, kita dah tak tengok lagi, baca lagi <i>paper</i>, semuanya <i>online</i>, silap tak silap, <i>you</i> kena belajar macam mana cara nak buat sedikit editing untuk gambar, video, grafik <i>design</i>”	Mengedit gambar dan video
“kalau nak bagus lagi, kalau reporter boleh edit sendiri lagi bagus, dan <i>buat kapsyen gambar</i>, itu adalah antara kemahiran yang lain selain kemahiran menulis”	Menulis kapsyen gambar
“jadi wartawan, <i>firstly</i> phone. Katalah kalau kapal terbang mendarat, jatuh dalam air, ketuk story, masuk dalam <i>online</i>, tak payah tunggu <i>paper</i> esok pagi, sekarang, wartawan semua kene cepat. <i>So</i> kena pandai gune <i>note</i>, eh, jangan terkejut tau, ada yang tak pandai gune <i>notes</i>, <i>so</i> camne nak buat <i>story</i>, nak <i>paste</i>, <i>edit</i>, pastu mula lah guna ejaan tak betul”	Kendalikan teknologi
“Kemahiran komputer.. sepatutnya masa di universiti, contoh saya buat video kan, <i>video kena pendek</i>, reporter kena buat video untuk buat <i>sesuatu</i>, selain <i>grad</i>, <i>grad</i> tu sebagai bonus, sebagai contoh, pihak universiti buat pertandingan, pertandingan video terbaik, hadiah lumayan”	Kendalikan komputer
“tahu macam mana nak interview CEO syarikat ataupun ahli politik, daripada situ kita kena tahu cara-cara nak mendapatkan seseorang menjawab soalan kita, terutamanya <i>politician</i> yang susah nak bercakap, nak mendapatkan sesuatu supaya kita dapat bahan untuk <i>story</i>”	Pandai bercakap
“nak cari bahan berita la kata kan, nak cari bahan berita perlukan kemahiran yang tertentu, <i>macam mana nak bertanya dengan menghadapi VIP untuk mengorek rahsia tanpa membuatkan orang marah, tanpa melanggar undang-undang, akta rahsia rasmi</i>”	Pandai bertanya soalan
“kemahiran satu lagi adalah <i>kemahiran berkomunikasi dengan pihak yang berkaitan</i>. Contoh bomba, dan polis. Biasanya bomba dan polis pon ada ambil gambar, kena minta dengan mereka la, sebab kadang-kadang kita pergi pon dah	Pandai menemubual pihak bomba polis, dan ahli korporat

Lampiran D: Aplikasi Pengekoden Terbuka, Pengekoden Aksial, dan Pengekoden Terpilih dalam kajian ini.

lambat”	
“Kemahiran penguasaan Bahasa, Kemahiran Bahasa ni adalah kemahiran Bahasa Malaysia”	Penguasaan bahasa melayu
“kalau <i>English</i> tu di media ni sekadar memahami tu <i>okay</i> la kan, tapi penulisan tu, kita tak menulis dalam <i>English</i> , tapi pemahaman dalam <i>English</i> tu penting lah. Pemahaman dalam <i>English</i> tu penting contoh kalau dia pergi ke meja ekonomi, memang <i>English</i> , kalau dia pergi ke meja luar negara, dia kena baca <i>English</i> ”	Penguasaan bahasa Inggeris
“kita tahu kita kerja dengan kerajaan, so apa yang kita tulis tu mesti selari dengan kerajaan. Masih ada kebebasan, tapi mesti selari dengan <i>guide</i> yang diberikan”	Kebebasan menulis
“mempunyai <i>good of understanding</i> tentang batas-batas agama, politik”	Faham tentang batasan agama dan politik
“kalau tak komited, tak profesional la. dia <i>mix</i> la, sebab ada yang beri tumpuan, ada yang sambil lewa, memang kita perlukan orang yang betul-betul komited la, macam orang yang tak komited tu, sambal lewa.. kita akan beri teguran. Jadi dia kan buat kerja dia dengan baiklah macam tu”	Memberi tumpuan Tidak sambil lewa
“rajin belajar, rajin bertanya, kalau nak maju ni, kalau duduk diam je, tak boleh la. Contohnya ada seorang student praktikal di sini, yang tak makan di ajar, lepas tu duduk diam, tak nak bertanya, tak tau lah dia lulus ke tak lulus.	Rajin belajar Rajin bertanya
“melaporkan hanya apa yang berlaku, secara jujur dan tidak ada yang ditambah-tambah, tidak dimanipulasi untuk jadikan berita tu lagi bagus”	Melaporkan yang benar
“Profesionalisme ni datang daripada daripada keinginan untuk berjaya sebagai seorang wartawan, bukan untuk menjadi <i>glamore</i> sebagai seorang wartawan, ataupun mendapat perkara yang lain yang berkaitan nak rapat dengan ahli politik, artis ke, CEO ke, buang semua agenda lain, segi tiada agenda lain, hanya semata-mata untuk menjalankan	Menjadi wartawan bukan untuk kepentingan diri

Lampiran D: Aplikasi Pengekoden Terbuka, Pengekoden Aksial, dan Pengekoden Terpilih dalam kajian ini.

tugas sebagai seorang wartawan”	
---------------------------------	--

Langkah kedua: Pengekoden Aksial


Pengekoden Terbuka	Pengekoden Aksial
Subtema	Tema
Penguasaan penulisan Penguasaan penulisan berita general Penguasaan house style Penguasaan piramid terbalik Penguasaan 5W 1H Penguasaan penulisan akhbar Penguasaan penulisan bahasa melayu	Kemahiran Menulis
Mengambil gambar dan video Mengedit gambar dan video Menulis kapsyen gambar Kendalikan teknologi Kendalikan computer	Kemahiran Multimedia
Pandai bercakap Pandai bertanya soalan Pandai menemubual pihak bomba polis, dan ahli korporat	Kemahiran Berkomunikasi
Penguasaan bahasa melayu Penguasaan bahasa Inggeris	Kemahiran Dwibahasa
Kebebasan menulis Faham tentang batasan agama dan politik	Autonomi
Memberi tumpuan Tidak sambil lewa Rajin belajar	Komitmen

Lampiran D: Aplikasi Pengekoden Terbuka, Pengekoden Aksial, dan Pengekoden Terpilih dalam kajian ini.

Rajin bertanya	
Melaporkan yang benar	Kejujuran
Menjadi wartawan bukan untuk kepentingan diri	

Langkah ketiga: Pengekoden Terpilih

Pengekoden Aksial	Pengekoden Terpilih
Tema	Kategori
Kemahiran Menulis	Kemahiran asas
Kemahiran Multimedia	Kemahiran lain
Kemahiran Berkomunikasi	
Kemahiran Dwibahasa	
Autonomi Komitmen Kejujuran	Kriteria profesionalisme



UUM
Universiti Utara Malaysia